



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA  
*Senate*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL  
*Seventh Session*

PERTAMA

**First**

---

**Jilid I**                      **Bil. 25**                      Hari Jumaat                      17hb Julai 1987

---

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN                      (Ruangan 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan  
daripada Peraturan Mesyuarat                      (Ruangan 36)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan                      (Ruangan 37)

Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan  
Perdagangan                      (Ruangan 128)

UCAPAN PENANGGUHAN:

Masalah Pekerja Ladang Lembah Kelang  
Y.B. Tuan S. Sivalingam                      (Ruangan 164)



## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

**Jumaat, 17hb Julai, 1987****Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]****JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****PELANCONG - MENINGKATKAN KEDATANGAN**

1. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) strategi dan usaha-usaha yang sedang dan telah disusun oleh Kementeriannya bagi menarik pelancong dari luar negeri mengunjungi Malaysia;
- (b) jumlah pelancong daripada negara-negara ASEAN, Jepun dan Korea Selatan yang mengunjungi negara ini dalam tahun 1985, 1986 dan sehingga pertengahan tahun 1987;
- (c) usaha-usaha yang dijalankan bagi menarik pelancong daripada negara Arab yang lebih suka mengunjungi Bangkok dan Manila, supaya turut singgah di Kuala Lumpur; dan
- (d) galakan melancong dalam negeri di kalangan senior citizen,

**Menteri Kebudayaan dan Pelancongan [Dato Haji Sabbaruddin**

**Chik]:** Tuan Yang di-Perlu, seperti yang telah dinyatakan di Dewan yang mulia ini, Kementerran Kebudayaan dan Pelancongan adalah mempunyai matlamat bagi meningkatkan lagi kedatangan pelancong-pelancong luar negeri ke negara kita ini.

Untuk mencapai tujuan ini, Kementerian telah dan akan terus melaksanakan berbagai usaha bagi memperkenalkan segala tarikan pelancongan di negara kita ini menerusi program-program pengiklanan, penggalakan, perhubungan awam dan juga penyebaran maklumat. pelancongan di semua pasaran-pasaran pelancongan utama di seluruh dunia.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini akan juga bekerjasama dengan sektor swasta bagi merancang dan menawarkan lebih banyak jadual-jadual lawatan ke negara-negara ini dengan harga yang berpatutan kepada bakal-bakal pelancong di pasaran-pasaran yang terpilih. Usaha ini adalah sebagai satu langkah tambahan kepada usaha kerjasama yang sedia terjalin dengan negara-negara jiran seperti Singapura dan Thailand dalam menggalakkan lawatan pelancong yang mengunjungi kedua-dua buah negara tersebut ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soalan bahagian (b), sukalah saya memaklumkan initu jumlah pelancong-pelancong dari negara-negara ASEAN, Jepun dan Korea Selatan mengunjungi Malaysia bagi tahun 1985 adalah seperti berikut:

Tahun	ASEAN	Jepun [Pelancong]	Korea Selatan
1985	2.33 juta	117,000	7,625

Perangkaan yang tepat bagi tahun 1986 dan juga 1987, Tuan Yang di-Pertua, masih belum diperolehi. Walau bagaimanapun, mengikut anggaran yang dibuat bilangan pelancong-pelancong yang melawat Malaysia bagi kedua-tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Asean	Jepun [Pelancong]	Korea Selatan
1986	2.38 juta	125,000	7,853
1987 (Jan-Jun)	1.0 juta	63,000	3,890

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan adalah menyedari bahawa terdapat sebilangan para pelancong dari negara Timur Tengah yang kerap melawat Bangkok dan Manila. Dalam hubungan ini, Kementerian juga ada mempunyai cadangan-cadangan untuk mengadakan beberapa program penggalakan dengan tujuan untuk menarik minat pelancong dari negara-negara tersebut terutama sekali bagi pelawat-pelawat dengan keluarga masing-masing bagi menghabiskan masa cuti mereka di negara kita.

Mengenai soalan (c), Kerajaan menyedari bahawa terdapat beberapa pihak tertentu yang sedia memberikan galakan kepada kumpulan 'senior citizens' supaya melancong di dalam negara. Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan juga Feri Malaysia sebagai contoh, adalah menawarkan galakan perjalanan kepada 'senior citizens' dari segi potongan tambang. Galakan-galakan sedemikian adalah dialu-alukan oleh Kementerian dan kita sentiasa bersedia memberikan segala sokongan yang perlu untuk mendorong lebih ramai lagi 'senior citizens' untuk melancong di seluruh negara.

**Tuan Yang di—Pertua:** saya beri peluang kepada wanita dahulu - Yang Berhormat Puan Aion binti Ariffin.

**Puan Aion binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memajukan dua soalan tambahan kepada Menteri Kebudayaan dan Pelancongan. Yang pertama ialah tadi kita mendengar strategi dalam rancangan Kementerian, bagaimanakah strategi di Kementeriannya sendiri mengenai staff dan kakitangan kerana Kementerian Yang Berhormat baru sahaja ditubuhkan, apakah sudah memadai segala kakitangannya kerana Kementerian ini mempunyai potensi yang penting dan mempunyai urusan yang begitu mustahak dalam mendatangkan sumber kewangan kepada negara?

Kedua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar atau maklum bahawa di peringkat luar negeri iaitu usaha-usaha untuk menarik pelancong di luar negeri yang dilakukan oleh TDC masih kekurangan kakitangannya, upamanya seperti di Frankfurt yang merangkumi banyak negara sehingga sampai ke negara Austria dan negara lain di sekelilingnya dan juga cawangan TDC kita di London atau di England.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik** : Tuan Yang di-Pertua, saya amat terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas pandangan ini. kerana sebenarnya memang betul oleh sebab Kementerian ini baru maka kita hanya mendapat kira-kira 50% daripada keperluan pegawai-pegawai di Kementerian, dan walaupun ramai sangat datang pada waktu ini pun sukar keraaa tempatnya tidak ada. Kita masih lagi sedang menyediakan pejabat pegawai-pegawai ini masing-masing dan ianya dijangka siap pada penghujung bulan ini.

Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sekarang ada pegawai-pegawai diletakkan dalam tempat makan, dengan izin, dining room, ada diletakkan di dalam bilik mesyuarat. Insya Allah, apabila seperti mana saya nyata tadi akan tempatnya siap pada hujung bulan ini kita akan mendapat tempat yang Lebih selesa. Kita harap pada waktu itu pihak JPA akan bersetuju menghantar pegawai-pegawai yang lain.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagai sebuah Kementerian baru memanglah barangkali pihak-pihak yang berkenaan masih berhati-hati melihatkan prestasi dulu sebelum hendak memberi pegawai-pegawai lebih banyak lagi.

Saya kira walaupun sekarang ini pembekuan diadakan tetapi, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ini memang membawakan hasil, kalau banyak lagi pegawai, insya Allah kita akan dapat menambahkan lagi kerja-kerja penyebaran maklumat dan sebagainya dibuat dengan lebih baik.

Berkenaan dengan pejabat-pejabat di luar negeri, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita hanya mempunyai 8 pejabat luair negeri dan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainon tadi memang betul Frankfurt terpaksa, dengan izin, cover beberapa buah negeri yang lain. Barangkali kita akan berunding dengan pihak yang berkenaan termasuk Perbendaharaan dan juga JPA supaya menambah lagi pejabat-pejabat di luar negeri khususnya di Eropah supaya dapat menarik lebih banyak pelancong-pelancong ke negara kita ini.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut maklumat yang diketahui pelancong-pelancong Arab lebih suka pergi ke Bangkok dan Manila. Apakah sebabnya? Adakah kerana layanan istimewa dari negara-negara tersebut ataupun bagaimana? Apakah usaha-usaha yang dibuat oleh negara ini. untuk menarik supaya pelancong Arab ini. lebih gemar datang ke negara ini?

**Dato<sup>1</sup> Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Arab ini serupa orang lain juga [Ketawa] Kegemaran orang Arab, kegemaran orang Melayu, kegemaran orang Jerman sama sahaja serupanya. Kalau melancong mereka suka melihat tempat-tempat yang seronok.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan kita tahu apa sebab Arab suka pergi ke Bangkok dan Manila kerana ada keistimewaan di sana adakah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan apabila berhasil untuk mendapatkan banyak pelancong-pelancong dari,- pada negara-negara Arab datang ke Malaysia ini maka Malaysia juga

akan dianggap macam Bangkok dan Manila? Jadi, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan kalau sekiranya tidak tersebut dalam senarai semacam Bangkok dan Manila saya akan memberi kepujian yang paling istimewa kepada Menteri atas kebijaksanaannya.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah cuba sebutkan tadi. dan hendak elakkan dengan menyebut "tempat-tempat yang enak." Saya ingatkan sudah memadailah setakat itu. Nampaknya hendak sebut dengan betul. Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, susah hendak cakaplah kenapa mereka pergi ke Manila sama Bangkok ini.. **[Ketawa]**

Tetapi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kita akan cubalah supaya menarik lebih banyak lagi. mereka daripada negara-negara Arab ini. sebab saya tekankan tadi khususnya yang berkeluarga supaya mereka berbelanja dengan lebih banyak lagilah di sini.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup, tiga sahaja.

#### PASUKAN POLIS - SYARAT MEMOHON JAWATAN

2. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bolehkah Kerajaan mengecualikan kepujian di dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dalam peperiksaan SRP atau SPM bagi kaum India yang ingin memohon kerja dalam Pasukan Polis Di-Raja Malaysia.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengecualikan syarat kepujian Bahasa Malaysia dalam peperiksaan SRP dan SPM kepada calon-calon yang ingin memohon jawatan dalam Pasukan Polis.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah galakan daripada orang-orang yang bukan Melayu apabila pihak Polis Di-Raja Malaysia meminta banyak pemuda-pemuda bukan Melayu masuk perkhidmatan Polis - adakah mereka itu dapat masuk atau tidak?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, galakan memang kita adakan agar banyak lagi rakyat yang bukan keturunan Melayu memasuki Polis. Kadangkala pihak yang menemuduga ini terpaksa menunggu di suatu tempat itu lebih lama kerana mengharapkan supaya lebih ramai calon daripada bukan Melayu untuk datang menawarkan diri. Tetapi sayangnya kadangkala tidak ada pun yang datang untuk ditemuduga.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab-sebab rakyat-rakyat kita dari keturunan bukan Melayu tidak memberi sambutan yang begitu menggalakkan untuk mengambil bahagian dalam Pasukan Polis? Adakah kerana disebabkan mereka tidak ada kepujian dalam Bahasa Malaysia semasa mereka memasuki Pasukan Polis Di-Raja Malaysia dan kenaikan pangkat juga tidak diberi pertimbangan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin kerana latar belakang satu-satu kaum itu. Ada setengah kaum itu memandangkan kewangan lebih daripada yang lain. Jadi, oleh kerana Pasukan Polis ini bukan merupakan satu pendapatan yang lumayan, kerana dia mementingkan kesetiaan dan pengorbanan maka itulah memungkinkannya tidak mendapat galakan daripada pihak yang lain.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian Dalam Negeri tidak mahu mengecualikan kepujian Bahasa Malaysia sebagai syarat untuk seseorang masuki Perkhidmatan Polis kerana mahu melambangkan tiap-tiap orang anggota Polis fasih dalam Bahasa Malaysia?

**Dato' Megat Ayob bin Megat Junid:** Tuan Yang di-Pertua, kita ingin memastikan bahawa tiap-tiap anggota Polis kita mempunyai kelulusan yang baik untuk menghadapi segala ancaman.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selaras dengan soalan ini bolehkah Yang Berhormat menyatakan sejauh manakah Kementerian Dalam Negeri kita pernah menimbang untuk menambah bilangan Polis Wanita dalam Pasukan Polis Di-Raja Malaysia dan bolehkah Yang Berhormat memberi data-data mengenai bilangan anggota Polis mengikut 'race' yang kini dalam Pasukan Polis Di-Raja Malaysia?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, galakan memang dijalankan untuk mempelawa kaum wanita untuk memasuki Pasukan Polis kerana kita tahu ada jurusan-jurusan tertentu di mana Polis Wanita menjalankan peranannya dengan lebih baik.

Soalan yang kedua, oleh kerana Pasukan Polis menganggap bahawa keseluruhan anggota Polis itu adalah anggota Polis, maka kita tidaklah menyenaraikan Pasukan Polis ini mengikut kaum.

**AHLI MAJLIS DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR -LANTIKAN**

3. **Tuan Tan Chai Ho** minta Perdana Menteri menjelaskan sama ada sedarkah atau tidak permintaan orang ramai supaya akta-akta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang sedia ada kini dipinda untuk membolehkan perlantikan ahli majlis dilakukan. Dengan demikian pentadbiran pihak Dewan Bandaraya dijangka akan menjadi lebih cekap dan licin,

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Drs. Sulaiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidaklah seperti Majlis-majlis Perbandaran yang lain di negara ini. Selain daripada tarafnya sebagai sebuah bandaraya dan berpusat segala kegiatan ekonomi, politik, kebudayaan dan pentadbiran negara ia juga adalah ibu negara Malaysia. Oleh hal yang demikian, semenjak Peraturan Ibu Kota Persekutuan (Lembaga Penasihat) 1961 digubal di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, pentadbiran Dewan Bandaraya dibantu oleh sebuah Lembaga Penasihat yang dikenali sebagai Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Lembaga ini bertanggungjawab untuk menasihati Datuk Bandar mengenai apa-apa perkara berhubung dengan pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan juga mengenai apa-apa soalan yang dirujuk oleh Menteri yang bertanggungjawab. Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang merupakan imej pentadbiran Ibu Kota Negara ini perlu digubal dengan cekap dan licin. Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur ini juga telah dapat melaksanakan peranannya dalam membantu pentadbiran dan pembangunan Dewan Bandaraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah menerima rungutan daripada orang ramai berhubung dengan dasar pentadbiran Dewan Bandaraya yang sedia ada sekarang ini. Sebaliknya, dengan keputusan Kerajaan meletakkan pentadbiran Dewan Bandaraya di bawah Jabatan Perdana Menteri akan dapat membantu pentadbiran dan pembangunan Dewan Bandaraya dilaksanakan dengan lebih baik lagi. Oleh itu adalah tidak perlu dasar pentadbiran yang diamalkan sekarang ini dipinda.

**Tuan Azam Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan setakat ini. Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya tugasnya sepatutnya menasihatkan Datuk Bandar, tetapi apa yang saya di fahamkan sebaliknya, Datuk Bandar menasihati kepada penasihat-penasihat itu. Adakah Timbalan Menteri sedar perkara ini berlaku atau tidak?

**Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan siasat.

**PELAN INDUK KEBANGSAAN BAGI INDUSTRI PELANCONGAN**

**4. Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) sektor-sektor yang akan dimajukan untuk menarik lebih banyak lagi pelancong ke negara ini;
- (b) sama ada Kementerian beliau mempunyai suatu Pelan Induk Kebangsaan (National Master Plan) untuk meningkatkan lagi industri pelancongan di negara ini; dan
- (c) sama ada beliau akan mengkaji kemungkinan memamerkan nilai-nilai kebudayaan semua kaum di negara ini sebagai suatu ciri-ciri penarikan pelancong ke negara ini.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai usaha kini sedang dijalankan untuk menarik lebih ramai pelancong seperti yang saya katakan tadi. Usaha-usaha ini termasuklah memajukan beberapa sektor dalam industri pelancongan untuk menentukan supaya pelawat-pelawat yang datang diberi kemudahan yang secukupnya. Perkara-perkara yang akan di majukan adalah dari segi kemudahan-kemudahan penginapan, pembangunan, tarikan-tarikan pelancongan dan menjalankan usaha-usaha promosi yang mencukupi. Pihak swasta juga pada masa ini digalakkan membangunkan sektor perhotelan dan lain-lain tarikan di kawasan-kawasan yang mempunyai potensi. Kerajaan pada masa ini memberi berbagai-bagai galakan pelaburan kepada pelabur-pelabur yang ingin menceburkan diri di dalam pembinaan hotel-hotel dan projek-projek pelancongan. Galakan juga diberi kepada pembinaan hotel-hotel bertaraf sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama beberapa kawasan yang menarik dan berpotensi akan juga dimajukan oleh pihak swasta untuk menentukan supaya pelancong-pelancong yang datang akan mempunyai aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk menambahkan jumlah hari mereka tinggal di negara kita ini. Kawasan-kawasan tersebut juga sentiasa diawasi untuk menentukah ianya sentiasa berada di dalam keadaan yang bersih dan mempunyai kemudahan-kemudahan awam yang mencukupi,. Kemudahan-kemudahan lain yang juga kita galakkan ialah seperti. pusat-pusat penerangan pelancongan dan papan-papan tanda yang mencukupi supaya senang memberi kemudahan kepada pelancong-pelancong ini.

Berkenaan dengan (b), Tuan Yang di-Pertua, Kementerian dan kerjasama Agensi Kerjasama Aatarabangsa Jepun (JICA) pada masa ini sedang menjalankan satu kajian pelan induk untuk memajukan lagi industri pelancongan di negara kita ini. Kajian ini apabila siap akan membantu Kerajaan menyediakan garis-garis panduan untuk pembangunan pelancongan di seluruh negara. Kajian ini merupakan program bantuan Kerajaan Jepun sebenarnya dan kita berharap ianya nanti akan dapat menolong kita mengenalpasti, untuk membangunkan projek-projek pelancongan yang belum kita kenali.

Berkenaan dengan (c), Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini tidak timbul kerana Kerajaan sentiasa menggalakkan kebudayaan negara ini sebagai satu tarikan pelancong yang kita fikir boleh kita kembangkan melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian seperti yang ada sekarang ini.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Dari segi puratanya seorang pelancong yang datang ke Malaysia berapakah wang yang akan dibelanjakan oleh beliau mengikut bangsa Jepun, orang Amerika dan orang ASEAN?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1986 daripada kira-kira 3 juta pelancong yang datang ke Malaysia, kita telah memperolehi wang sebanyak \$1,700 juta. Oleh sebab sebahagian besar daripada pelancong ini datangnya dari Singapura yang tidak tinggal begitu lama, maka jumlah ini dibandingkan dengan negara-negara lain mempunyai bilangan pelancong yang kurang, tetapi mendapat hasil yang lebih banyak.

Di negara kita purata perbelanjaan sehari bagi tiap-tiap pelancong ialah \$117 sehari yang terdiri daripada perbelanjaan pelancong-pelancong dari negeri Jepun yang paling tinggi kira-kira \$194 sehari, yang paling rendah adalah pelancong-pelancong dari negeri Thai yang berbelanja kira-kira \$45 sehari sahaja. Ini agak rendah sebenarnya sebab orang-orang Thai ini bertolak dari Bangkok waktu petang, bermalam di dalam bas, tiba di sini kira-kira pagi, daripada 30-40 orang dalam satu bas itu, ambil hanya 4-5 bilik tempat hendak mandi, berbasuh muka dan sebagainya, makan, kemudian mereka tak menggunakan hotel untuk tidur, kemudian mereka pergi merayau-rayau tempat lain, sama ada pergi Singapura atau balik pula ke tempat lain. Jadi kiranya mereka ini 'cheap travellers', kalau boleh banyak lagi daripada Jepun, daripada Jerman, ini membanyakkan lagi perbelanjaan harian.

**Tuan Haji Jaafar bin Haron:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada kemasukan para pelancong ke negara kita ini kadangkala ada didapati di antara mereka itu yang memakai pakaian kurang sopan. Jadi, adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan Akta Memakai Pakaian kepada para pelancong?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini belum lagi kita terfikir tentang perkara itu. Sebenarnya, perkara-perkara seperti inilah yang kadangkala mengurangkan kedatangan pelancong ke negara kita, sebab kurang sopan itu sukar hendak beri takrif, sama ada pakai mini skirt itu kurang sopan ataupun macam mana, sebab pada mereka yang datang barangkali ini agak sederhana. Jadi seperti juga kadangkala kita gaduhkan sangat perkara-perkara seperti ini sehingga timbul soalan macam waktu soalan tambahan kepada soalan pertama tadi mengapa orang negeri Arab kurang suka datang ke mari, tetapi datang ke Bangkok dan Manila.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi menjamin keselamatan pelancong-pelancong yang melawat ke negara kita, adakah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan merancang mengadakan unit khas ataupun seperti. Unit Polis Pelancongan yang telah ditubuhkan di setengah-setengah negeri?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu satu persoalan yang baik. Sebenarnya, sekarang ini kita belum fikirkan, tetapi akan kita fikirkan demi kepentingan pelancong-pelancong yang datang ke negara kita ini. Sebenarnya, setakat ini, kita tidak mempunyai banyak komen tentang keselamatan, kecuali dua, tiga kali sahaja. Walaupun demikian, insya Allah, kita akan teliti supaya pelancong-pelancong itu sentiasa berada di dalam keadaan yang selamat.

**Tuan Haji Shuaib bin Lazim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai Kementerian baru yang ditugaskan khas mengenai kebudayaan dan pelancongan, saya inginlah meminta pandangan, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai kebudayaan Malaysia yang ada sekarang dan apakah usaha-usaha yang lebih serius atau rancangan yang akan dibuat oleh Kementerian ini supaya dapat kita melihat kebudayaan Malaysia yang akan datang benar-benar mencerminkan masyarakat Malaysia pada keseluruhannya.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kaitan dengan soalan asal ia dia tidak begitu tepat dari segi awal. Walau bagaimanapun, sebenarnya dari segi kebudayaan, memang Kementerian akan meneruskan dasar yang ada sekarang ini yakni kebudayaan Malaysia akan berteraskan kebudayaan penduduk asal di sini. Unsur-unsur kebudayaan dari keturunan lain akan difikirkan dan yang mana munasabah akan diambil kira bersama asalkan unsur-unsur ini tidak bertentangan dengan agama Islam yang merupakan dasar ketiga, Dasar Kebudayaan Negara.

#### **SYARIKAT MEMBERHENTIKAN PEKERJA-PEKERJA**

5. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Buruh menerangkan sama ada beliau sedar buat masa sekarang banyak kilang-kilang dan syarikat memberhentikan pekerja-pekerja. Adakah Kementerian Buruh sedar pemberhentian pekerja-pekerja tersebut dibuat dengan sewenang-wenangnya.

**Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:**  
Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh sedar bahawa pemberhentian pekerja-pekerja masih berlaku di beberapa kilang dan syarikat. Walau bagaimanapun, bilangan pemberhentian pekerja pada masa ini tidak sebegitu banyak seperti beberapa tahun kebelakangan.

Adalah tidak benar majikan-majikan memberhentikan pekerja-pekerja mereka dengan sewenang-wenangnya. Sebagaimana yang Berhormat sedia maklum, sebab utama pemberhentian pekerja berlaku

adalah akibat kemelesetan ekonomi dan pertumbuhan ekonomi yang lembab. Kebanyakan majikan mengambil langkah memberhentikan pekerja-pekerjanya sebagai langkah yang terakhir yang perlu diambil untuk menyelamatkan perniagaan mereka. Sebelum itu untuk mengelakkan pekerja-pekerja dari diberhentikan kerja, majikan-majikan dinasihatkan untuk mengurangkan kerja lebih masa dan hari hekerja. Di samping itu, adalah tidak sebegitu mudah bagi majikan untuk memberhentikan pekerja-pekerjanya dengan sewenang-wenangnya oleh kerana pekerja-pekerja itu berhak, di bawah Akta Perhubungan Perusahaan melalui Mahkamah Perusahaan, menuntut diambil balik bekerja semula.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memajukan soalan, adakah Yang Berhormat memaklumi bahawa Pergerakan Pemuda UMNO baru-baru ini telah membuat beberapa saranan pembelaan kepada pembuangan kerja yang tidak sewajarnya di beberapa buah syarikat yang saya tidak mahu sebutkan di sini, tetapi ianya telah diteliti bahawa pembuangan itu bukan kerana kerugian atau kerana ekonomi meleset tetapi kerana mereka ingin menambah keuntungan yang berlebihan atau ingin mengambil kesempatan daripada kemelesetan ekonomi?

Kedua, adakah pihak Kementerian benar-benar mengawasi syarikat-syarikat yang mengambil kesempatan begini, dengan izin, taken for granted ini, kerana take too much advantage boleh menyebabkan bertambah lagi masalah pengangguran di negara kita.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat sebentar tadi, iaitu mengenai kenyataan oleh salah seorang daripada Jawatankuasa Biro Buruh Pemuda UMNO, kita hanya meudapat tahu daripada Laporan akhbar semalam sahaja dan bagi syarikat-syarikat yang berkenaan itu,

secara rasminya kita tidak mendapat aduan lagi daripada mana-mana pihak termasuk Kesatuan-Sekerja. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, segala kes-kes yang seumpama ini jika dilaporkan kepada kementerian, kita akan mengkaji sedalam-dalamnya dan mengambil tindakan yang sesuai mengikut peraturan-peraturan dan Akta yang ada yang boleh kita laksanakan. Di samping itu pekerja itu sendiri berhak sama ada melalui Kesatuannya kalau pekerja itu jadi ahli kesatuan, ataupun dengan sendiri jika dia tidak ada menjadi ahli kesatuan untuk mengambil pembelaan tnengikut Akta Perhubungan Perusahaan iaitu di bawah Seksyen 20 untuk meminta supaya diambil semula.

Walaupun bagaimanapun, sukalah saya memberi jaminan bahawa kes-kes yang mana didapati syarikat-syarikat sengaja melakukan perkara ini, kita akan memanggil mereka, menasihati dan juga mengambil tindakan yang difikirkan munasabah. Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan ini supaya pihak Kesatuan dan juga pihak pekerja yang terlibat itu sendiri hendaklah sentiasa menghubungi pihak Kementerian ini melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan, Jabatan Buruh dan sebagainya jika mereka fikirkan pemberhentian mereka itu dibuat dengan cara yang tidak betul.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar atau tidak angka yang disebutkan iaitu bilangan pengangguran dalam negara kita ini telah meningkat kepada lebih kurang setengah juta orang dan apakah langkah-langkah dan tindakan untuk jangka panjang dan jangka pendek oleh Kementerian Buruh untuk membantu mereka yang di dalam keadaan pengangguran?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah terkeluar sedikit daripada konteks asal. Walau bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan iaitu angka tersebut adalah

benar bagi tahun 1986 iaitu pada kadar 8.7%, maknanya lebih kurang 500,000 orang penganggur ada di dalam negara kita ini.

Bagi soalan mengenai langkah untuk mengurangkan pengangguran ini, ianya tidak terhad kepada Kementerian Buruh sahaja. Secara umumnya, peluang pekerjaan ini bergantung kepada tiga faktor yang penting. Yang pertama, pertumbuhan ekonomi yang kedua, pelajaran dan yang ketiga ialah kemahiran. Yang banyak sekali, bergantung kepada pertumbuhan ekonomi,

Dalam pertumbuhan ekonomi yang lembab dan perlahan ini, maka syarikat swasta tidak dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru ataupun mereka tidak dapat mengekalkan pekerja-pekerja yang ada. Sebaliknya dalam pertumbuhan ekonomi yang meningkat dan pesat maju, maka peluang-peluang pekerjaan akan bertambah. Itulah secara umum.

**Tuan Haji Jaafar bin Haron:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu akan angka-angka iaitu berapa banyak kilang-kilang dan pekerja-pekerjanya yang asal dahulu iaitu sebelum terjadi kemelesetan; dan kedua, berapa banyakkah kilang-kilang dan pekerja-pekerjanya yang telah diberhentikan setakat ini?

**Dato\* Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberi angka dalam masa kemelesetan ekonomi. Dalam peringkat yang agak tinggi dahulu, iaitu dalam tahun 1985, pada tahun itu sahaja 43,844 orang pekerja telah diberhentikan berbanding dengan tahun sebelumnya 1984 hanya 9,269 orang.

Suka saya memaklumkan berkaitan dengan ini, angka ini telah turun pada akhir-akhir ini berikutan dengan beberapa tanda pemulihan ekonomi bagi negara kita yakni banyak di antara kilang-kilang dan

lombong-Lombong telah dibuka semula menyebabkan pekerja-pekerja baru diambil dan pekerja yang sedia ada itu tidak lagi. diberhentikan. Misalannya, pada tahun ini sejak bulan Januari hingga bulan Jun, pekerja-pekerja yang diberhentikan hanya lebih kurang 8,000 lebih sahaja.

**SIJIL KERAKYATAN**

**6. Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Dalam negeri menerangkan:

- (a) berapa ramaikah permohonan-permohonan untuk Sijil Kerakyatan yang telah diluluskan di bawah Pendaftaran masih perlu untuk mengambil sumpah taat sepertimana yang dikehendaki dan
- (b) apakah langkah-langkah tegas yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengesan dan memberitahu mereka tentang keperluan mengambil sumpah taat tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat**

**Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir bulan Jun 1987 seramai 964 orang yang mana permohonan kewarganegaraan telah diluluskan tetapi mereka masih belum mengangkat sumpah taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung dan negara. Pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara di peringkat negeri dan daerah sentiasa berusaha untuk menghubungi pemohon-pemohon kewarganegaraan yang mana permohonan mereka telah diluluskan, tetapi masih belum mengangkat sumpah taat setia.

**PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN**

**7. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan pelaksanaan dasar penerapan nilai-nilai Islam di kalangan kakitangan Kerajaan dalam menjalankan tugas harian mereka. Adakah ianya telah tercapai ke tahap yang dikehendaki oleh Kerajaan. Jika tidak, minta Menteri yang berkenaan menjelaskan:

- (a) sebab-sebab ianya tidak tercapai ke tahap yang dikehendaki oleh Kerajaan;
- (b) adakah ianya tidak mendapat sambutan yang baik dari kakitangan Kerajaan kerana kurangnya ceramah yang diberikan kepada mereka tentang kebaikan penerapan nilai-nilai Islam dalam menjalankan tugas harian mereka; dan
- (c) apakah usaha-usaha kerajaan supaya dasar penerapan nilai-nilai Islam dapat diamalkan bersungguh-sungguh oleh kakitangan kerajaan dalam menjalankan tugas mereka.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 7. Sebelum soalan ini dijawab, saya ingin membuat sedikit pembetulan di bahagian (b), baris yang ketiga iaitu tentang kebaikan "penerapan", bukan "penerangan",

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor]:** Tuan Yang di-Pertua, penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan adalah satu dasar yang bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai Islam yang bersifat universal seperti amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, berdisiplin, bersih, bersyukur dan sebagainya di kalangan pegawai dan kakitangan serta anggota pentadbiran Kerajaan. Dasar ini adalah merupakan satu rancangan pembentukan peribadi iaitu satu proses yang berterusan dan memakan masa yang panjang. Namun demikian, setakat ini dasar tersebut telah mencapai kejayaan yang memuaskan kerana sambutan yang amat menggalakkan daripada pegawai dan kakitangan Kerajaan serta masyarakat keseluruhannya. Oleh hal yang demikian, program-program yang sedang dijalankan sekarang seperti kursus, seminar, kempen, ceramah-ceramah dan lain-lain lagi akan diteruskan.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya. Kita bersyukur dan mengucapkan tahniah kerana ada kejayaan dalam dasar yang murni ini, tetapi adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa baru-baru ini ada lagi isu-isu yang tidak senang dengan dasar ini dikemukakan oleh beberapa pihak yang kebanyakannya adalah merupakan di dalam kumpulan kita juga. Apakah tindakan, pandangan dan nasihat dan pada Yang Berhormat Menteri selaku yang bertanggungjawab dalam perkara ini bagi pihak Kerajaan?

**Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, setelah kita sedar bahawa ada yang tidak senang, maka pihak Kerajaan telah mengenalpasti mereka yang tidak senang itu dan didapati bahawa kebanyakannya mereka terdiri daripada parti Pembangkang. Parti Pembangkang yang sentiasa berusaha menanggung perkara-perkara yang seperti ini di air yang keruh. Ini terbukti. Bila kita lihat masyarakat yang bukan Islam yang fikirannya luas, yang fikirannya tidak terhad kepada sesuatu perkara sahaja dan mereka telah menerimanya dengan baik dan kalau sekiranya kita dapati ini hanya berlaku di kalangan parti Pembangkang, maka menunjukkan bahawa perkara ini dijadikan isu sebagai satu usaha untuk membangkang kebaikan yang dibuat oleh Kerajaan.

Tindakan yang dibuat oleh Kerajaan akan terus mengikut apa yang pernah kita buat iaitu meneruskan kebaikan. Dan meneruskan kebaikan ini bukan sahaja atas usaha-usaha yang secara langsung bernama usaha yang bersifat keislaman, tetapi usaha-usaha yang baik itu walaupun tidak bernama Islam, tetapi yang baik itu adalah sebenarnya Islam.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Saudukong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk pegawai-pegawai keselamatan di Lapangan-terbang, di MAS, dan pelabuhan-pelabuhan, adakah Kerajaan telah membuat satu dasar supaya mereka ini, terutamanya pegawai-pegawai Islam diberikan kelepasan untuk menunaikan Sembahyang Jumaat?

**Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, belumlah ada dasar. Sesuatu dasar itu dibuat bila dirasakan perlu sahaja. Khusus mengenai dengan Sembahyang Jumaat ini, perkara ini telah dibincang secara mendalam dan persefahaman telah dibuat dengan Ketua-ketua Jabatan. Kalau sekiranya ada beberapa kemusykilan yang berlaku di kalangan orang-orang Islam yang ingin melakukan Sembahyang Jumaat pada hari Jumaat dan mereka terikat

dengan kerja-kerja mereka, maka ada dua cara yang mesti mereka buat iaitu memastikan sama ada Ketua Jabatannya sengaja menghalang ataupun tidak yang keduanya, dilihat dari segi hukum Islam sendiri, adakah dalam hal keselamatan, Islam masih menghendaki seseorang itu bertugas dalam keselamatan, sedangkan negaranya terancam dalam bahaya.

#### PONDOK TELEFON AWAM

**8. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa memandangkan dari kajian yang di buat hampir 75% dari perkhidmatan telefon awam (public telephone booths) tidak berfungsi oleh sebab:

- (1) tidak ada perkhidmatan - rosak;
- (2) gagang dimusnahkan atau dicuri;
- (3) tinggal pondok sahaja;
- (4) pondok dalam keadaan tidak sihat;
- (5) "memakan wang syiling" tetapi tidak ada khidmat;
- (6) tidak mahu menerima wang syiling; dan
- (7) "memakan" lebih wang syiling dari yang diperlukan.

**Setiausaha Parlimen Kemeoterian Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Ong Tin Kim ]:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar adanya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah menimpa nasib pondok-pondok telefon awam di bandar mahupun di luar bandar kerana ada orang awam yang tidak bertanggungjawab. Sebagai contoh, sehingga suku pertama tahun 1987, sebanyak 4,002 pondok telefon telah dirosakkan.

Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Telekom Malaysia telahpun menubuhkan satu kumpulan di tiap-tiap kawasan untuk menyelenggara kerosakan pondok-pondok telefon. Tetapi ini tidak akan memberi kesan sekiranya orang-orang awam tidak bekerjasama untuk menjaga harta Kerajaan.

**Tuan Ng Peng Hoog:** Tuan Yang di-Pertua, apakah kriteria-kriteria dan syarat-syarat untuk sesuatu kampung di dalam kawasan luar bandar untuk memohon telefon awam? Adakah Syarikat Telekom Malaysia Berhad bergantung kepada keuntungan kerana ada setengah-setengah kawasan strategik di mana sesuatu kampung itu hendak memohon telefon awam begitu susah?

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini, pada pandangan saya adalah terkeluar dari soalan pokok itu, tetapi saya ingin memberi keterangan sedikit sebanyak di sini. Pondok-pondok awam di luar bandar itu bukanlah di bawah kawalan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ataupun Syarikat Telekom Malaysia dan ini adalah tergantung kepada peruntukan dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Jikalau peruntukan itu ada, Syarikat Telekom Malaysia (STM) memang akan memberinya kepada kampung-kampung tersebut. Pertimbangan kriteria itu tidak berapa ketat ataupun strict. Kriteria bagi satu-satu kampung yang membuat permohonan bagi pondok awam, seandainya adanya pondok-pondok telefon awam dikehendaki dan adanya keperluan di kampung itu, Syarikat Telekom Malaysia akan membekalkan perkhidmatan itu kepada kampung-kampung dan kawasan-kawasan luar bandar.

**KLINIK PERSENDIRIAN - KAWALAN**

**9. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk melesenkan doktor-doktor dalam menjalankan kegiatan-kegiatan masing-masing terutamanya dalam klinik-klinik persendirian bagi mengurangkan ubat "ubat-ubat low class" dan "prescriptiori agak-agak" di mana kebiasaannya pengubatan yang dibuat berdasarkan lihat dan dengar dari pesakit sahaja dan terkadang-kadang pemeriksaan pesakit satu dua minit sahaja;
- (b) sejauh manakah pengawasan telah dibuat bagi menentukan bahawa semua ubat dan bahan kimia yang diimport mendapat pengesahan dan terjamin penggunaannya; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk memberi insentif kepada para doktor-doktor swasta yang berminat untuk mendirikan klinik-klinik di luar bandar kerana ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan bebanan Kerajaan; dan
- (d) berapa ramaikah doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan yang telah berhenti sehingga akhir tahun 1986 dan mengapa.

**Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, bahagian-bahagian dalam soalan ini meliputi perkhidmatan perubatan dari pihak swasta kepada pihak Kerajaan dan juga meliputi farmasi dan juga perkhidmatan untuk doktor dan sebagainya. Ini bermakna bahagian-bahagian ini sungguhpun terkandung dalam satu soalan, tetapi sebenarnya ada 4 soalan. Namun demikian, saya akan cuba menjawab satu persatu. Jawapan ialah seperti berikut:-

- (a) Semua pengamal-pengamal perubatan swasta hendaklah mendaftarkan diri dengan Majlis Perubatan Malaysia dan juga mempunyai Sijil Amalan Tahunan sebelum menjalankan klinik-klinik persendirian. Pengamal-pengamal perubatan hendaklah memeriksa pesakit-pesakit dan memberi rawatan termasuk ubat-ubatan yang sewajarnya.

Berhubung dengan "low class drugs" atau "prescription agak-agak", dengan izin, sejauh ini Kementerian Kesihatan tidak menerima sebarang rungutan atau aduan dari orang awam mengenai perkara tersebut. Jika sekiranya terdapat pesaki-pesakit yang tidak berpuashati dengan rawatan yang diberikan oleh pengamal perubatan swasta, mereka boleh memilih untuk mendapatkan rawatan dari pengamal-pengamal swasta yang lain. Jikalau ada kes-kes dikatakan keraguan pengamal-pengamal swasta, kes-kes itu bolehlah dilaporkan kepada Majlis Perubatan Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

Untuk jawapan (b), Kementerian Kesihatan menjalankan pengawasan ubat-ubatan dan bahan kimia yang diimport melalui penapisan dan juga pemeriksaan di pintu-pintu masuk. Pegawai-pegawai farmasi yang bertugas di pintu-pintu masuk menentukan ubat-ubatan dan bahan kimia dimport oleh pengimport-pengimport yang sah.

Dengan penguatkuasaan peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik, 1984, semua ubat-ubatan dalam negara ini perlu di daftarkan dengan Kementerian Kesihatan sebelum dipasarkan. Pendaftaran ini dilaksanakan untuk memastikan ubat-ubatan adalah berkesan dan selamat digunakan. Setakat ini, Kementerian Kesihatan telah menyelesaikan pendaftaran ubat-ubatan yang mengandungi racun-racun berjadual dalam fasa pertama perlaksanaannya. Sebagai langkah tambahan, contoh-contoh ubat-ubatan dari pasaran juga di ambil dari raasa kesemasa untuk dianalisa oleh Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan, Kementerian Kesihatan bagi menentukan kualiti, kekesan dan keselamatannya.

Untuk jawapan (c), untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan ada mendirikan pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik desa dan bidan di kawasan-kawasan luar bandar untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk-penduduk tempatan. Kementerian Kesihatan tidak pula bercadang untuk memberikan insentif kepada para doktor swasta yang berminat mendirikan klinik-klinik di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, mereka boleh mendirikannya dengan usaha sendiri.

Untuk jawapan (d), Perangkaan bilangan doktor-doktor di dalam Perkhidmatan Kerajaan yang berhenti. secara meletakkan jawatan bagi tempoh 5 tahun terakhir adalah seperti berikut:-

Tahun	Perletakan Jawatan
1982	217
1983	175
1984	188
1985	274
1986	193
	Jumlah: 1,047

Kebanyakan mereka yang meletakkan jawatan adalah untuk membuka klinik senditri atau bekerja dengan Sektor Swasta. Ada juga di kalangan mereka yang meninggalkan perkhidmatan untuk tujuan melanjutkan pelajaran ataupun lain-lain sebab peribadi;

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Menteri Kesihatan di mana saya telah difahamkan bahawa para doktor di Hospital-hospital Kerajaan dan swasta telah memberi suntikan insulin kepada pesakit-pesakit kencing manis yang beragama Islam, di mana ubatan ini dibuat daripada pankerias yang pertama, lembu yang tidak disembelih secara Islam, kedua, daripada pankerias babi, dan ketiga apakah ubat-ubat jenis insulin ini halal dari segi hukum Islam dan keempat tidakkah boleh pihak Kerajaan menyediakan ubat insulin yang dibuat daripada kimia yang sama taraf dengan bahan tersebut.

**Tuan Yang di—Pertua:** Yang Berhormat, saya fiki.r soalan tambahan ini di luar dari soalan asal. Sebab ini adalah soalan baru, jadi. jikalau mahu memberi jawapan, saya fikir sukakah Menteri itu memberi jawapan secara surat? Adakah setuju?

**Dato' Chan Siang Sun:** Setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setuju! baik, Yang Berhormat Tuan Hassan Alban.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong;** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada dilaporkan di dalam akhbar Consumer, bahawasanya terdapat beberapa jenis maskara yang mengandungi bahan-bahan kimia racun.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak boleh terima soalan i.tu. Ini bukan soalan asal.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Ini ubat....

**Tuan Yang di-Pertua:** Maskara bukan ubat. Sudah! Yang Berhormat Tuan R.M.Jasni..

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.10.

#### STESEN RADIO SWASTA

10. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah 5.0.23(2)]** minta Penerangan menyatakan sama ada Kementeriannya akan menubuhkan stesen Radio Swasta di tiap negeri atau daerah. Jikalau demikian adakah Kementeriaanya akan menabuhkan stesen Radio di Pantai Ttmur Sandakan sebagai pengembangan bakat dan meluaskan lagi. peluang para artis di kawasan tersebut, sesuai dengan kenyataan Menteri. Penerangan bahawa Radio dijadikan rakan rakyat.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, soal penubuhan stesen radio swasta ini masih belum dapat diputuskan oleh Kerajaan, yang mana sekarang masih dalam pertimbangan. Oleh yang demi.kian, perkara penubuhan radio swasta di Pantai Timur Sandakan, Sabah belum boleh di timbangkan Namun begitu, Kementerian ini sedang berusaha untuk memperbaiki liputan

radio di seluruh negara agar perkhidmatannya untuk rakyat akan lebih berkesan lagi. dan penglibatan rakyat di dalam rancangan-rancangan radio di seluruh tanahair, terutama di Sabah dan Sarawak akan dapat ditingkatkan lagi sesuai dengan matlamat radio sebagai "sahabat anda" atau kawan rakyat.

#### **BIRO BANTUAN GUAMAN**

11. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kehakiman menerangkan adakah khidmat; yang diberi oleh pihak Biro Bantuan Guaman seluruh negara kepada rakyat yang kurang bernasib baik itu berkesan dan memperolehi kejayaan yang cukup sebagaimana dikehendaki.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gin Sun]:** Tuan Yang di-Pertua, sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1971, sejumlah 83,355 kes yang melibatkan rakyat yang kurang kemampuan telah didaftarkan dan dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman. Dari jumlah ini sebanyak 65,724 kes telah dapat diselesaikan. Bilangan kes-kes yang didaftarkan dengan Biro meningkat tahun demi tahun. Misalnya, dalam tahun 1986 sebanyak 7,995 kes telah didaftarkan jika dibandingkan dengan hanya 3,759 kes dalam tahun 1976.

Dari statistik yang terdapat di atas, adalah jelas menunjukkan bahawa khidmat yang diberi oleh Biro Bantuan Guaman kepada mereka yang kurang kemampuan itu berkesan dan memperolehi kejayaan.

**Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kes-kes pemberian nafkah kepada isteri-isteri dan anak-anak yang diceraikan itu amat menyulitkan kepada pihak wanita dan ibu-ibu dan apakah langkah yang sedang diambil untuk membaikinya.

**Dato' Oo Gin Sun:** Berkenaan dengan perkara itu, Kementerian saya akan menjalankan kajian bagaimana untuk menyelesaikan perkara itu.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Haasom:** Tuan Yang di.-pertua, ingin saya mendapat penjelasan benarkan dalam negeri kita sungguhpun sudah ada Biro Bantuan Guaman yang dapat menyelesaikan berpuluh-puluh ribu kes tetapi masih ada lagi 220,000 kes yang tersadai di Mahkamah-mahkamah. Apakah sebabnya?

**Dato' Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, kes-kes berkenaan itu mempunyai banyak masalah. kerana kadang-kadang Peguam-peguam minta postpone, kadang-kadang saksi tidak sampai, kadang-kadang Hakim sendiri pun banyak kes yang hehdak di buat Sebab itu Kementerian saya sekarang hendak mengkaji dan membincangkan suatu program untuk menyelesaikan semua kes-kes di negara ini.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di.-Pertua, tidakkah berlaku perkara ini disebabkan kes itu terlampau lama di - tangguhkan kes. Apa yang kita tahu di negara jiran, kalau berlaku sesuatu perkara, tidak lewat dari seminggu kes itu telah dibicarakan. Jadi tidak timbul masalah Peguam tidak ada, saksi tidak ada dan masalah Polis tidak ada,

**Dato' Oo Gin Sun:** Jikalau Yang Berhormat boleh beritahu kes-kes yang spesifik itu saya akan siasat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hanya satu lagi.

**WANG KERTAS PALSU**

**12. Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah wang palsu yang celah dikesan setakat ini dan dalam donominasi apa semenjak tahun 1985;
- (b) apakah langkah-langkah keselamatan yang di.ambil oleh Kementerian untuk mengelakkan pemalsuan begini tidak berlaku lagi; dan
- (c) jumlah orang yang telah di.dakwa dalam mahkamah semenjak tahun 1985 dan sama ada Kerajaan akan menimbangkan hukuman gantung terhadap ahli sindikit yang bersabit kesalahan atas tuduhan pemalsuan wang memandangkan tindakan mereka itu menjejaskan ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat dipecahkan kepada tiga bahagian, saya akan menjawab satu persatu.

- (a) Sebanyak 29,037 keping wang kertas palsu telah dijumpai sejak 1hb Januari, 1985 hingga 30hb Jun, 1987. Pecahan jenis nilai, adalah seperti berikut:-

<b>Nilai</b>	<b>Keping</b>
\$10	88
\$20	5
\$50	3,730
\$100	25,213
\$500	1
JUMLAH:	29,037

- (b) Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan ciri-ciri keselamatan yang telah ditambah dan diperbaiki kepada semua wang kertas untuk mengelakkan daripada pemalsuan, Ciri-ciri keselamatan pada semua wang kertas ini akan dipertingkatkan dari masa ke semasa supaya ianya susah untuk dipalsukan. Pihak Bank Negara Malaysia dengan kerjasama dari pihak Polis akan mengawal keadaan ini dari masa ke semasa.
- (c) Sejak tahun 1985 hingga 30hb Jun, 1987 seramai 197 orang yang terbabit dengan kesalahan-kesalahan wang kertas palsu telah dihadapkan ke mahkamah. Hukuman yang dikenakan adalah penjara untuk satu masa yang boleh sampai hingga 20 tahun. Hukuman penjara tersebut sudah cukup untuk menghindar orang ramai daripada melakukan kesalahan-kesalahan yang berkaitan. Hukuman gantung tidaklah perlu memandangkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan belum sampai kepada tahap yang boleh dikenakan hukuman tersebut, insya Allah.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, berapa ramai.kah orang yang telah dihukum yang membuat wang palsu ini?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Saya telah sebutkan angkanya tadi.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah caranya wang palsu itu dapat menjejaskan ekonomi negara kerana begitu teruk sekali denda, hukuman dan sebagainya?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, walau soalan itu agak terkeluar sedikit, saya ingat soalan ini ada berkaitan dengan ekonomi negara, tetapi kalau sekiranya kita pandang dari bilangan yang dipalsukan, hanya 29,000 sahaja jumlahnya jika dibandingkan dengan wang yang dipusingkan di seluruh negara, ini tidak begitu besar. Tetapi oleh kerana kemungkinan besar kalau sekiranya kita tidak berjaga-jaga daripada sekarang, ada orang yang lebih pandai daripada Kerajaan untuk membuat wang-wang palsu, maka daripada sekarang kita berjaga-jaga.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, tidak ada masa lagi untuk bertanya, masa untuk soal-jawab pun sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 58 adalah**

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat II, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang ttdak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali. urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [16hb **Julai**, 1987]

**Perbahasan disambung semula.**

**4.05 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung sedikit lagi hujah-hujah saya di atas sokongan penuh saya mengenai Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan, 1987 yang telah dibentangkan di Dewan ini oleh Timbalan Menteri Pengangkutan pada 16.7.1987.

Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong saya ingin menyentuh lagi iaitu di mukasurat 58 dalam Akta berkenaan, Fasal 36 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Pengangkutan untuk menggantung lesen memandu seseorang yang telah sabit didapati menagih dadah. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah selaras dan amat bersesuaian dengan keputusan-keputusan Persidangan ICDAIT, dengan izin, International Conference on Drug Abuse and Illicit Trafficking di Vienna, atau Persidangan Antarabangsa mengenai Penggunaan Dadah dan Pengedaran Dadah yang dilangsungkan di Vienna dari 17hb hingga 26hb Jun yang lalu, di mana telah dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri yang kita kasihi, telah melahirkan CMO, dengan izin, Comprehensive Multi-Disciplinary Outline, atau Deklarasi dan Garis Panduan Menyeluruh Pelbagai. Disiplin bagi. membasmi. kegiatan dan pengedaran dadah.

Sehubungan dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin, mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada

Perdana Menteri. Malaysia yang telah berjaya dipilih menjadi Presiden Persidangan tersebut tanpa bertanding **[Tepuk]** Sesungguhnya kita rasa sangat kagum dengan kewibawaan Perdana Menteri yang tersendiri. yang telah berjaya menjalankan Persidangan itu yang dihadiri oleh 138 negara-negara di. dunia dan termasuk di. dalamnya negara-negara sosialis, komunis dan democratic countries dan terdapat di. dalamnya berbagai-bagai latar belakang politik yang ada di antaranya saling bertentangan, tetapi dengan dipengerusikan kewibawaan Perdana Menteri Malaysia, Persidangan itu telah berjalan dengan lancar, tenteram dan melahirkan CMO sebagaimana yang saya sebutkan tadi, dan yang telah diterima dengan sesenang hati dan boleh di katakan sebulat suara oleh negara-negara 138 buah tadi. itu iaitu keputusan untuk menyelaraskan tindakan-tindakan sama ada melalui penguatkuasaan dan kuasa-kuasa politik bagi membasmi kegiatan dadah sama ada dalam masalah pencegahan penyeludupan, juga. dalam masalah pencegahan penagihan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini yang telah mengaitkan seorang penagih dadah didapati sabit tidak boleh lagi memandu atau dimansuhkan lesen memandunya, bolehlah dikatakan dipuji dan boleh dijadikan satu deterrent kepada mereka yang masih lagi. mudah dipengaruhi oleh sang dadah atau yang masih lagi tidak insaf masih lagi berkhayal di alam dunia yang .penuh dengan kemusnahan itu.

Sesungguhnya Akta ini telah lama dimampikan. Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) yang Presidennya ialah Yang Berhormat Dato' Megat Junid, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah berkali-kali mengutarakan, mengesyorkan perkara ini supaya di jadikan Akta atau undang-undang di negara kita, syukur kepada Allah, syabas dan sesungguhnya kami. berasa legah dan kami. amat menyanjung tinggi tentang pindaan perkara yang berkenaan. Mudah-mudahan negara-negara luar akan mengikut contoh teladan negara kita meminda pula undang-undangnya supaya mereka yang menagih dadah tidak dibenarkan memandu kereta atau dimansuhkan lesen kenderaannya.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang minum minuman keras memandu kereta lalu terbabas satu kemalangan dan didapati sah kemalangan itu disebabkan kerana mabuk, patut juga di masukkan di dalam Akta ini, patut juga diselaraskan supaya lesen mereka juga digantung sebagai satu sebagai deteren kepada mereka janganlah minum keterlaluan kerana minuman keras juga membawa bahaya kepada kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada mukasurat 67 seksyen seksyen 50 (3) iaitu tindakan boleh di ambil oleh pihak berkuasa terhadap kacau ganggu penjaga-penjaga kereta. Tuan Yang di-Pertua, ini juga berkaitan dengan masalah penagih dadah. Kebanyakan penjaga-penjaga kereta haram, budak-budak penjaga kereta adalah mereka yang terdiri daripada penagih-penagih dadah kerana mereka sudah tidak ada jalan lain untuk mencari rezeki, mereka ini membuat satu kumpulan malahan ada pula sindiket atau ketua kumpulan yang tidak terdiri daripada penagih.

Mereka ini. menggunakan bekas penagih sebagai. budak-budak mereka mengutip wang di. mana sahaja tempat letak kereta. Kalau di Wilayah Persekutuan, semua orang tahu di Chow Kit Road "cowboy town" ataupun di Salak Soth atau di Petaling Street, di. jalan-jalan lain di. Ipoh, di Seremban, di Pulau Pinang, di. Johor dan juga yang memeranjatkan saya di Alor Star sudah berlaku, sudah ada budak jaga kereta terdiri. dari penagih-penagih dadah yang dinaungi oleh kumpulan sindiket tertentu, kerana bila mereka dapat wang mereka terpaksa membayar kepada taukeh ini dengan percentage yang tertentu. Yang malangnya kepada orang-orang yang punya kereta yang meletakkan kereta, ada juga di antara mereka yang ingin membasmi keadaan ini lalu tak mahu bayar tetapi, kalau kita tak bayar, insya Allah mudah-mudahan kereta kita pancetlah tayarnya, bercalar warna luaran keretanya. Saya sendiri pernah terkena.

Pihak Dewan Bandaraya telah menjalankan kempen menangkap budak-budak penjaga kereta haram ini. tetapi keadaan ini. telah tidak juga redanya sebab sementara operasi. dijalankan bersihlah sekejap tetapi sekarang nampaknya mula kembali bermaharajalela.

Satu perkara lagi kalau bagi 50 sen, dia tak mahu, Tuan Yang di-Pertua. Dia nanti cakap, "come on, sedikit sangatlah, kasi. chancelah, tolonglah, kesianlah kami ini" Kadang-kadang diejek-ejeknya kita, ditepuk-tepuknya kereta kita kalau kita memberi sekadar 30 sen atau 50 sen. Mereka mahu \$1.00. Jadi yang demikian wajar sangatlah undang-undang ini, hanya di harapkan pelaksanaannya akan dapat dijalankan dengan saksama dan menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai. mukasurat 33, seksyen 17(1)(e) iaitu memberi kuasa pula kepada Pengarah JPJ menolak permohonan mendapatkan lesen kenderaan motor bagi kenderaan yang, tidak berada dalam keadaan selamat. Ini juga amat menyenangkan dan melegahkan kepada rakyat umum yang turut sama menggunakan jalanraya sebabnya kita tahulah banyak keadaan kereta-kereta yang sudah tidak sepatutnya berada di jalanraya tetapi masih juga berada di jalanraya.

Maaf saya, mungkin saya membawa perkara ke belakang balik tetapi Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sesungguhnya kita sokong penuh.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai di. muka surat 90 dan 91 iaitu seksyen 66(1)(ii) dan juga (qq) iaitu memberi. kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan bilangan orang yang diangkut dalam sesebuah kenderaan motor. Ini juga mungkin satu peruntukan yang akan di.sambut baik oleh semua rakyat yang menggunakan kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua pun faham terutama di. bandar-bandar besar macam di Kuala Lumpur ini. sahaja - contoh teladan besar - mini bas kadang-kadang naik "nak rak" kata orang Perak, penuh sesak dengan manusia tetapi masih juga mengambil penumpang sampai. ada yang berdiri di pintu-pintu, menyeramkan "bulu" roma kita melihatnya seolah-olah seperti. keadaan di satu kawasan setinggan di Filipina iaitu ada satu kenderaan di. sana dinamakan "Toktok" di mana semua orang boleh naik kenderaan itu, siapa sempat dia lompat, di atas bumbung pun ada, di kaki kenderaan itupun boleh, malahan bergantung bergayut pun boleh.

Jadi. ini sangatlah disanjung tinggi dan di harapkan selepas ini tidaklah lagi bas-bas, mini bas - bas ekspres, kenderaan motor kita memuatkan manusia seolah-olah seperti hendak dihantar ke Padang Besar untuk ditembak sahaja bersusun-susun, beramai-ramai, berasak-asak di mana di situ norma-norma susila kehidupan harian kita juga selalunya tercemar almaklum bila sudah berhimpit-himpit gadis-gadis, ada pula anak-anak muda nakal sedikit, **ini** kesempatan dia, sambil dia berhimpit-himpit itu meraba-raba pula. Jadi., sangatlah sesuai ini. dengan penerapan nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh satu perkara lagi mengenai muka-surat 119, seksyen 85 (1)(8), iaitu mengawal mana-mana kerja di atas atau di bawah mana-mana jalanraya umpamanya pemborong-pemborong swasta atau agensi-agensi. Kerajaan yang mengorek sesuatu jalanraya untuk memasang paip, bekalan letrik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali di perhimpunan di mana-mana sahaja, persatuan, Dewan Rakyat atau Dewan **ini**, sentiasa perkara ini dibangkitkan kerana kita rasa hairan, kadang kala kita rasa hendak marah, kenapa jalan-jalan yang begitu teratur yang sudah dibuat cantik-cantik, elok-elok, tiba-tiba terpaksa dikorek pula kerana hendak menyalurkan paip, kerana hendak menanam dawai letrik kerana hendak membetulkan longkang dan lain-lain sebagainya dan kenapa tidak dirancang sebaik-baiknya.

Ini menimbulkan kerumitan yang amat sangat kepada lalulintas, selalu sahaja lalulintas jem, kalau di Kuala Lumpur ini di kawasan Dato Keramat umpamanya, di kawasan Kampung Baru, di kawasan Kampung Pandan, di kawasan Pandan Maju dan lain-lain, apabila perkara ini

berlaku maka yang menjadi mangsa adalah pegawai-pegawai dan kaki-tangan Kerajaan kita yang bertolak subuh daripada rumah kerana jem di jalan sampai di pejabat lewat, punch card merah, kena panggil pegawai.

Jadi ini satu penganiayaan, rasa saya. Saya sendiripun tak tahu kenapa perkara ini tidak dapat diatasi dan agaknya itulah sebabnya kesedaran timbul maka Kementerian Pengangkutan mencatatkan perkara ini sebagai satu undang-undang kerana selepas ini mungkin perkara ini tidak akan dibiarkan lagi. Ini mengingatkan saya kepada satu perbilangan kata:

Sini gali sana tahan, jalan siap ditebuk-tebuk  
bila memperbaiki timbul perbalahan  
JKR tolak, LLN, JTA cabut, maka tinggallah  
kawasan itu berleluk-lekak  
yang begitu cantik dulunya berlekuk-lekaklah dia,  
berlubang-lubanglah dia, tinggi rendahlah dia  
seperti operation jahit tak betul.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga menyentuh mengenai mukasurat 126, seksyen 88 (2) iaitu menetapkan peraturan bagi menjaga kebersihan. Ini sangat penting, Tuan Yang di-Pertua, memang kita hajat lama dah iaitu kebersihan ini entah kenapa di negara kita ini masih lagi lemah, masih lagi menyakitkan mata, masih lagi tidak begitu selesa, walaupun beribu-ribu kempen telah dibuatkan, mungkin juga bagi pihak Kementerian hendak melaksanakan undang-undang ini terpaksa mengadakan satu lagi kempen, iaitu kempen kesedaran kebersihan di kalangan rakyat jelata atau orang ramai.

Bukan salah daripada tempat-tempat berkenaan. Umpamanya bus stands atau perhentian bas. Katakanlah perhentian bas di. Pudu Raya, perhentian bas MARA di. Alor Setar, di Kuantan, di. Ipoh, di. Kampar, di. Seremban, di Johor Bahru, di Segamat dan lain-lain kotor sekotor-kotornya. Malu kita rasanya, Bangunan di bina begitu indah, sudah diperbaiki sana sini, diturap sana sini, cantik, indah, kemas tetapi al-kotor tetap ada.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini saya harap kita dapat bukan sahaja Kementerian, orang ramai juga perlu bekerjasama kerana yang buat kotor ni. bukan Kementerian ataupun pihak yang mengadakan bus stand itu tetapi kita orang ramai. Ini yang menyebabkan negara kita ini malu. Kalau kita hendak membanyakkan pelancongan, para pelancong hendak naik bus, hendak naik apa sekalipun dia tengok sana sini, sampah sarap dan kekotoran di. sana sini, remah-remahan makanan bersepah-sepahan-dan kemudian habuk rokok merata-rata. Mungkin juga kempen anti-merokok kita kena kuatkan di negara kita ini. Ini merokok bersepah-sepahan. Ini juga membawa pandangan yang sangat jelek.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung sedikit lagi hujahan saya iaitu mukasurat 112 dan 113 perkara atau seksyen 82(1) - (7) iaitu memberi kuasa kepada Pendakwa Raya .memohon mahkamah supaya melucutkan sesebuah kenderaan yang terlibat di dalam perlawanan pemandu secara haram.

Saya telah mendengar penjelasan dengan begitu baik, teratur dan konkrit daripada Timbalan Menteri, sewaktu beliau mencadangkan Akta ini semalam. Memang benar kerana ini terjadi dalam keluarga saya sendiri. Seorang anak saudara saya telah mati dengan pecah kepalanya, hancur kerana dilanggar oleh kumpulan kenderaan bermotor yang lalu di waktu malam kerana mengadakan 'racing' haram mereka. Mereka-mereka ini. bersikap seperti gangster tidak memperdulikan kiri. kanan, hanya matlamatnya ingin menang sahaja dan ianya diadakan oleh 'syndicate' secara besar-besaran dan mendapat kewangan yang beribu-ribu ringgit. Sesiapa yang menang ditawarkan sehingga sampai \$20,000 - \$30,000 hadiahnya dan mereka ini sentiasa mencari anak-anak muda yang bermotor untuk dijadikan calon-calon di dalam perlawanan haram ini.

Di Kuala Lumpur sendiri perkara ini masih berlaku. Yang paling hairan, tempat perhentianya ialah di. depan Pertama Kompleks tidak jauh dari Balai Polis. Di. sanalah mereka menunggu, Kalau tidak percaya sila lihat jam 10.00 - 11.00 malam. Beratus motor berhenti. di depan sana menunggu kumpulannya untuk memulakan perlawanan haram ini ke arah Port Dickson, Segamat dan Johor Bahru.

Pernah suatu ketika saya sendiri pergi bertanya budak-budak ini apa dia orang buat tunggu di sana. Katanya hendak menunggu "boss" datang hendak memberikan taklimat kerana ada pertandingan bermotor dari. Kuala Lumpur ke Johor Bahru. Secara haramlah itu tetapi dia tidak mengatakan secara haram.

Kemudian motor-motor itu pula telah di perbaiki, diperbetulkan telah dimodified dengan izin, diubahsuai dengan cara yang berbagai-bagai. Ada yang macam kuda terbang. Ada yang macam Boeing 737 dengan izin ada yang macam 'Borak' iaitu sejenis kenderaan yang dihayalkan oleh orang yang tidak begitu suka dengan agama, wajah perempuan kononnya ditunggangi. oleh Rasulullah semasa beliau mikraj. Sebenarnya perkara ini adalah perkara tahyul. Pun ada yang macam itu dan berbagai-bagai bentuknya. Tidakkah ini. melanggar undang-undang atau adakah ini. di benarkan atau dibolehkan? Kurang arif saya, Tuan Yang di-Pertua, ingin penjelasan nantinya. Tetapi kita sudah lega sekarang, bila ada undang-undang pastilah ianya akan dilaksanakan dan diharap berjenis-jenis perlumbaan haram ini sama ada motorsikal atau kereta atau apa-apa sahaja jenis kenderaan bermotor tidak akan wujud lagi di negara kita ini kerana ianya merupakan satu syndicate haram yang mendatangkan merbahaya, sengketa, susah hati dan juga berbagai-bagai aspek dari segi keruntuhan akhlak dan moral.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 ini..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

**4.24 ptg.**

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut bersama rakan-rakan yang lain membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan JaLan 1987 dan saya secara peribadi berpendapat bahawasanya Rang Undang-undang ini telah diwujudkan kena

pada masa dan tempatnya memandangkan banyak kelemahan-kelemahan yang seharusnya diperbaiki khususnya berkenaan dengan Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa masalah yang khusus saya ambil contohnya dari pada negeri Sabah saya rasa wajib diambil perhatian oleh Dewan yang mulia ini.. Dalam Hansard yang ada di sini, Tuan Yang di-Pertua, mukasurat 94, hujah Timbalan Menteri ada mengatakan bahawasanya tujuan diadakan Rang Undang-undang ini adalah untuk meningkatkan taraf keselamatan di bidang pengangkutan serta memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada pengguna-pengguna jalan. Itulah ungapannya, Tuan Yang di-Pertua, dan bersabit dengan itu saya ingin juga kaitkan saranan ini. dengan keadaan di Sabah terutamanya cukai jalan di Sabah yang begitu tinggi, sekali.

Kalau kita sebut tinggi sahaja memang barangkali. lebih tinggi lagilah cukai jalan di Semenanjung ini. Tetapi jika dibandingkan dengan taraf jalanraya di Semenanjung dengan Sabah, langit dengan bumi. kata orang. Maka tidak munasabah orang negeri Sabah membayar cukai jalan begitu tinggi sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, berkenaan dengan cukai jalan ini ialah cukai. dikenakan ke atas "Land Cruisers", kenderaan yang begitu popular sekali di negeri. Sabah digunakan oleh orang-orang miskin, sahabat-sahabat kita yang bekerja di ladang-ladang, menanam sayur seperti di Kundasang Land Cruiser ini merupakan jentera untuk cari makan. Tetapi road tax untuk satu Land Cruiser adalah tax \$5,000

satu tahun dan ada yang \$7,000. Mungkin saudara Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri lebih arif tentang masalah ini. Tetapi orang kampung mana mampu bayar sampai \$7,000 sedangkan jalanrayanya tidak baik. Sudahlah cukai jalan tinggi, maintenance kereta juga tinggi, maka harus dikaji, direview semula keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Undang-undang Pengangkutan Jalan kutip cukai road tax ini mungkin sudah menjadi tugas Persekutuan tidak lama lagi mungkin, Ini harus di.ambil perhatian.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan Rang Undang-undang yang digubal oleh negeri Sabah untuk mendenda lori-lori yang mengangkut muatan Lebih sampai lebih \$15,000 kalau kedapatan dua tiga kali kesalahan. Memang betul undang-undang ini pada pendapat saya secara peri.badi, saya suka kerana lori-lori balak di Sabah itu mengganas, terlalu banyak lori. Banyak orang mati akibat dilanggar lori. yang tidak bertanggungjawab ini. Tetapi adakah itu sah di sisi undang-undang? Ini yang saya mahu tahu. Adakah kuasa kita meluluskannya di Dewan Undangan Negeri.. mendenda drebar-drebar lori ini sedangkan ini tugas Persekutuan? Kalau perbuacan itu baik kenapa tidak dimasukkan sahaja sini supaya sah, supaya pada suatu hari. tidak akan di saman Kerajaan Negeri Sabah. Sekarang ini 10 saman terpaksa dikenakan ke atas Kerajaan Negeri Sabah. Mungkin ini satu lagi, tidak lama lagi. Sebab itu di, Dewan yang mulia ini Menteri. yang berkenaan harus memberi. penerangan tentang status undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah pada awal tahun 80an kalau saya tidak silap.

Dalam Hansard berkenaan juga, Tuan Yang di-Pertua, muka 95, seksyen 17 ada mengatakan bahawasanya kenderaan-kenderaan yang tidak berada dalam keadaan baik tidak akan dilesenkan oleh Jabatan Pengangkutan. Ini, maknanya kalau diperbaharui lesen itu terpaksa diperiksa dan di.siasat dahulu sama ada kereta itu baik atau tidak dalam keadaan selamat di.gunakan atau sudah dalam keadaan bahaya. Ini kalau tidak betul-betul diperhatikan akan membuka ruang untuk rasuah. Kalau orang yang memeriksa kenderaan itu tidak bertauliah dan kalau orang yang memeriksa itu tdak mempunyai moral yang tinggi dengan izin, integrity yang tinggi, maka rasuah lagi. Sebab itu di perenggan ini saya rasa Kementerian harus membuat penekanan di sini bahawasanya ini merupakan loopholes yang akan membuka pintu kepada rasuah.

Selain daripada itu, kalau di dilaksanakan undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, mesti cukup Jabatan-jabatan atau cabang-cabang Jabatan atau pegawai-pegawainya untuk memeriksa kenderaan ini. Jangan sampai. orang. beratur sampai 2-3 batu kerana mahu memperbaharui lesen kenderaan ini dan bagaimana pula orang-orang yang tinggal di pedalaman Sabah, macam Kundasang, Ranau ini. Mereka menggunakan kenderaan pengangkutan banyak sekali, tetapi selalunya cawangan Jabatan Kerajaan di sana tidak ada. Ini harus ada jaminan daripada Kementerian supaya rakyat tidak akan susah oleh undang-undang ini.

Seksyen 66, Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan muatan lebih ini, passenger lebih muat, sudah disentuh oleh seorang rakan tadi dan saya tidak akan ingin membahaskan. Cuma saya tidak tahu bagaimana dikuatkuasakan di pedalaman Sabah undang-undang ini kerana

di sana terdapat keadaan macam juga di Filipina mungkin, tidak banyak kenderaan di kampung, di Telupid misalnya mini bas itu sampai bonet mereka duduk, di atas bumbung orang duduk, mana-mana semuanya duduk, Polis tidak ada Memang baik, tetapi bagaimana caranya mengimplimentasikan di pedalaman Sabah ini, di Telupid, di Kinabatangan kenderaan kurang, rakyat mahu naik kenderaan. Sudah beri lesen kepada orang yang salah, orang yang kita beri lesen bukan orang di sana, di Sandakan, dia 100 batu dari tempat yang berkenaan. Sudah orang perlukan kenderaan tidak ada, 1-2 sahaja ada. Oleh sebab demand begitu tinggi, terpaksa naik atas bumbung pun dia tidak peduli. Ini harus di ambilkira bilamana kita melaksanakan dan meluluskan Rang Undang-undang ini nanti.

Perkara yang keempat saya ingin bahaskan di sini ialah berkenaan dengan seksyen 14 membolehkan pegawai-pegawai. Jabatan Pengangkutan Jalan mendapatkan maklumat berkenaan dengan kes yang disiasat supaya tindakan-tindakan dapat diambil terhadap teksi-teksi haram, pemajakan lesen perdagangan dan sebagainya. Ini diberi kuasa kepada pegawai untuk mengesan mereka ini, ini memang susah tetapi masalah ini betul, saya akui, bukan sekadar di Semenanjung, di Sabah ini sudah menjadi masalah tetapi kita tanya kenapa ada bas-bas haram lagi, kenapa masih ada mini-mini bas haram. Mungkin sebab lesen yang kita keluarkan tidak cukup untuk kawasan berkenaan. Saya sendiri tidak akan naik kenderaan yang tidak ada lesen kalau ada daya saya, kalau ada tempat lain yang boleh kita ikut, tetapi kalau tidak ada terpaksa ikut kereta sapu kerana tidak ada kenderaan lagi.

Mungkin dari perangkaan jika ditengok di Statistic Department di dalam fail-fail mereka kata cukup. Misal kata di Kundasang dia kata sudah ada 200 mini bas. Dalam buku betul, tetapi orang yang diberi lesen ini, bukan tinggal di saria, ini yang menjadi masalah. Kalau cukup kenderaan yang diberi lesen secara sah, ini tidak ada orang mahu naik kereta pirate taxi ini - tidak ada, yang tidak ada insurans ini, kerap kali di.ganggu oleh Polis akan kereta-kereta pirate ini dan kadangkala ini juga punca untuk dapat rasuah sedikit. Dia tahan tengah jalan, dia beri \$20, dia beri lepas. Kalau cukup kenderaan yang diberi lesen dan kalau orang yang diberi lesen itu benar-benar datang dari kawasan itu, tidak ada masalah lagi, tidak payah ada undang-undang ini, tidak akan ada pirate taxi teksi sapu ini tidak ada, tetapi kalau ada kesilapan dari segi pemberian lesen ini, di sana timbul masalah. Kalau tidak diperbaiki punca masalah ini tidak ada gunanya undang-undang ini, orang tidak akan ikut, orang akan buat cara bagaimana sekalipun menipu undang-undang ini.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin timbulkan dan saya berterima kasih kerana diberi peluang dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

#### **4.37 ptg.**

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mohon izin mengambil bahagian dalam perbahasan, juga memberi sokongan penuh atas pindaan suatu Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut penyampaian ucapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. semalam iaitu Rang Undang-undang ini sebelum dibawa ke Dewan untuk dibincang dan diluluskan bahawa Kementerian yang berkenaan telah mengedarkan draf kepada 20 persatuan dan organisasi swasta yang ada bersangkutan dengan Kementerian Pengangkutan untuk mendapatkan komen dan maklumbalas. Saya berpendapat bahawa tindakan yang diambil oleh Kementerian berkenaan adalah satu tindakan yang wajar bahawa maklumbalas mereka akan menjadipanduan yang berguna kepada Kementerian kerana apabila persatuan ataupun organisasi swasta yang ada bersangkutan dengan pindaan atau pemansuhan ataupun penambahan Rang Undang-undang ini, telah memberi pandangan dan nasihat ataupun komen, maka apabila Rang Undang-undang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, ia akan mengurangkan tuduhan dan tentangan daripada pihak-pihak swasta, ia akan membantu Kementerian berkenaan melicinkan implirantasi Rang Undang-undang ini. Oleh itu, saya berharap bahawa Kementerian-kementerian yang lain pada masa-masa yang akan datang sebelum membawa Rang Undang-undang ke dalam Dewan akan mengikut-jejak langkah Kementerian Pengangkutan,

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat beberapa bulan yang lalu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengumumkan melalui press media bahawa Kementerian mengadakan exercise ataupun kempen untuk mempermudah peraturan di dalam Kementerian, dengan izin, "deregulation exercise" bagi Kementerian Pengangkutan. Ini satu tindakan yang baik yang mana akan menyenangkan rakyat jelata dalam sesuatu urusan hendak memohon lesen di dalam Jabatan Pengangkutan

Jalan ataupun di mana Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan. Kadangkala seseorang ingin memohon satu lesen di mana satu Jabatan si pemohon itu terpaksa mengisi berbagai-bagai jenis borang. Jadi, dengan adanya kemudahan peraturan ataupun, dengan izin, 'deregulation exercise', maka lebih menyenangkan memberi kemudahan kepada orang awam dalam urusan rasmi di Jabatan-jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan pada petang ini- adalah tepat dan sesuai. pada masa sekarang kerana mengikut ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kemukakan pada petang semalam bahawa Ordinan Lalulintas 1958 sehingga hari ini telah hampir lebih kurang 30 tahun dan adalah sampai masanya untuk dipinda untuk menyesuaikan ataupun dikemaskinikan untuk kesesuaian pada masa sekarang.

Di bawah Seksyen 125, Rang Undang-undang ini akan membenarkan bayaran lesen kenderaan motosikal dan lesen memandu boleh dibayar di mana-mana Pejabat Pos apabila Rang Undang-undang ini di.luluskan nanti. Saya berpendapat bahawa Kerajaan menitikberatkan golongan yang berpendapatan rendah khususnya penduduk-penduduk di luar bandar ataupun penduduk-penduduk di rancangan-rancangan tanah, penduduk-penduduk di kampung-kampung baru yang mana motosikal adalah alat pengangkutan yang asas ataupun alat pengangkutan yang paling penting untuk mereka.

Dengan pindaan yang akan dibuat ini akan membantu, atau menyenangkan memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di luar bandar untuk mereka membaharui lesen kenderaan motor dan lesen memandu. Ini satu tindakan yang sangat wajar bagi membantu penduduk-penduduk di luar bandar. Saya berharap Kementerian-kementerian yang lain akan juga mengikut jejak langkah Kementerian Pengangkutan menitikberatkan golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lesen memandu, di sini suka saya menimbulkan berkenaan dengan lesen memandu plastik yang mana sekarang di.gunakan oleh tiap-tiap pemandu kereta. Lesen plastik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan ini saya dapati mutunya tidak begitu baik kerana saya mendapat aduan daripada setengah-setengah pemandu kereta, apabila digunakan lesen plastik ini, bila kena panas ia akan bengkok atau pecah. Apabila seseorang pemegang lesen memandu plastik ini diperiksa oleh Pegawai Penguatkuasa, dan jika di dapati ianya pecah, pemandu yang berkenaan akan di kenakan denda atau compound dan seseorang pemandu itu

terpaksa pergi ke Jabatan Pengangkutan Jalan untuk memohon satu gantian atau satu salinan lesen memandu plastik. Tetapi Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Pengangkutan mengenakan \$20 kepada tiap-tiap seseorang pemandu yang mana lesen plastik itu pecah. Pada saya ini tidak betul dan tidak patut kerana lesen plastik ini dikeluarkan oleh pihak Kementerian dan ia pecah bukan kerana disengajakan oleh seseorang pemandu tetapi kerana mutu lesen plastik ini tidak begitu bagi. Oleh itu saya telah mendapat beberapa aduan daripada beberapa pemandu kereta. Sepatutnya Kementerian menimbangkan untuk mengecualikan satu sen pun bayaian untuk membaharui salinan lesen plastik yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya mengambil kesempatan mengingatkan pihak Kementerian, selepas kelulusan Rang Undang-undang ini, Kementerian sepatutnya berwaspada dan tidak menyelewengkan kuasa kerana kita selalu mendapat aduan ada setengah Pegawai-pegawai Penguatkuasa suka menyalahgunakan kuasa mereka. Selepas kelulusan Rang Undang-undang ini Pegawai Penguatkuasa akan bertambah kuasa mereka. Saya berpendapat bahawa Pegawai Penguatkuasa patutlah menjalankan tugas mereka dengan bertimbangrasi. Walaupun kuasa bertambah, sepatutnya mereka menggunakan budibicara yang baik terhadap seseorang pemandu yang melanggar undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga di sini menyentuh berkenaan dengan Seksyen 85(1) dan (8) iaitu penyelarasan menimbus lubang-lubang di jalan-jalan oleh pihak Kementerian Kerjaraya. Kami berpengalaman bahawa boleh dikatakan tidak ada penyelarasan di antara jabatan-jabatan teknikal di mana jalan-jalan itu selepas dinaikkan taraf, jabatan lain pula akan datang mengorek untuk menanam paip atau kabel. Apa yang mengecewakan kita semua ialah

kadang-kala setengah-setengah kontraktor swasta yang menjalankan projek-projek Kerajaan mengorek jalan dengan sesuka hati. tanpa pengetahuan pihak-pihak yang tertentu sehingga beberapa kemalangan telah berlaku yang mana saya telah mendapat aduan.

Satu contohnya di negeri Melaka, ada sepasang adik beradik menunggang basikal pada waktu malam, kedua-dua ini apabila tiba di jalan tersebut, oleh kerana di depan itu ada lobang yang dikorek oleh satu kontraktor swasta untuk menanam kabel telefon dan lobang itu tidak ditimbus selepas di.korek, kedua-dua adik beradik ini apabila menunggang basikal pada waktu malam yang gelap, terjatuh dan masuk ke dalam lobang yang berkenaan itu dan patah kakinya. Saya rasa kes ini akan dibawa ke mahkamah untuk, dengan izin, 'sue' Kerajaan untuk mendapatkan bayaran liability, dengan izin. Oleh itu saya berharap selepas pindaan Rang Undang-undang ini, Kementerian Kerjaraya akan menjalankan peranan untuk menyelaraskan semua jabatan-jabatan, semua kontraktor-kontraktor swasta apabila mereka hendak mengorek jalan mesti. memastikan lobang-lobang yang di.korek itu di.timbus semula untuk menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalanraya,

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menimbulkan Seksyen 80 81, (2) dan (3) di mana perlumbaan haram motosikal berlaku. Walaupun tadi. seorang Yang Berhormat rakan saya telah menimbulkan berkenaan dengan perlumbaan motosikal haram, saya suka juga membawa ke dalam Dewan yang mulia ini iaitu perlumbaan haram ini bukan sahaja mendatangkan gangguan kepada penduduk-penduduk dan juga mengganggu ketenteraman masyarakat kita, juga mengancam keselamatan pengguna-pengguna jalanraya,

Tuan Yang di-Pertua, saya berpengalaman bahawa ada sindiket di

Melaka membuat perlumbaan haram pada waktu tengah malam dengan menggunakan lori yang besar membawa motosikal-motosikal yang kuasanya lebih besar daripada motosikal yang biasa, di mana saya berpengalaman iaitu ada satu pertarungan yang haram, atau dengan izin, illegal betting di antara Syarikat Suzuki dan Syarikat Honda. Kedua-dua syarikat ini menaja perlumbaan haram itu dengan lori besar membawa beberapa buah motosikal yang mempunyai kuasa enjin lebih besar untuk pemuda-pemuda yang berminat dalam perlumbaan ini. Mereka menjalankan perlumbaan itu di waktu malam dan perlumbaan itu dibuat di kawasan taman perumahan. Apabila penduduk-penduduk di taman perumahan menelefon dengan pihak polis, pihak polis pun datang dengan kenderaan mereka untuk mengejar pelumba-pelumba ini., tetapi tidak dapat kerana motosikal yang digunakan oleh pelumba-pelumba itu kuasa motornya lebih besar daripada kuasa motosikal yang digunakan oleh anggota-anggota polis. Oleh itu saya menyokong penuh, kerana selepas pindaan Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa yang lebih besar kepada pihak yang tertentu untuk mendenda mana-mana pihak yang menganjur perlumbaan haram yang bukan sahaja mendatangkan gangguan kepada masyarakat kita, juga mengancam keselamatan pengguna-pengguna jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka menyentuh di bawah Seksyen 36 di mana Ketua Pengarah diberi kuasa untuk menarik atau menolak lesen memandu seseorang yang telah bersabit dengan kesalahan Undang-undang Penyalahgunaan Dadah. Ini satu pindaan yang wajar kerana kita tidak mahu seorang penagih dadah menggunakan lesen memandu yang sedia ada ataupun dengan lesen memandu menjadi pengedar dadah yang mana ia akan mengancam generasi muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pengedaran dadah ini, saya juga timbulkan satu contoh kerana pengedar dan penyalahgunaan dadah irii bukan sahaja telah mengancamkan generasi muda di negara kita, juga telah memburuk imej dan maruah negara kita di negara-negara asing.

Contohnya, saya berpengalaman bahawa apabila seseorang Malaysia yang memegang pasport Malaysia untuk melawat ataupun melancong ke negara-negara asing, mereka bila sampai ke Jabatan Imigresen ataupun Kastam, sebelum masuk ke negara asing, pegawai Kastam apabila nampak seorang pemegang pasport Malaysia itu mereka mesti buat periksa 100% ataupun, dengan izin, 100% check. Kadangkala sehingga beg-beg dan luggage di.geledah oleh anjing pengesan. Saya berpengalaman sehingga pakaian dibuka untuk diperiksa. Ini disebabkan kerana segelintir orang-orang Malaysia yang melakukan kesalahan mengedar dadah di negara asing. Maka sehingga anggapan yang salah di kaca mata setengah-setengah pegawai penguatkuasa di negara-negara asing di mana tiap-tiap seorang pemegang pasport Malaysia disyaki ataupun dianggap kemungkinan seorang pengedar dadah. Oleh itu saya juga berharap dengan perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa Mengenai Pengedaran dan Penyalahgunaan Dadah, ia akan dapat menghapuskan anggapan yang salah di kaca mata pegawai-pegawai penguatkuasa negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka menyentuh di bawah Pasal 126 berkenaan dengan pemeriksaan kenderaan oleh syarikat-syarikat swasta selepas pindaan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 ini diberi kuasa kepada Kementerian atau Menteri yang berkenaan. Saya berpendapat bahawa dengan Rang Undang-undang yang akan diluluskan ini telah dikemaskinikan untuk kehendak-kehendak

masa sekarang. Tetapi dengan tapak atau bangunan yang sesuai. untuk menjalankan penguatkuasaan contohnya pemeriksaan kenderaan-kenderaan adalah penting juga.

Saya timbulkan perkara ini adalah berkait dengan bangunan Jabatan JPJ di negeri Melaka. Saya berpendapat bahawa bangunan Jabatan JPJ telah uzur. Bangunan ini telah digunakan oleh JPJ sejak tahun 1938. Sehingga sekarang telah lebih kurang 49 tahun. Dan untuk makluman Kementerian Pengangkutan Jalan dan juga Dewan yang mulia ini., jumlah bilangan kenderaan yang telah didaftarkan sehingga 31hb Disember, 1986 di negeri Melaka adalah lebih kurang 150,000 buah. Jumlah hasil dari pungutan cukai bagi setahun di. negeri Melaka adalah lebih kurang \$29 juta. Dan bangunan JPJ yang ada ini terletak di pusat bandar Melaka telah menyebabkan kesesakan lalu-lintas kerana terletak bangunan JPJ ini di kelilingkan oleh lima buah sekolah.

Saya, dapati bahawa tiap-tiap hari lebih kurang 1,000 orang di seluruh negeri ini datang ke pejabat JPJ Melaka untuk urusan harian. Kerana kesesakan tapak ataupun bangunan JPJ di. Melaka, ujian pemandu-pemandu kereta terpaksa tumpang di lorong belakang di satu kawasan di mana kawasan itu tidak sesuai untuk menjalankan ujian untuk pemandu-pemandu, tetapi kerana kesesakan kawasan tapak bangunan yang sedia ada, terpaksa JPJ membuat ujian itu di lorong belakang bangunan-bangunari kedai. yang berhampiran dengan pejabat JPJ. Dan kerana kawasan ini adalah terletak di. kawasan pelancongan dan Kerajaan Negeri. Melaka telah mengumumkan kawasan ini. akan diwartakan tidak lama lagi sebagai kawasan pelancongan, jadi saya nampak pada masa akan. datang bahawa bangunan ini tidak sesuai lagi. untuk digunakan oleh JPJ menjalankan urusan pemeriksaan kenderaan ataupun urusan harian. Bangunan yang sedia ada ini, tempat pemeriksaan lori tidak sesuai, lagi, kerana kita semua sedia maklum

bangunan ini 49 tahun lamanya, tapaknya sesuai. untuk memeriksa kenderaan yang besar seperti lori-lori tanker. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak negeri Melaka, kami merayu kepada Kementerian Pengangkutan memberi pertimbangan yang utama kepada projek pembangunan JPJ di Melaka.

Kami bernasib baik dan bertuah mendapat seorang Pengarah JPJ di negeri Melaka yang bijaksana menggunakan kuasa sendiri mengatur, menyusun dengan begitu baik sehingga urusan berjalan dengan begitu licin. Tetapi, ada baiknya sekiranya bangunan baru yang mana tapak telah disiapkan, projek itu dijalankan dengan segera. Kerana projek bangunan JPJ ini pun telah disebutkan dalam Rancangan Malaysia Keempat sehingga Rancangan Malaysia Kelima belum dapat satu sen diperuntukkan untuk bangunan yang di anggarkan \$6 juta.

Tuan Yang di-Pertua dengan itu, saya sekali lagi memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 dan berharap Kementerian berkenaan mengambil perhatian tentang komen dan pandangan yang diberikan oleh kami. Sekian, terima kasih.

**4.56 ptg.**

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana dapat peluang berucap di atas pindaan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987. Telah banyak rakan-rakan yang bercakap di atas Rang Undang-undang ini. Saya akan mengambil sedikit daripadanya iaitu Rang Undang-undang yang ada ini. telah 30 tahun, sudah sepatutnyalah dipinda kerana kenderaan-kenderaan di masa 30 tahun yang lampau tidak sama dengan kenderaan yang ada pada hari ini. Jadi, memang kenalah pada tempatnya kita pinda Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987.

Pemandu-pemandu 30 tahun yang lepas tidak sama dengan pemandu-pemandu yang ada pada masa ini, Pemandu-pemandu pada 30 tahun lepas patuh kepada peraturan, undang-undang jalan dan bersopan santun tetapi pada hari ini walaupun di laungkan setiap hari bersopan-santun di jalan raya, pandu cermat jiwa selamat, berbagai- kata-kata untuk mengingat pemandu-pemahdu, bukan bertambah kurang, tetapi. bertambah lagi keadaan yang tidak memuaskan pada orang ramai terutama pemandu-pemandu yang muda.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

Pada masa ini banyak kenderaan yang setengahnya lebih 10 tahun umurnya, terutama kenderaan ini masih digunakan di luar-luar bandar untuk pengangkutan terutamasekali pada kanak-kanak sekolah.

Kadangkala tempat minyak itu pun tutupnya sudah loose. Dia ikat dengan kain, dia balut dengan plastik, dia tutup macam itu sahaja, inipun masih berjalan. Tetapi yang menghairankan tidak ada siapa yang bertanggungjawab mengambil tindakan perkara ini, walaupun bas-bas sekolah atau kenderaan-kenderaan itu lalu Lalang di atas jalan. Masing-masing tengok sahaja. Bila sudah berlaku perkara yang tidak diingini maka baharulah ambil tindakan. Ini kita boleh perhatikan kalau pergi ke luar-luar bandar, masih berlaku perkara macam itu.

Seperkara lagi, kenderaan-kenderaan, dengan izin, private sapu. Ini juga berleluasa. Di setengah-setengah negeri dalam bandar besar lebih banyak private sapu daripada teksi yang halal, tetapi tidak siapa hendak tangkap pun. Kadang-kadang kita cuba menaikinya, lantai kereta itupun sudah tembok, tetapi masih digunakan. tiada siapa ambil tindakan. ini juga apabila undang-undang ini dijalankan maka kita mestilah perhatikan benar-benar. Saya berasa syukur dalam pindaan ini, iaitu pemandu dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengannya, daripada Fasal 39 hingga 55. Saya baca satu-satu, ianya sungguh memuaskan kalau dilaksanakan benar-benar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, pemandu-pemandu ini memang kurang bersopan-santun di jalanraya, terutama sekali apabila membawa motokar atau motosikal bila mereka nampak wanita yang membawa kereta itu lagilah dia kurang sopan. Kalau kita hendak melintas, dia ingat dia orang muda, dia boleh cekap lagi daripada kita, dia pergi sebelah kiri. Padahal kalau dia hendak memotong, dia pergi sebelah kanan, tetapi sebelah kanan ada

orang hendak masuk, dia tidak boleh - dia jalan sebelah kiri. Begitu juga motosikal. Kalau dia nampak orang perempuan, umpamanya, membawa motokar, dia macam perli depan kita. Ini juga tidak ada siapa yang ambil tindakan. Biarkan. Kadang-kadang lepaskan asap lagi. Bukan di luar bandar, di dalam bandar berlaku perkara-perkara macam ini. Tiada juga siapa yang ambil tindakan, biarkan sahaja. Jadi pada pandangan saya, apa salahnya Kementerian Pengangkutan beri ataupun minta kerjasama orang ramai supaya mereka juga mengambil bahagian. Sebab kalau kita hendak harap Pegawai sahaja, tidak cukup Pegawai itu, kenderaan dan perkara-perkara yang berlaku di atas jalanraya ini berlaku banyak.

Jadi kita buat sebagaimana pada masa dahulu, kempen anti-sorok. Kalau kita hendak pergi mengadu kepada Polis atau kepada Jabatan itu - lambat. Jadi Jabatan Pengangkutan Jalan keluarkan borang, kita buat macam anti-sorok, umpamanya, diadakan Peti Surat 8,000. Orang-orang ini boleh mengadu, kalau dia nampak ada kenderaan yang kurang sopan, maka dia gunakan borang itu hantar terus. Dia akan catitkan nombor kereta dan raasanya dia boleh hantar, maka Jabatan Pengangkutan Jalan, sebahagian daripada Pegawai ditugaskan untuk perkara ini. Sekurang-kurangnya bagi amaran. Kalau selalu perkara macam ini berlaku maka adalah kurangnya sedikit kemalangan-kemalangan di jalanraya, yang mana selalu disiarkan di dalam suratkhbar tolong beritahu perkara-perkara yang telah berlaku, yang telah ada accident, di tepi jalan seorang mayat: telah dijumpai, siapa yang nampak tolong memberitahu kepada Polis. Siapa yang hendak beritahu. Tetapi kalau kita adakan satu borang khas sebagai satu kempen permulaan, bukan sahaja kita dapat mendidik

rakyat kita bekerjasama untuk keselamatan-keselamatan di jalanraya ini, tetapi kita lebih senang lagi dan masing-masing rasa takut hendak buat perkara yang salah. Saya mencadangkan atau mengesyorkan sedemikian kerana saya berpandukan kepada sebuah negara, kebetulan sewaktu yang melawat ke negara jiran kita ini, ada satu kereta yang buat salah. Dia pergi letak kereta sebelah yang orang hendak pergi. Umpamanya kalau kita pergi belah kanan, dia menyeberang daripada sana, dia hadapkan keretanya di sebelah tepi jalan dan berhenti. Orang yang lalulalang bertanya "apa pasal awak letak kereta mengadap ke sana, kereta yang hendak pergi ke sana mesti hala muka ke sana - awak ini daripada sebelah sana, awak letak keretapi di tepi jalan, tetapi menghala ke tempat orang yang hendak pergi, jadi salah". Pada masa itu saya terfikir betapa baiknya negara ini kerana rakyatnya bertanggungjawab kepada orang yang buat salah. Walaupun dia bukan Polis, walaupun dia bukan orang Kerajaan, tetapi dia orang biasa, dia sedang berjogging, dia nampak orang itu, dia berhenti dan berjumpa dengan drivernya. Jadi ini satu perkara yang baik.

Maka saya fikir sepatutnya kita juga buat macam itu. Jadi orang ramai pun ambil bahagian, maka orang ramai tidak berani hendak buat salah. Sebab dia tahu dia takut. Orang nampak dia akan buat pengaduan, laporan, maka merasa bersalah. Jadi dengan itu masing-masing jaga keselamatan, jaga kebaikan, bersopan santun, tidak mengharapkan daripada Pegawai Polis atau daripada Jabatan Pengangkutan Jalan. Tetapi orang ramai juga ada hak untuk menegur perkara-perkara yang tidak baik di jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa undang-undang yang hendak dipinda ini sangat baik dan kalau kita perhatikan Undang-undang ini terlalu tebal, dan banyak sudah rakan-rakan kita bercakap, maka saya

ambil sedikit bahagian sahaja. Dengan ini saya menyokong Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 dengan berpendapat dalam negara yang kita cintai dan kasihi ini, yang mana kita hidup di dalamnya, manusia yang mati kurang daripada yang lain-lain perkara seperti jenayah atau komunis tembakkah, tetapi manusia banyak mati kerana accident di atas jalanraya. Jadi sangat baiklah Undang-undang ini-kita pinda dan dilaksanakan dengan cemerlangnya pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

**TimbalanYang di—Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah,

**5.09 ptg.**

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Terima kasih, Tuan Yang-di-Pertua. Saya juga turut bangun menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalanraya 1987. Saya juga hanya mengambil sebahagian sahaja kerana kita telah dengar dari rakan-rakan yang telah banyak memperkatakannya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian Pengangkutan yang telah mengambil daya usaha meminda undang-undang dengan mewujudkan beberapa peruntukan undang-undang yang baru selaras dengan keadaan semasa. Sekarang boleh dikatakan tiap-tiap hari kenderaan akan bertambah dengan pesatnya dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan melanggar undang-undang yang mempunyai kelemahan pada masa-masa yang lalu.

Sehingga hari ini perangkaan menyiarkan bilangan orang yang meninggal dunia di jalanraya semakin bertambah. Ini adalah disebabkan tidak ada undang-undang yang lebih ketat dan berkesan untuk mengawal pengguna-pengguna jalanraya. Oleh itu Kementerian Pengangkutan hendaklah mewujudkan suatu peruntukan menghukum pengguna-pengguna jalanraya yang cuai dan selaras dengan kehendak zaman dan kalau boleh, pengguna yang telah melakukan lebih dari 10 kali kesalahan jalanraya hendaklah dihukum rotan. Kena rotan ini ialah "dera" ataupun serik. Kalau wang itu kita hukum dia \$100, kompaun daripada \$100 hari ini dinaikkan \$300, kalau pengangkutan ini salah, \$1,000 kttta naikkan \$3,000. Maka mereka ini ada wang, mereka ini kaya, kadangkala mereka ini ada sindiket, sindiket lari laju, sindiket mengimport haram dan sebagainya, macam-macam sindiket. Mereka ini bijak dari Kerajaan. Jadi kita kenakan "dera" atau rotan 'satu kali, rotan dua kali, kalau besar kesnya rotan lima kali sepertimana kita kenakan hukuman kepada pengedar-pengedar dadah - rotan. Rotan ini mengikut undang-undang Islam memang teruk.

Kedua, lebu-lebuhraya telah dan sedang dibuka di seluruh tanahair untuk memberi kemudahan lebih sempurna dan teratur kepada orang ramai. Yang menjadi masalah sekarang ini kepada Kerajaan ialah tabiat ataupun amalan setengah-setengah pengguna jalanraya yang lebih mementingkan diri sendiri.. Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat ada pengguna-pengguna jalanraya yang mementingkan diri. Ini, saya mengakui, memang saya muda-muda dahulu, tahun 1965-1970 semasa saya baru lulus lesen, saya hendak lumba orang lelaki, saya berkejaran dan kadangkala kalau orang perempuan bawa kereta ini hambat orang lelaki. Jadi kita tidak mahu kalah, kita pun hendak laju. Jadi inilah yang dinamakan pengguna-pengguna jalanraya yang mementingkan diri sendiri, yang tidak menghiraukan kepentingan orang lain, yang mahu tiba cepat, yang mahu cantik, yang mahu lawa, hendak-hendak pula kalau keretanya kereta baru dan kereta yang luar biasa sedikit. Jadi mereka ini tidak menghiraukan kepentingan orang lain, hanya mementingkan diri sendiri. Inilah yang dinamakan kepentingan diri sendiri ataupun pengguna-pengguna yang mementingkan diri sendiri.

Mengenai nombor-nombor daftar kenderaan, sepatutnya dipamerkan mengikut saiz-saiz kenderaan tetapi apa yang kita dapat lihat sekarang ada yang memakai nombor daftar kecil dan ada yang besar dan mengelirukan orang ramai terutama pihak berkuasa Polis seperti yang berlaku sekarang. Di negara jiran, nombor kenderaan diseragamkan kepada satu saiz yang kecil tetapi boleh dibaca nombor daftar kereta. Di Malaysia ini nombor-nombor daftar tidak sesuai lagi sebab kereta-kereta di Malaysia ini telah bertambah banyak dan nombor-nombor daftar yang ada sekarang ini tidak sesuai lagi.

Banyak penyelewengan-penyelaweugan cukai jalah sedang berlaku dan pemeriksaan yang lebih rapi dan kerap kali hendaklah juga dibuat oleh JPJ khususnya di kawasan-kawasan tol-tol lebuh raya. Pihak Kerajaan juga membenarkan orang ramai membayar cukai mereka -melalui ejen-ejen insurans dan sebagainya bagi mengatasi masalah kesesakan-kesesakan Pejabat JPJ. Cukai-cukai jalan juga bolehlah dibenarkan dibayar dengan menggunakan kiriman-kiriman wang tunai di Pejabat-pejabat Pos untuk mengelakkan penyelewengan, rompak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan mengenai perkara pembayaran cukai jalan ini kerana memandangkan keadaan hari demi hari ataupun hari-hari keadaan kesesakan di Pejabat JPJ di tiap-tiap negeri, beratur beramai-ramai (line-up). Jadi kalau setuju ataupun kemungkinan dibuat, kita- boleh bayar melalui kiriman wang tunai ataupun money order kerana kadangkala kita daftarkan kereta di Perak misalnya, tetapi kita bekerja di Selangor, jadi kita hendak membayar cukai ataupun membaharui cukai jalan itu terpaksa kita balik ke negeri asal daftar. Jadi ini menyusahkan si pengguna itu. Misal kata saya di Melaka, saya duduk di Selangor, cukai jalan saya mati hari ini, saya terpaksa hendak balik. Jadi kalau keadaan itu berlaku dan kesempatan masa, kita bolehlah menggunakan dengan cara pos, kiriman wang untuk membaharui cukai jalan tadi. Ini bagi pembaharuan untuk hendak mengelakkan kesesakan di Pejabat ataupun penyelewengau dan rompak kerana kadangkala kita rnebaharui cukai jalan ini kena lori, bas dan sebagainya, kita membawa wang tunai yang banyak, jadi selalu kadangkala kita dirompak di tengah jalan oleh perompak-perompak yang menunggu. Katakan kita ada syarikat-syarikat bas, jadi kita bayar sekali banyak, membawa wang tunai yang

banyak, kita dirompak di tengah jalan, jadi kita sudah dua kali rugi, Kerajaan pun hendak tunggu masa, kita kena saman lagi, kita kena bayar lagi. Jadi dipinda undang-undang ini membolehkan membayar cukai jalan ini dengan menggunakan kiriman wang tunai melalui Pejabat-pejabat Pos.

Pemeriksaan yang lebih ketat hendaklah dibuat kepada kenderaan-kenderaan berat seperti lori, bas di masa membaharui cukai jalan. Begitu juga lori-lori trailer yang membawa kayu balak, merbahaya kepada pengguna-pengguna jalanraya. Mereka menggunakan rantai-rantai besi sahaja untuk mengikat kayu balak. Cara ini tidak sesuai lagi kerana pemandu lori tersebut kerap kali memandu dengan laju lori-lori mereka di atas lebuh raya. Pihak Kementerian hendaklah mengubahsuaikan bentuknya supaya sesuai dengan keadaan lebuh raya yang ada sekarang. Sebagai contoh, memasang papan-papan amaran di sebelah belakang memberitahu pemandu-pemandu itu iaitu kelajuan mestilah dihadkan untuk keselamatan semua pengguna lebuh-lebuh raya.

Di sini saya suka menyentuh sedikit mengenai lumba motosikal ataupun lumba kereta secara haram. Saya tertarik hati kerana di tempat saya pun berlaku. Kawasan saya ialah kawasan yang diminati oleh orang ramai ataupun muda-mudi. Kawasan itu agak sunyi dan terpencil sedikit iaitu di Air Keroh dan kawasan ini akan dibuka kawasan lebuh raya dan tempat ini ada tempat peranginan sedikit, Jadi bila pukul 12.00 malam ke atas memang terdapat orang-orang muda berbilang bangsa bermiat untuk mengadakan lumba motosikal secara haram. Masanya ialah pukul 12.00 ke atas terutama malam minggu, Apa yang menarik minat mereka, saya pergi malam-malam cuba mengintai ataupun membuat tinjauan, saya menyamar sebagai seorang lelaki, pakai kot, pakai seluar, gaya sorokkan rambut untuk mendapatkan

maklumat apa yang menarik minat sangat sehingga mereka ini berminat sangat untuk masuk lumba motosikal secara haram ini kerana kita tahu kalau satu pusingan malam itu memang ada yang mati, kadangkala satu motor dia naik berdua - zoom, mati, kedua-dua mati.

Apa yang menarik minat mereka ialah hadiah wang tunai dan perempuan cantik. Ini saya bukan omong kosong. Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri yang berkenaan, ini memang ternyata dan saya telah selidik, wang tunai dan dapat meniduri perempuan cantik, ini yang menarik minat. Jadi kita tidak mahulah sindiket-sindiket ini berleluasa menggalakkan anak-anak muda kita semua yang memasuki lumba haram ini berbagai bangsa kita di Malaysia Melayu, kaum Tionghua, kaum Tamil dan juga berbagai bangsa yang ada. Kita tidak mahulah kerana ada penerapan nilai-nilai Islam masalah judi ataupun lumba secara haram ini berleluasa. Diharap JPJ menguatkan rondannya bukan sahaja daripada 8.00 pagi sampai 4.00 petang atau 6.00 petang; daripada pukul 12.00 malam hingga pukul 2.00 pagi dan pukul 3.00 pagi. Di waktu inilah dia tahu pegawai-pegawai pun sudah balik, Polia pun sudah kurang mengadakan rondaan, di waktu inilah zoom, zoom, zoom di kawasan saya. Kalau hendak, datang ke rumah saya, bila-bila-boleh telefon, saya tunjuk, saya bawa.

Saya sendiri menyelidiki dan menengok macam mana keadaan itu dan mengapa yang dikejar-kejar - hadiah keistiinewaan ini Wanita itu dipamerkan, dia pakai cantik, separuh di sini terbuka, di sana terbuka, memang cantik dan memang menggiurkan. Itulah yang dikejar-kejar, bak kata orang Melaka "berhanyut dengan nyawa" untuk mengejar hadiah itu;

Jadi, kita tidak mahulah perkara ini berlaku demi keselamatan masa depan anak-anak muda kita. Jadi saya harap diambil tindakan sebab itu saya mengucapkan syabas kepada Kementerian ini yang mengambil berat mengenai lumba-lumba motor dan motosikal haram ini kerana banyak tidak baik daripada yang baik.

Kedua, mengenai lesen-lesen motor, Kita tahu yang kita adakan sekatan di jalan-jalan raya dan lebuh raya ataupun dalam bandar banyak terdapat pengguna motosikal terutama, di luar bandar, di kawasan pendalaman banyak motosikal yang dibeli sampai buruk tak ada lesen, tak ada insuran daripada beli sampai dia buruk.

Bukanlah oleh sebab masalah orang luar bandar, kawasan pendalaman iaitu penoreh getah dan pekerja ladang semuanya bukan miskin dan bukan tak ada duit, tetapi kita tidak mahu rakyat negara ini dikecualikan cukai dan tidak mahu bertanggungjawab dan lari daripada cukai. Kerana dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara kita ini setiap sen cukai dikira dan setiap sen malah setiap perkara, rakyat negara kita mestilah dipertanggungjawabkan ibarat kata pepatah, hati gajah sama kita lapah, hati kuman sesama kita cecah. Satu sen sesamalah kita bahagi, kalau yang banyak pun sesamalah kita rasakan.

Kalau satu sen itu perlu buat kita, satu sen kita cari. Kerana banyak di kawasan pendalaman iaitu di Ladang-ladang, motosikal daripada mula beli sampai buruk digunakan, ditenggek, bawa anak, bawa isteri, kadangkala anak dara sunti, orang muda dan budak-budak sekolah dua-tiga belas tahun pun tenggek motor itu tak bercukai. Siapa hendak periksa? Polis tak ada, JPJ tak masuk.

Saya harap kata orang nama timang-timangan Timbalan Menteri kita, kita dapat Timbalan Menteri yang bijak - "Kak Leha", besarkan sedikit Pasukan Peronda kerana JPJ itu satu badan pemungut cukai yang mendatangkan banyak hasil, besarkan sedikit kuatkuasanya, ambil budak-budak muda yang tak bekerja itu, berilah gaji dua-tiga ratus, pergi pungut cukai ataupun siasat di kawasan-kawasan luar bandar iaitu motosikat yang tak bayar cukai itu banyak. Kadang-kadang dibawa laju sudah terjunam masuk parit, merbahayanya banyak, tidak bercukai dan tidak berinsuran. Ini untuk kita mengelakkan kerugian negara daripada segi cukai dan segi keselamatan.

Saya ini kalau bercakap sentuh sedikit-sedikit, tetapi biarlah Ustaz Haji Shaharom menambah dan banyak lagi boleh disentuhnya. Itulah sahaja dan saya dengan ini mengucapkan syabas sekali lagi kepada Kementerian ini dan dengan ini juga saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Noraini Beluah.

**5.23 ptg.**

**Puan Noraini binti Beluah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini yang membincangkan-Akta Rang Undang-undang Pengangkutan. Jalan, 1987.

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pengangkutan melalui Timbalan Menteri Yang Berhormat Datin Paduka Hajjah Zaleha Ismail kerana telah dapat mewujudkan satu Akta yang saya rasa begitu baik dan meyakinkan.

Dengan lulusnya Akta ini akan terhapuslah perkara-perkara yang kita anggap sudah ketinggalan zaman yang patut diubahsuai setelah 30 tahun kita merdeka.

Usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian untuk mendapat maklumbalas daripada orang ramai sebelum sesuatu Akta itu diwujudkan haruslah diikuti oleh Kementerian-kementerian yang lain agar apa yang kita lakukan dapat memberi kepuasan hati semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua rakan-rakan saya Yang Berhormat tadi telahpun menyentuh berbagai perkara yang ada hubung-kaitnya dengan Akta baru ini. Jadi saya ingin menyentuh satu-dua perkara sahaja yang saya rasa boleh mendapat pertimbangan daripada pihak yang berkenaan.

Merujuk mengenai Fasal 36 iaitu memberi kuasa kepada Pengarah JPJ supaya menggantung lesen-lesen yang kita anggapkan pemegang lesen itu adalah penagih dadah. Ingin saya menghuraikan beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan.

Memanglah saya akui dan kita semua akui bahawa dadah adalah satu musuh negara. Musuh negara yang utama yang amat diambil perhatian berat oleh pihak Kerajaan dan sekarang dadah telahpun diperbincangkan di peringkat antarabangsa dan kita bangga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah dilantik sebagai Presiden Jawatankuasa Anti-Penyalahgunaan Dadah di Peringkat Antarabangsa, tetapi apa yang saya ingin utarakan ialah sebelum kita menggantung sesuatu lesen, yang kita anggap seseorang itu disyaki menjadi penagih dadah, pihak berkuasa haruslah membuat kajian ataupun dengan mengadakan ujian-ujian yang tertentu kepada mereka yang berkenaan kerana kita takut besok kemungkinan ada salah terpa atau salah ditakrifkan seseorang itu maka mereka yang tidak berkenaan akan terlibat.

Kita tahu ada setengah daripada belia-belia kita khasnya kadang-kadang rupa mereka itu seakan-akan penagih dadah sedangkan mereka itu tidak penagih dadah. Jadi harus perkara ini dipertimbangkan kerana kita tak mahu besok kita salah anggap mereka yang menggunakan lesen pemandu itu sebagai sara hidup mereka untuk mencari sara hidup akan menjadi satu beban yang tak dapat dielakkan dan kalau sekiranya perkara ini tidak betul diperhatikan dengan baik, jadi pengangguran akan lebih berlaku di negara kita dan ini juga akan membebankan kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta ini juga ada di beri kuasa kepada Menteri Kerjaraya yang ada hubung-kaitnya dengan bahagian jalanraya dalam negara ini. Apa yang ingin saya utarakan ialah kerja-kerja menggali dan mengorek lubang di jalan-jalan oleh agensi-agensi tertentu dan juga pemborong swasta hendaklah diadakan di dalam satu masa yang ditetapkan ataupun di.kemaskini.kan, kita tidak mahu lagi seperti. masa sekarang ini. Hari ini LLN korek, besok timbus, seminggu lepas itu JKR korek, begitulah seterusnya, tidak ada apa-apa tindakan dibuat. Jika penyelarasan tidak dibuat perkara-perkara yang tidak menyenangkan ini akan berterusan menyakitkan mata memandang .dan.menyusahkan pengguna jalanraya.

Berhubung dengan kebersihan jalanraya perlulah di.ambilkira dengan seriusnya seperti jika terdapat kotoran binatang-binatang mati dianggar, kayu tumbang dan sebagainya hendaklah disegerakan pembersihan oleh pihak JKR. Jangan bila ada aduan baru dibuat dan pihak pengguna terpaksa menggunakan tenaga untuk membuangnya atau dibiarkan begitu sahaja jika tidak ada aduan yang dibuat.

Berkenaan pokok-pokok teduhan, sekarang ini sama ada Majlis Daerah, JKR dan sebagainya sedang berusaha untuk menanam di tepi-tepi jalan. Begitu juga dengan pohon-pohon bunga. Jadi, saya berharap pihak JKR hendaklah sentiasa membersihkan dan menjaga pokok-pokok itu, biar ia hidup subur dan baik dan dapat memberi teduhan kepada rakyat jelata. Apa yang terdapat di kawasan saya, saya mewakili negeri Pahang dan saya perhatikan kebanyakan tempat-tempat dalam negeri Pahang itu teduhan memang ada dibuat.

Tetapi apa yang sedih ialah pokok-pokok itu tidak hidup subur sebagaimana yang kita harapkan. Jadi pihak tertentu khasnya JKK hendaklah berusaha seberapa daya yang boleh supaya pokok bunga dan pokok teduhan itu hidup sebagaimana yang kita harapkan dan dapat memberikan kemudahan kepada kita.

Pembersihan ini hendaklah seringkali dibuat. Ini saya perhatikan ada setengah-setengah tempat mungkin tidak semua, tetapi setengah-setengah tempat dia hanya membersihkan di sekeliling pokok itu sahaja sedangkan tempat lain dibiarkan lalang dan sebagainya tumbuh. Jadi, perkara ini juga harus diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Jika pokok ini tidak dijaga dengan baik saya rasa kita tidak mahu kata Pepatah "hidup segan mati hendak sangat". Orang kata "hidup segan mati tak mahu" tetapi sekarang pokok ini hidup segan dia hendak mati tetapi tidak boleh hendak mati. oleh itu penjagaan haruslah dibuat.

Tanda~tanda amaran hendaklah banyak dibuat dan diadakan di kawasan-kawasan kemalangan yang dikenal pasti bagi mengingatkan pengguna-pengguna jalanraya tentang keselamatan dan kesejahteraan penggunaan jalanraya adalah wajar diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga di sini. saya menyarankan agar pihak JPJ mengambilkira dan memeriksa sewajarnya terhadap lori-lori yang berhenti di bahu jalan yang meletakkan tanda amaran "kereta rosak". Kita tidak tahu sama ada kereta atau lori itu betul-betul rosak atau tidak ataupun cuma berhenti untuk mengelakkan dari kemungkinan diperiksa oleh pihak JPJ. Perkara ini kerap kali berlaku di daerah saya khasnya Lebuhraya Karak/Kuaa Lumpur kerana mereka-mereka ini ada perhubungan di antara satu sama lain. Kalau ada pihak JPJ mengadakan sekatan jalanraya, rakan-rakan mereka pemandu-pemandu lori yang lain akan mengeluarkan isyarat-isyarat

yang tertentu. Jadi, apabila mereka mengetahui barang yang mereka bawa itu lebih muatannya, jadi daripada diperiksa dan didenda oleh pihak JPJ baiklah diberhentikan dengan dibuat tanda lori itu rosak walaupun dalam Akta yang baru ini kalau lori berhenti. di bahu jalan akan dikenakan denda. Tetapi kalau lori berhenti di bahu jalan dan dibuat tanda kereta rosak adakah perkara ini juga diambil perhatian oleh pihak JPJ.

Jadi, untuk menyesuaikan Akta baru ini saya rasa perkara-perkara yang telah dinyatakan tadi serba sedikit akan dapat diper-timbangkan. Saya akui bahawa Akta ini adalah sebaik-baik Akta dan kita harapkan semoga segala Langkah-langkah yang dibuat dan diambil oleh pihak Kementerian Pengangkutan ini akan mendatangkan faedah dan kebaikan yang berganda lagi kepada pengguna jalanraya khususnya dan rakyat negara ini amnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli baru yang dilantik, saya rasa cukuplah setakat ini dulu maka dengan ini saya mohon izin menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

### **5.33 ptg.**

**Tuan Tiong Hiew King:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian untuk membahas Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 yang akan menggantikan Ordinan Lalulintas Jalan 1958. Demi untuk memuaskan dan memberi perkhidmatan lebih cekap kepada orang ramai, pindaan penggantian itu adalah perlu agar supaya Kementerian Pengangkutan mempunyai kuasa melantik agensi lain

bagi mengendalikan urusan memperbaharui lesen memandu dan cukai jalan.

Diketahui dengan adanya Akta baru itu Kementerian Pengangkutan akan diberikuasa menahan mereka yang melakukan kesalahan mengikut Akta Pengangkutan Jalan serta menyelesaikan dengan membayar denda, Langkah itu adalah perlu kerana ini akan membolehkan pesalah terbabit mengetahui kesalahannya dengan serta merta serta mengurangkan masalah lalulintas dan kes kemalangan jalanraya. Tetapi saya masih berasa langkah itu kurang sempurna. Lazimnya pesalah-pesalah terbabit itu bukan tidak tahu peraturan pokok dalam Akta Pengangkutan Jalan. Selain daripada kepandaian memandu mereka harus mempelajari dan memahami peraturan-peraturan itu benar-benar untuk berkecayaan mendapat lesen memandu,

Setengah-setengah pemandu motokar, lori atau motosikal terdapat dengan sengaja melakukan kesalahan-kesalahan melanggar isyarat lalulintas atau memandu lebih laju daripada had laju yang ditentukan itu. Ada juga yang bersalah kerana kelalaiannya. Maka memandangkan begitu banyak masalah lalulintas dan kes kemalangan jalanraya terjadi maka saya berpendapat iaitu bagi mencegah kejadian itu, Kementerian mesti diberi kuasa mengambil tindakan-tindakan yang lebih keras.

Dengan itu saya hendak mencadangkan iaitu pemandu-pemandu yang melakukan kesalah mengikut Akta Pengangkutan Jalan harus didenda, diberi amaran dan kesalahan dicatatkan. Selain daripada jikalau

mereka itu melakukan kesalahan pada ketiga kalinya lesen memandunya ditarik dan tidak dibenarkan memandu buat tempoh 10 tahun..

Akhirnya saya juga mengingatkan Kementerian Pengangkutan bahawa dengan penggantian Ordinan itu pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan harus menjalankan tugas-tugas mereka dengan bersungguh-sungguh mencegah diri. mereka dari membuat dengan sewenang-wenangnya atau melakukan sesuatu yang tidak diinginkan. Saya berharap dengan penggantian Ordinan itu masalah lalu-lintas dan kes kemalangan akan berkurangan kelak. Inilah harapan saya dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

### **5.36ptg**

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahas Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya bangun di peringkat akhir-akhir ini memanglah tidak banyak lagi hendak disebutkan tetapi bagaimanapun ingin juga saya membahas secara ringkas iaitu saya akan membawa satu cadangan dua cara siasatan dan tindakan oleh Kementerian.

Yang pertamanya, berkenaan dengan lesen memandu. Sebagai kita maklum lesen memandu sekarang ini untuk pembaharuan kita terpaksa pergi ke pejabat. Tetapi kalau ikut amalan dengan Lesen TV,

sentiasanya diberi "reminder" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sebelum lesen itu mati ataupun habis tempohnya.

Jadi, sebagai termaklum manusia biasa seperti kita ini selalunya terlupa atau terlalai berkenaan dengan tempoh matinya lesen kita itu. Benda ini bukan sahaja terjadi kepada saya ataupun kepada Yang Berhormat Yang Berhormat yang lain. Memang kebiasaannya terjadi dan bila jadi masalah begini, kadangkala dengan tidak sengaja kita ditahan oleh Polis barulah kita ingat bahawa lesen kita itu telah mati. Jadi inilah saya mahu bawa satu cadangan supaya pihak Kementerian mengeluarkan "reminder" sebelum lesen tamat tempohnya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu pihak Kementerian membuat penyiasatan dan seterusnya bertindak di atas rungutan berkenaan dengan 'lori hantu'. Lori hantu maknanya lori yang tidak ada permit jalan. Memang menjadi kebiasaan di kawasan-kawasan luar bandar menggunakan lori hantu ini terutama sekali di kawasan-kawasan balak kawasan-kawasan pembinaan dan juga di kawasan kuari.

Memang kegiatan ini berleluasa, sebenarnya oleh kontraktor-kontraktor untuk hendak mengelakkan daripada peningkatan kos, tetapi kalau dipandang secara seriusnya kegiatan ini adalah penting daripada segi keselamatan. Jadi saya minta pihak Kementerian mengambil tindakan ataupun sebelum tindakan, menyasat dahulu dan mengambil tindakan seterusnya terhadap rungutan ini.

Yang ketiganya, iaitu siasatan dan tindakan juga, iaitu berkenaan cukai jalan ada rungutan daripada orang ramai berkenaan dengan satu lesen tetapi diguna untuk 2-3 lori ataupun 2-3 bas pada masa yang lain dan tempat yang lain. Saya terdengar ini sudah beberapa kali, inipun mungkin daripada masalah untuk hendak mendapat lesen, jadi penganjur ini menggunakan satu lesen, tetapi menggunakan 2-3 lori ataupun 2-3 bas di tempat-tempat yang berasingan dan masa-masa yang berasingan. Makna kata, dengan satu Lesen di Kuala Lumpur dia beroperasi di kawasan Kuala Lumpur dan satu lesen lagi. umpama kata di Ipoh, Lesen itu juga dengan secara fotostet, tetapi beroperasi di Ipoh dan seterusnya. Ini berlaku kepada lori dan juga kepada bas-bas. Jadi inilah saya minta pihak Kementerian menyasat dan seterusnya bertindak di atas rungutan ini.

Begitulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong supaya Rang Undang-undang ini diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan .Rokiah.

**5.42 ptg.**

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987. Walaupun sudah ramai rakan-rakan saya mengambil bahagian dalam perbahasan, saya akan mengambil masa yang sedikit sahaja.

Saya rasa sudah sampainya Kementerian. Pengangkutan membuat pindaan kepada undang-undang yang sedia ada dengan terlaksana undang-undang ini dapatlah menaikkan imej Kementerian Pengangkutan, terutama sekali dengan memperluas tafsiran "jalan" yang mana memberi kuasa yang luas kepada JPJ untuk menjalankan tanggungjawab dan, dengan lebih berkesan. Kalau dahulu kita sering melihat dengan terang-terang bagaimana pegawai-pegawai JPJ di momokkan oleh pemandu-pemandu lori dan menjadi bahan ketawa kepada orang ramai bila melihat lori-lori berderet-deret di tepi-tepi jalan tetapi pegawai JPJ tidak dapat menangkap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan Kerajaan hendak menghadkan usia sesebuah kenderaan seperti yang sedang diamalkan oleh Kerajaan Singapura dengan tujuan untuk mengurangkan kesesakan jalanraya serta mengelakkan kemalangan. Pandangan saya dalam-hal ini ialah supaya pegawai JPJ hendaklah berhati-hati bila mahu memansuhkan sesebuah kenderaan dari berada di atas jalanraya kerana ada kenderaan yang usianya agak lama tetapi tidak pernah mengalami sebarang kemalangan dan berada dalam keadaan yang baik. Di sebaliknya ada kenderaan-kenderaan yang baru usianya tetapi mengalami kemalangan yang teruk menyebabkan enjin dan badannya uzur. Jadi perkara-perkara sedemikian hendaklah diambil perhatian kerana keuzuran sesebuah kenderaan tidak sahaja terletak kepada lamanya usianya, tetapi kepada keadaan enjin dan bodynya, sepertimana yang lazim kita tengok kadang-kadang ada orang yang berusia 60 tahun tetapi masih kuat dan tegap dan ada juga orang yang nampak usianya 40. tahun tetapi uzur kerana sakit.

Saya ingin mencadang agar kenderaan yang telah mengalami kemalangan yang teruk dikondem. Lazimnya setelah sesuatu kemalangan yang teruk, pihak insurans akan ketuk-ketuk badan kenderaan tersebut dan dicat semula, dimake-up dengan baik-baik untuk dijual kepada orang lain yang tidak tahu akan sejarah kereta tersebut. Dari itu pihak JPJ hendaklah mengawasi supaya orang ramai tidak tertipu dengan cara sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbarap Kerajaan juga dapat meneliti betul-betul sebelum sesuatu bayaran cukai jalan diluluskan, terutama sekali kepada bas-bas sekolah, bas-bas pesiaran, teksi-teksi dan van-van kerana klta kerap melihat bas-bas yang senget, bas pesiaran yang tayarnya berjalan bengkok-bengkok dan kadang-kadang kita tengok keadaannya sangat menyakitkan pandangn dan ini menjadikan punca -kemalangan. Kenderaan sedemikian ini hendaklah dimansuhkan.

Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 ini mewajibkan tuan-punya kereta melapor kepada pihak berkuasa bila tidak mahu lagi membayar cukai jalan atau tidak mahu lagi mengguna kereta tersebut di atas jalan. Bagaimana pula dengan peminat-peminat kereta antik yang menyimpan kereta-kereta lama sehingga 4-5-6 buah sebagai hobi dan digunakan keretanya sekali-sekala, bukan tiap-tiap hari, kadang-kadang setahun itu digunanya hanya 2 kali ataupun kadang-kadang 3 kali sahaja setahun. Bagaimana dengan peminat kereta antik **ini**, adakah ianya kena membayar cukai sepanjang tahun ataupun diadakan undang-undang khas untuk peminat-peminat kereta antik ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Pengangkutan yang telah memperuntukkan 'parking space', dengan izin, untuk orang-orang cacat anggota. Ini adalah satu padangan yang murni, yang baik kerana tidak melupai mereka cacat, yang juga rakyat negara kita dan pengguna jalanraya. Mereka juga berhak mendapat layanan sewajarnya sebagai pembayar cukai jalan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini kerana banyak mengambilkira kepentingan orang ramai, terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar di mana orang ramai boleh memperbaharui lesen memandu kereta, lesen motosikal di Pejabat-pejabat Pos yang berdekatan, seperti kita membayar bil air dan api sekarang. Ini boleh mengurangkan kesesakan di Pejabat-pejabat JPJ dan menyenangkan orang ramai, terutama sekali yang tinggal di luar bandar.

Akhir kata, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya mengeluarkan buku-buku panduan, iaitu ringkasan perkara-perkara yang penting yang ada dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini untuk dijadikan panduan kepada pemandu-pemandu. Contohnya bila kita hendak membayar lesen memandu, borang apa yang hendak kita gunakan, bila kita hendak memperbaharui cukai jalan, borang apa yang hendak kita gunakan dan seterusnya kerana selalunya orang ramai kurang mengetahui borang apa yang hendak digunakan, panduan-panduan yang sepatut diberi kepada pemandu jalanraya.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi Ahli Yang Berhormat? Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shahrarom.

**5.49 ptg.**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan yang telah berjaya menggubal satu Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 untuk menggantikan Undang-undang lalu-lintas yang telah lama dipakai dalam negara kita sejak awal-awal kita mencapai kemerdekaan dahulu.

Oleh kerana Ragu Undang-undang ini apabila diwartakan nanti, akan menjadi satu undang-undang baru kepada Pengangkutan Jalan dalam negara kita, maka memerlukan kepada masa untuk meneliti kejayaan yang akan dapat dicapai daripada terlaksananya undang-undang ini.

Sebagaimana Rang Undang-undang yang lain, Kerajaan menerima fikiran-fikiran daripada pihak-pihak lain seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu membentangkan Rang Undang-undang **ini**, mengatakan bahawa garis kasar Rang Undang-undang ini telahpun dibincang bersama dengan berbagai-bagai badan di luar

Kerajaan untuk mencari kebaikan dan faedah bersama untuk melicinkan lagi Undang-undang Pengangkutan Jalan dalam negara kita ini berjalan lebih baik, lebih lancar untuk manfaat semua, manfaat orang yang menggunakan kenderaan, menggunakan perkhidmatan pengangkutan, dan manfaat kepada Kerajaan untuk mendapat cukai dan sebagainya dan manfaat kepada masyarakat supaya tiada berlaku terus kemalangan-kemalangan di jalanraya, mengurangkan lagi penipuan-penipuan yang dilakukan oleh mereka yang ingin mencari keuntungan dan kekayaan daripada Undang-undang JPJ yang lama.

Ini kita tahu sebanyak sedikit daripada perbualan-perbualan, daripada cerita-cerita di Luar Dewan ini di mana sahaja mengenai dengan kelemahan-kelemahan dan minta izin, sehingga orang berani, menyebutkan bahawa salah satu daripada jabatan yang terlibat dengan sogokan duit atau disebut sebagai rasuah ialah JPJ. Sama ada ini benar atau tidak, ini nanti akan dapat dibuktikan dengan adanya pindaan, dengan adanya penggubalan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 untuk memperkemaskan lagi, untuk memperbaiki lagi, untuk menaikkan lagi imej JPJ di pandangan masyarakat ramai.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini heboh mengenai dengan sendiket cukai jalan palsu. Satu kumpulan manusia yang membuat cukai jalan (road tax) palsu, Yang menjanji kurban ialah mereka yang ditipu oleh sendiket ini. Tetapi begitu lama JPJ atau pihak yang berkuasa yang lain untuk mengesan sendiket ini. Jadi diharapkan dengan adanya undang-undang yang baru kepada JPJ ini, insya Allah, kita harap kita tidak akan mendengar lagi tiga, empat tahun akan datang ada sendiket yang cuba memperdaya orang ramai dengan cukai jalan yang palsu. Kerajaan rugi, orang yang ditipu kena tahan, kereta ditahan, perkara tidak selesai dalam mahkamah sehinggalah berbulan-bulan. Ini semua menyusahkan orang ramai. ini seolah-olah tenaga-tenaga pelaksanaan yang ada di dalam jabatan-jabatan Kerajaan kita tidak begitu cekap hendak menangkap sendiket ini sehingga Yang Berhormat Menteri send.iri terpaksa membuat kenyataan apa cara-cara hendak mengelakkan di antara pelekat road tax yang palsu dengan yang tidak palsu. Orang ramai tidak dapat membezakan itu kerana penipuan ini dibuat secara teliti dan halus sehingga tidak dapat hendak membezakan mana yang palsu dan mana yang tidak palsu. Diharap ada satu perubahan untuk mengelakkan kejadian seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang yang begitu tebal, tidak dapat hendak dibaca kesemuanya dan beberapa orang Ahli-ahli dalam Dewan ini telah menyebutkan beberapa perkara dengan panjang lebar, saya ada beberapa perkara lagi yang barangkali kalau sudah disebutkan oleh rakan-rakan yang lain semasa saya tidak ada dalam Dewan ini, saya minta maaf. Tidak banyak perkara yang saya hendak sebutkan ini iaitu ada hubungan-kaitnya dengan perkara-perkara kecil yang selalu menimbulkan masalah. Kadang-kadang perkara ini menimbulkan rungutan, menimbulkan rasa tidak puas

hati kepada JPJ, kadang-kadang menimbulkan marah kepada JPJ kerana orang lain yang buat sama tidak kena tahan, tetapi dia kena tahan. Kemudian ada orang yang tidak kena panggil buat perkara yang serupa, tetapi dia kena panggil. Ini semua perkara-perkara yang sepatutnya kita sama-sama renungkan, kita perbaiki di dalam kita hendak melaksanakan Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 yang diminta Dewan ini untuk meluluskannya.

Dengan adanya undang-undang baru ini nanti, insya Allah, dengan kerjasama semua pihak, kegiatan teksi haram, bas haram, penjaga kereta haram yang mengugut tuan punya kereta tidak akan beraku lagi. Di Kuala Lumpur ini, kalau Tuan Yang di-Pertua, sedar bahawa sekarang ini ada di antara penjaga kereta haram ini bukan dari kalangan budak-budak kita. Ada daripada pendatang-pendatang haram yang mereka sanggup merosakkan kereta yang tuannya kereta itu tidak mahu memberi duit kepadanya 50 sen atau \$1. Dengan adanya Akta ini, yang saya baca sepintas lalu akan dapat menghilangkan kegiatan penjaga kereta haram ini adalah baik.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan jaga kereta haram ini sudah lama dan sudah berulang kali kita sebut, tetapi kadang-kadang kita dapat jawapan bahawa mereka itu juga manusia yang hendak mencari makan. Kadang-kadang dia bukan jaga kereta sahaja, dia lapkan cermin kita, dia cuci kereta kita - ada jawapan seperti itu. Kalau kita hendak melaksanakan undang-undang yang kita luluskan untuk kebaikan, kita masih ada sikap yang seperti itu, susah kita hendak melaksanakan undang-undang ini. Orang akan mencemuh, ada undang-undang tetapi tidak dapat dilaksanakan. Seolah-olah kita tahu buat anak, tetapi kita tidak pandai hendak jaga anak. Kita pandai melahirkan undang-undang tetapi kita tidak tahu laksanakan undang-undang atau tidak mahu laksanakan undang—undang. Ini salah semua.

Kami yang meluluskan undang-undang dalam Dewan ini pun salah, berdosa, yang tukang laksana besok, kalau tidak dilaksanakan pun salah dan berdosa. Akan ditanya sama-sama, akan ditanya di akhirat: nanti. Jangan fikir undang-undang jalan tidak ditanya. Di akhirat akan ditanya. Sebab hadith Nabi s.a.w. mengatakan amal yang paling kecil ialah membuang duri di. tengah jalan. Ini kita hendak membuang duri di tengah jalan. Kalau kita laksanakan ini, kita akan mendapat pahala daripada amal yang rendah sekali. Kalau kita tidak laksanakan, kita akan berdosa dari amal yang rendah, kalau sekali. Kalau banyak kali, kalau 20 tahun bekerja dalam JPJ tidak melaksanakan ini, kira sahajalah berapa banyak dosa-dosa kecil berkumpul selama 25 tahun, berat pikulannya itu besok. Kami meluluskan, jadi nanti apabila ditanya, "Hai! Senator, sudah luluskan undang-undang jalan?" "Sudah". "Kenapa tidak tangkap?" "Bukan saya punya kerja. Saya boleh jawab macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, lagi perkara-perkara yang selalu menjadi cakap-cakap di luar iaitu kereta yang memakai cermin gelap. Tidak tahulah ada atau tidak undang-undang yang dikatakan pakai cermin gelap ini salah atau tidak salah. Ada orang kena tahan, kena tanya. Ada yang masih terus dengan gelap segelap-gelapnya.

Jadi, sama ada dalam undang-undang baru ini ada atau tidak, saya tidak sempat baca, saya minta maaf. Sebab itu saya tanya. Ini cermin gelap macam mana peraturannya, boleh pakaikah atau tidak boleh pakai? Kalau boleh pakai, kami ahli Senate semua pun hendak pakai cermin gelap macam. Boleh, boleh, bergaya sedikit!

Kadang-kadang Ahli Senate pakai songkok putih, budak muda potong kereta macam lipas kudung. Dia ingat Pak Haji mana, ini dia. Dalam Akta ini ada dalam Fasal 42 dan 43; Fasal 42 memandu dengan cara melulu dan membahayakan dan Fasal 43 memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbangrasa. Mentang-mentang saya orang sudah tua, pakai serban kadang-kadang pakai songkok putih, dipotong oleh budak-budak muda macam potong timun. Kadang-kadang dia memotong dekat garis dua. Undang-undang ini kata salah, siapa yang hendak menangkap orang itu? Ini dia masalahnya.

Adakah undang-undang lain yang mengatakan orang yang dipotong tadi boleh mengadu ke mana Balai-balai. Polis yang terdekat, mencatatkan nombor kereta yang memotong dengan cara membabayakan atau memandu dengan cara melulu atau memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa, tidak bersopan, Ini banyak berlaku. Ini yang kadang-kadang orang tua-tua, yang berumur macam saya 50 tahun kadang-kadang sebak di dada menengok anak muda membawa kereta dan membawa motosikal di atas jalan. Baru dua hari sudah kita bincang dalam Dewan ini mengenai dengan perlumbaan motosikal haram. Petang saya balik daripada Batu 3 Jalan Kelang-Kuala Lumpur, sampai ke Shah Alam, dia berlumba lebih 60 biji. Budak-budak ini tahukah Dewan Negara baru bincang masalah lumba haram, petang itu dia tunjuk perasaan. Tidak ada siapa pun yang tahan motor itu. Tidak siapa pun menahan. Yang ronda baju putih, seluar biru pun tidak, yang

meronda baju kelabu pun tidak, yang meronda pakai Volvo, pakai lampu biru pun tidak. Kalau ronda macam—macam dalam negara kita ini.

Saya selalu sebut, ada yang baju putih - Polis punya, yang baju kelabu - JPJ punya, ada satu lagi highway/Lebuhraya punya peronda. Tidak tahan pun, 60 biji motor, macam mana? Jadi, kalau dia mati, matilah. Hal dialah. Tetapi, kalau tidak mati, mengganggu kenderaan sehingga yang di bekalang tadi berekor dekat 2 batu kerana tidak memotong tidak boleh, hendak berjalan laju tidak boleh. Semoga dengan adanya undang-undang baru ini, perlumbaan haram ini, akan dapat dihapuskan. Cara macam mana terserah kepada pelaksanaan undang-undang ini.

Kalau di negara jiran, di Singapura kita tahu-tahu terima surat saman sahaja dekat cermin. Kita tidak nampak pun mata-mata, tidak nampak pun orang JPJ dia dekat tepi tiang, dekat tepi jalan, tidak nampak. Tahu-tahu kita berhenti di Geylang di Masjid Sultan, di cermin kita ada sahaja notis, surat saman. Tempat kita terpacaklah anggota Polis kita, terpacaklah orang JPJ, terpacaklah papan sekatan- jalanraya lagi dia bergaya. Tengoklah orang mencabar undang-undang. Kenapa berlaku macam itu?

Saya pernah bertanya dalam Dewan ini bagaimana dengan kenderaan negara asing yang berdaftar di negara asing tetapi sampai dekat negeri kita lari macam jet, Dekat negeri dia, di Singapura lari. macam semut, perlahan. Sampai sahaja di batu 10 Skudai, sampai Air Hitam, Renggam, tengok dia lari. Kalah kita punya peronda highway. Rupanya dia di sana takut dengan undang-undang, orang kita di sini, anggota Polis kita terpacak, minta maaf terpacak, berdirilah tepi. jalan ada, JPJ pun ada, siap dengan motor, kaki sebelah atas motor. Bila-bila nampak orang laju hendak mengejar, tidak perkejar. Fasal

motor JPJ kecil [**Ketawa**]. Motor Polis kita pun kecil Yamaha 50 c.c. macammana hendak kejar. Ini patut difikirkan supaya kita jangan ditertawakan orang.

Cerita muatan-muatan lebih, saya sudah cerita banyak kali. Lori yang bawa kayu balak, lori yang bawa kelapa sawit, lori yang bawa batu, lori yang bawa pasir, lori yang mengangkut babi, minta maafah saya sebut babi Sebab dia bersusun kandang-kandang itu. Lori yang bawa ayam bersusun. Sudah banyak kali. saya bercakap, kalau bawa babi, kita kena rinjis kencing babi, kalau bawa ayam, kita kena tahi ayam, kalau bawa batu, cermin kereta kita pecah. Hendak claim dengan siapa? Ini- berlaku, ini yang menjadi rungutan orang ramai. Katanya, inilah Kerajaan tidak patut, inilah Kerajaan tidak adil, inilah Kerajaan dibenarkan orang-ada duit buat suka hati. atas jalanraya. Yang kena tahan nanti motosikal, yang mengangkat nenas, yang angkat rumput hendak bagi makan kambing, macam mana saya selalu bercakap begitu.

Begitu juga tadi satu perkara cermin gelap. Yang kedua, sepertimana yang disebut baru sebentar tadi oleh seorang sahabat saya mengenai ukuran nombor plat kereta itu macam-macam. Kata ada ukuran khas. Tetapi saya nampak ada nombor senget ke kanan, ada yang codong ke kiri, ada yang berbentuk wau bulan, ada yang macam gasing, macam-macam bentuk. Saya punya nombor alhamdulillah dari- pada tahun 1982 saya beli. kereta sampai sekarang, saya tidak pernah tukar bentuk nombor itu pun, saya kena tahan. Pada hal ada lambang Ahli Parlimen - dia ukur. Saya tengok dekat cermin, dia ukur, kata ini kurang satu sentimeter. Saya kala bolehlah saya tukar. Inilah apa yang dijual oleh kedai. yang menjual nombor plat. Ini juga tolong ambil perhatian. Kalau ada begitu, tahan - tahan betul-betul.

Yang sedih kadang-kadang yang tukang kuatkuasa ini pula yang nombor lain daripada yang lain. Kereta orang JPJ sendiri yang kadang-kadang berlainan daripada orang lain. Inilah kena buat contoh. Sebab saya terima aduan kereta siapa itu. Itu orang RIMV orang luar bandar ini tidak dapat sebut JPJ dia tahu RIMV. Kadang-kadang sedihnya kereta JPJ sendiri. pun lari macam pelesot juga. Nampak pada cat biru ada tulis JPJ nampaklah. Kalau tidak, tidak nampak, fasal tulis JPJ. Satu hari sudah accident tengah-tengah Pekan Banting. Itu yang berlaku di Banting yang saya tahu, tempat lain saya tidak tahu. Mengapa macam itu berlaku?

Yang lain masalah itu, mengecat kereta tidak boleh ikut suka-suka. Kalau dalam kad kereta itu kata cat kelabu, mesti kelabulah sampai kereta itu kondem. Kalau hendak tukar kena beritahu. Kalau tidak beritahu, kalam didapati salah kena denda. Jadi, kalau satu warna sahaja, kalau merah pergi ke putih, putih pergi ke kelabu, misalannya. Ini, saya tengok ada kereta yang dicat belang, satu bas penuh dengan gambar belang-belang. Petang-petang kita lalu nampak Syarikat Sri Jaya. Saya sebut syarikat besar tidak mengapa, dia tidak akan bangkrap kalau disebut. Bas Sri Jaya dicat dengan gambar penuh satu bas, salahkah atau tidak salah iklan-iklan? Betullah iklan itu dapat bayar, tetapi dari segi pengangkutan ataupun dari segi undang-undang kita salahkah atau tidak. Ditaruh atas teksi dekat belakang bas, dekat lori-lori bawa iklan dengan gendang sepanjang jalan, ada peritkah atau tidak ada permit, salahkah atau tidak salah? Lori jual ais cream dengan lagu-lagu dengan kaset round-kampung, itu salahkah atau tidak salah? Ini semua saya hendak tahu.

Kalau ada permit khas, bagus. Tetapi kalau tidak ada permit khas, ini mengganggu kententeraman awam. Itu dia cat kereta bewarna-warni yang kita nampak.

Lagi, menambah badan kereta dan pada bentuk yang asal dengan tambahan-tambahan yang kadang-kadang orang pun terperanjat menengoknya. Jadi macam bentuk kapal terbang Concord lebih ke hadapan, lebih ke belakang, lebih ke bawah, lebih ke kanan, lebih ke kiri, kereta yang kecil tetapi dipasang rim besar. Tayarnya keluar daripada garis badan, Salahkah atau tidak salah itu? Saya hendak tanya jugalah. Kalau tidak salah tidak apalah, kita pasang rim besar-besar. Pasang rim bulldozer - lagi bagus. Kalau salah tahan kereta itu. Sebab kereta kecil roda besar, tayar lebar, dia kaut batu, melenting, kena cermin orang belakang, cermin pecah, sekarang cermin mahal. Itu masalahnya. Sebab kalau roda itu terlebih daripada body (badan kereta), batu akan keluar. Kalau di dalam badan dia akan masuk di bawah mudguard. Ini juga kena fikirkan baik-baik untuk menambah badan kereta.

Lagi. satu kadang-kadang dia tambah lampu. Bukannya 3 - 4, 6 ditambahnya lampu-Lampu apa? Lampu kuning itulah. Di negara kita ini apakah perlunya memakai lampu sport kuning itu. Apakah cuaca negara kita ini. macam negara Belandakah, macam Eropahkah, macam negara yang ada salji, ada embun, ada kabuskah? Kadang-kadang pukul 7.00 petang dia sudah pasang lampu. Sampai mata kita yang tua berkemamar tengok mana tengah-tengah - tidak jumpa kerana disorot oleh cahaya lampu yang begitu terang. Ada pula yang pasang lampu sport kuning di belakang kereta. Dia suluh muka belakang. Kalau hendak memotong, dia "pam" kena mata, tidakkah tertonjol kereta orang? Ini juga cuba tolong perhatikan.

Lampu brek merah yang wajibnya belakang bonet, ini ditaruh ke atas tempat duduk belakang, memanjang, itu salah atau tidak salah? Kalau tidak salah kita kempen suruh orang pasang lampu macam itu banyak-banyak. Biar pembekal lampu untung. Mungkin bukan satu kaum sahaja yang boleh buat lampu sekarang, orang Melayu pun boleh buat lampu. Kita kempen supaya orang yang buat lampu itu untung. Tetapi kalau salah kita kena berhentikan.

Kemudian masalah dalam Akta ini disebut kereta tua. Tentang kereta tua itu, saya hendak cakap sedikit. Kereta tua, berapa tuanya. Bapa saya pakai kereta sudah 25 tahun. Tidak apa-apa, tidak pernah masuk workshop - Morris Minor. Sekarang orang tidak jumpa Morris Minor 25 tahun! Apakah ini masuk istilah yang tidak boleh diperbaharui lesen jalan? Tadi disebut kereta antik. Cikgu-cikgu pencen, tok-tok penghulu pencen, pak imam tua, dia pakai kereta ini. setakat boleh pergi masjid, pergi mesyuarat ke balairaya, mesyuarat UMNO, tidak kena hujan, tidak payah tunggu bas dia bawalah kereta dia, Ford Prefect. Sekadar laju 40 kilometer satu jam. Apakah ini termasuk kereta yang diistilahkan tidak boleh dibaharui. lesen jalannya Ini nanti orang marah. Jadi kalau dibuat dalam Undang-undang ini kereta yang digunakan persendirian, di luar bandar walaupun berumur 30 tahun, kalau tidak membahayakan tuan-punya dan orang ramai masih dibolehkan. Saya terima kasih. Tetapi kalau main borong, semua sahaja tidak boleh, jawabnya tidak patut.

Orang yang kerja Kerajaan, yang ada loan kereta, swasta bolehlah. Ini Proton Saga hendak keluar bentuk baharu - tukarlah. Tambah sahaja loan itu sedikit lagi, fasal bayar bulanan, ini orang

yang beli kereta 20 tahun dahulu, daripada duit bonos bersara dia, duit pencen **dia**, dapat belu satu Ford Prefect, Morris Minor untuk pakai buat pergi sembahyang, buat pergi jemputan kahwin, buat pergi ziarah orang mati, pergi, Mesyuarat Agung UMNO - dia hendak pergi ke Kuala Lumpur, ke UKM, ke UM, anak dia ambil ijazah pun dia sewa kereta lain, dia sewa van, Sekarang **ini**. banyak van digunakan sebagai kenderaan awam. Saya hendak sebut masalah van **ini**. Bukan boleh begitu sahaja.

Sekarang kereta berlansir, bertirai - salahkah atau tidak salah itu? Kereta pakai lansir, pakai tidak nampak dalam dan kalau dia pasang tirai di belakang itu dia tidak nampak siapa ada dibelakang. Ini salah atau tidak salah? Sedangkan kereta ambulans tidak pakai tirai. Ini kereta awam, pakai tirai berwarna-warni. Memang cantik. Kalau kita hendak biarkan kereta-kereta kita macam di Golok, itu cantik - berumbai-umbai, berbendera-bendera. Kalau kita hendak biarkan kereta kita macam di Manila sana - memang cantik. Kalau kereta kita hendak dibiarkan macam kereta kereta di Jakarta - berlawan-lawan bunyi hon memang bagus, riang, ramai - tetapi, yang akan bergelimpangan di atas jalanraya akan makin banyak, kemalangan akan makin banyak. Jadi, ini semua kalau kita hendak mengajar rakyat kita berdisiplin, itu semua kita kena betulkanlah. Saya dengan pasang bidai yang boleh dibuka/ditutup dicermin belakang kereta itu salah tetapi saya tengok banyak juga orang pakai. Waktu panas bolehlah dipasang bidai itu untuk mengelakkan supaya kereta itu jangan kepanasan, kusenya itu rosak. Tetapi waktu berjalan itu salah atau tidak, itu saya ingin tahu sebab saya tidak sempat hendak baca Akta **ini**. semua sekali.

Sekarang ini Jabatan Pengangkutan Jalan di dalam Akta ini meminta supaya dibolehkan mengadakan sekatan jalanraya persendirian, tidak bersama-sama dengan pihak Polis, seperti mana dulu-dulu. Bagus! Buat sekatan persendirian. Di dalam sekatan jalanraya ini, saya hendak bercakap sedikit. Sekalipun Jabatan Pengangkutan Jalan belum membuat, sekarang ini Polis. Mengapa cara mengadakan sekatan jalanraya ini tidak sama di Selangor Darul Ehsan dengan Kedah, misalannya. Di Kedah sana saya tengok, di Gurun, di Merbok, di Kota Sarang Semut, saya berjalan. Saya kata sebelum saya datang ke Dewan ini saya berjalan dahulu dan monengok. Di sana sekatan jalanraya selain daripada papan, dia pasang lampu panjang yang menggunakan bateri. Jadi daripada jauh, 1/2 batu kita sudah nampak, apa terang-terang di tengah jalan, Oh! itu sekatan jalan, baguslah, bersiap. Yang belum pasang tali pun pasang tali, dan macam-macamlah. Kalau yang bawa tadi tidak ada lesen, cepat-cepat tukar dengan kawan sebelah. Jadi, dari segi orang yang buat kesalahan itu dia cepat-cepat betulkan, Ada bagusnya cara sekatan yang dibuat cara macam itu.

Saya ucapkan terima kasihlah kepada Ketua Polis Negeri. Kedah yang menganjurkan cara buat sekatan jalanraya macam itu. Tetapi di tempat lain pula tidak ada apa-apa. Lebihkurang 2 rantai. nampak lampu bergoyang lampu suluh itulah Kalau terang lampu itu tidak apa, ini budak-budak main bunga apikah, budak-budak hendak bakar mercunkah, bergoyang sahaja. Jadi apabila kadang-kadang tengah

malam kita balik - pukul 2 pagi, kadang-kadang laju sedikit daripada had nasional, had nasional 100 kita larilah 120. Lagi. 3 rantai. brek, Brek itu berbunyiilah sedikit, dia pun kata "Hai tidak nampakkah ada road block ini? Dia pun sudah berjaga daripada pukul. 12.00 sampai pukul 4.00 pagi. 4 jam berdiri, macam-macamlah masalahnya, nyamuk, hujan gerimislah, dan kita pukul pukul 3.00 pagi. belum sampai ke rumah, perut "Lapar - jadi ini macam juga, "Lampu awak tidak terang, kena heret ke tepi". Jadi ini patut diseragamkan. Itu sahaja.

Saya minta cara mengadakan sekatan jalanraya ini diseragamkan. Kalau di Kedah boleh dipasang lampu macam itu, patutaya di negeri lain juga boleh buat, Bagus cara macam itu. Tidak ditaruh dekat tepi papan tadi lampu merah 2 macam lampu ayam. Kadang-kadang orang ingat ini ada lubang LLN galikah, atau lubang Telekom belum timbuskah, atau lubang JKR memang tidak mahu tutupkah? Sampai situ tengok muncung rifle - awak tidak nampakkah di situ ada sekatan jalan. Ini kena betulkanlah, kalau boleh diseragamkan. Yang sedapnya ada satu sekatan jalan tiada siapa-siapa papan sahaja "BERHENTI PEMERIKSAAN POLIS". Ini saya kena, saya balik daripada kempen di Bukit Tuku, Kelantan, tengah malam dekat Kampung Guntung Luar. Tiada siapa-siapa, papan sahaja - berhenti. Siapa yang jaga ini.? Kalau jalan nanti, tahu-tahu di depan ada pula orang tahan 'Awak tidak berhenti di tempat yang di-suruh berhenti" - nanti susah pula kita, habis macam mana? Satu orang pun tidak ada.

Di Guntung Luar dan di beberapa tempat di Terengganu, apabila saya berhenti di Kampung Buluh, saya tanya "Mengapa keadaan macam ini.?" "Oh! itu bukan Polis, Encik. Itu UPP hendak menjaga beras seludup", kata dia Kemudian saya nampaklah beras itu berkampit kampit, orang sana kata 'wakaf, dekat tepi 'wakaf' itu ada beras. Ini tidak patutlah, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada sekatan jalan raya sepatutnya ada satu orang yang berdiri di tepi itu, hendak suruh jalankah, hendak suruh berhentikah, hendak suruh buka bonnetkah. Ini tidak patut macam itu. Hendak katakan malam tidak malam, saya balik dari kempen pukul 3.00 pagi, bukannya malam sangat, pukul 3.00 pagi sekarang ini orang kata "Mata belalang belum pecah". Mengapa ini berlaku? Kalau yang itu sekatan UPP, nanti UPPlah ambil tindakan, kalau sekatan itu Polis, Polislah nanti ambil tindakan. Berlaku macam itu kenapa? Jadi yang awak ini ingat patuh sangat, tidak hendak bergerak, tengok sahaja, jadi agak-agak tidak apa-apa, jalanlah.

Kemudian, had umur yang dibolehkan memandu, yang muda ada dalam Akta ini. Semua tua orang yang boleh memandu ini umur berapa? Kalau sudah umur 80 tahun masih sihat, masih dibolehkan lagi. Kalau tidak ada penyakit janganlah- suruh pula nanti. orang yang sudah tua hendak kena periksa doktor dahulu, disahkan tidak ada sakit apa-apa, begitu begini. Kalau dia menggunakan kenderaannya untuk kegunaan peribadinya di sekitar tempat kediaman, tidak ada apa-apa, kecuali. kalau had umurnya kepada pemandu bas, pemandu teksi, pemandu lori, kenderaan-kenderaan yang melibatkan orang ramai.

Kereta-kereta yang sampai had masanya di perlukan untuk diperiksa untuk diluluskan cukai jalannya dan Kerajaan akan membolehkan syarikat atau orang perseorangan menjadi ejen memeriksa kereta. Ini saya rasa bahaya dan saya baca suratkhobar sebelum Akta ini kita bahaskan suratkhobar 2-3 ini minggu sudah mengatakan Persatuan Pembekal-pembekalan Alatganti Kereta mendesak Kerajaan supaya kereta-kereta ini apabila kenderaannya hendak diperbaharui cukai. "jalannya hendaklah diperiksa", saya terlupa sama ada 5 tahunkah, 8 tahunkah, 10 tahunkah. Di sini pula Kerajaan membolehkan orang perseorangan atau syarikat menjadi ejen tukang memeriksa. Sekarang ini kalau kereta Kerajaan hendak dikondemkan mesti dihantar ke JKR Workshop di Cheras, 6 bulan pun tidak kondem, sampai kondem sendiri. Fasal banyak sangat kereta yang hendak dimaklumkan itu, sampai kondem sendiri kereta itu, sudah kondemlah, tidak boleh pakai. Jadi kalau kereta yang baru berumur sekian tahun sudah dikondemkan, saya khuatir takut banyak ambulan yang kondem ambulan iaitu kereta yang membawa orang sakit. Kenalah Hospital Kuala Langat itu, nanti dia punya 2-3 biji ambulan itu dikondem. Ini melibatkan duit Kerajaan nanti ini. Jangan kereta orang awam sahaja, kereta Kerajaan juga kita kena fikir. Banyak kereta Kerajaan yang memakai nombor plate lama, kereta yang sudah lama begitu masih digunakan. Sungguhpun kita kempen jimat-cermat, ini kita kena fikirilah. Untuk hendak mengkondemkan, untuk berhak memeriksa, jangan kerana tekanan daripada pembekal alatganti, workshops ini, Kerajaan pun ia sahaja. Barangkali kerana kelembapan ekonomi ini alatganti rugi tidak begitu laku, atau sudah banyak sangat budak-budak sekarang ini yang keluar daripada IKM, dia sudah boleh membaiki kereta di bawah-bawah pokok ceri, di bawah-bawah pokok buluh, di bengkel-bengkel di kampung.

Banyak budak-budak sekarang boleh membaik kereta, diasudahtidak beli melalui pembekal-pembekal alat ganti yang besar—besar, jadi mereka kegelisahan. Ini kita kena fikir baik-baik.

Kemudian tadi saya sudah sebul di dalam Akta ini. masalah Fasal 42 dan-Fasal 43 ini Saya minta penjelasan siapa yang hendak menangkap pemandu-pemandu yang memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbangrasa ini, siapa yang hendak menangkap? Dia tahu dia buat kerja yang macam itu di, tempat yang tidak ada perangkap had laju, dia tahu dia buat macam itu di tempat yang jauh daripada Balai Polis, jauh sekali, daripada Pejabat JPJ. Jadi siapa yang hendak menangkapnya? Kita dahulu ada sistem KEJARA, kemudian ada pula sistem memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Kerajaan Bahagian 'A' untuk menahan. Ini, saya hendak tahu sejak adanya sistem ini berapa banyak orang-orang yang bermaharajalela di atas jalan raya ini yang memandu tidak cermat, yang potong begitu begini, yang sudah dapat ditangkap, diberi mata (point) yang banyak sehingga lesennya boleh ditahan. Kita hendak tahu hasil itu, sebab kalau itu belum berhasil jadi. kita hendak membuat satu undang-undang baru sedangkan itu juga dimasukkan di dalamnya untuk meneruskan khidmat kita kepada masyarakat. Kita mahu tahu hasil daripada apa yang telah kita luluskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan kerana satu soalan saya sewaktu saya membahaskan Jabatan Penerbangan Awam tempoh hari belum dijawab mengenai sistem membina jalanraya. Ini ada hubungannya dengan JPJ - jalan. Jalan raya kita ini penuh dengan tiang lampu, dengan tiang elektrik, dengan tiang telefon dan berbagai-bagai, dengan jambatan, dengan viaduct, dengan terowong, dengan itu semua

sekali, Kalau kita punyai lapangan terbang kena bom - minta Allah taala jauhkan - Lapangan terbang Subang dibom, kapal terbang tidak boleh mendarat di situ Lapangan Tentera Udara di Sungai Besi kena bom, kapal terbang tidak boleh mendarat di situ, di mana kapal terbang kita hendak mendarat? Takkan semua hendak pergi ke Kuantan, Kuantan pun kena bom, takkan hendak pergi ke Lapangan terbang Telaga Batin di Terengganu pun kena bom, takkan hendak pergi ke Senai, hancurlah kita sudah begitu jauh. Jadi adakah sistem pembinaan jalanraya kita ini. satu kawasan yang dikhaskan kalau berlaku darurat, pesawat udara kita boleh mendarat di kawasan itu, tidak di sepanjang-panjang jalan penuh dengan tiang lampu, dengan tiang telefon, dengan jambatan, dengan pintu gerbang sahaja. Saya tahu kalau itu barangkali, rahsia Kerajaan dan tidak mahu jawab ini, tidak apalah, tetapi. saya ingin tahu adakah sedar atau tidak sebab kita sekarang di dalam keadaan yang tidak semesti..

Kalau Yang Berhormat Menteri jawab, saya ucapkan terima kasih, kalau itu merupakan rahsia Kerajaan dari segi pertahanan, barangkali. ada tiang telefon kita yang tekan butang dia masuk semua ke tanah, lapang jadi. landasan, mana tahu! [Ketawa] Manalah tahu, itu rahsia Kerajaan, Bukit Aman sana tekan sahaja butang, semua tiang-tiang lampu yang ada di sepanjang jalan daripada Sungei Way sampai ke Shah Alam itu semua masuk ke dalam, jadi kapal terbang boleh buat; saya salute dia, tetapi kalau tidak ada, tolong fikir di mana hendak mendarat. Takkan hendak mendarat dekat Kampung Melayu Subang, dekat Bukit Kuang, dekat Sungai. Pelong, bersangkutan di pokok getahlah!

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai keliru di antara dua hal. Perkara ini sama tetapi kerana dua nama, orang ramai. keliru, orang

kampung menjadi mangsa. Ini mengenai JPJ, kalau itu ada hubungan dengan LPPJ pun lebih kurangnya. adik beradik JPJ. Ini fasal banyak sangat kita **ini**, ada LPPJ, ada **JPJ**, jadi mana kuasa LPPJ, entah mana kuasa **JPJ**, saya sendiri pun tidak begitu faham. Apabila kita soalkan **ini**, JPJ kata itu LPPJ; apabila kita soalkan LPPJ, dia kata itu JPJ, apabila soalkan kedua-dua, dia kata itu Lebuhraya Malaysia punya, Tidak apalah, mana-mana pun semua kita punya, Malaysia kita punya. Jadi apa yang saya hendak tanya kerana orang kampung, orang luar bandar ini selalu pergi ke bandar keliru.

Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan:

Tak bernyawa disebut mati,

Disebut mati bila tak bernyawa;

Saya ingin jawapan Timbalan Menteri,

Apa beza teksi dengan kereta sewa? **[Ketawa]**

Saya ulang lagi:-

Tak bernyawa disebut mati,

Disebut mati bila tak bernyawa;

Saya minta jawapan Timbalan Menteri,

Apa beza teksi dengan kereta sewa?

Orang kampung keliru jadi mangsa, orang estet keliru jadi mangsa, orang lombong keliru jadi mangsa, nelayan dari Pulau Ketam menjadi mangsa, apa Lagi orang kampung yang macam di kampung-kampung pendalaman di Benut, di Seri Medan, di Parir Moriyo sana langsung tidak tahu, main gasak sahaja, dia kata \$40 pun bayar \$40, balik ke kampung cerita, "Melampau teksi di Kuala Lumpur \$40" "Itu tak salah, naik kereta sewa, bukan naik teksi. Teksi pakai meter, kereta sewa tak ada apa-apa."

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan, 1987 semoga dapat dilaksanakan, dengan sebaik-baiknya untuk Faedah negara, masyarakat, orang ramai amnya, keuntungan kepada negara khasnya seraoga berjalan dengan baik dan lancar dan saya menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan, 1987 untuk diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap? Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri. menjawab, terlebih dahulu saya membuat suatu pengumuman menurut Peraturan Mesyuarat 6 (3), sekarang saya jemput Yang Berhormat **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** untuk mempengerusikan mesyuarat Dewan yang mulia ini.

Dipersilakan Yang Berhormat untuk mengambil tempat.

**Lt. Kol. (B) Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi. penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk diluluskan.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin yang telah menyentuh beberapa seksyen, khususnya mengaitkan masalah-masalah yang dianggap penting dan sudah sewajarnya dilaksanakan oleh Kerajaan dalam beliau menyokong Akta Pengangkutan Jalan, 1987. Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah dan juga Pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai dengan adil dan saksama kerana mereka ini semuanya adalah orang-orang yang bertanggungjawab. Kita harap dengan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu mereka akan merasakan bahawa mereka dipertanggungjawab dengan satu tanggungjawab yang berat dan akan melaksanakan tugas-tugas masing-masing dengan dedikasi. dan juga lebih positif daripada yang ada sekarang.

Mengenai Seksyen 44 (3) di mana orang yang mabuk dan memandu serta membahayakan pengguna-pengguna jalanraya, juga mencadangkan supaya digantung lesen memandu mereka. Yang sebenarnya, seksyen ini membolehkan lesen memandu seseorang yang disabit memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan boleh dihilangkan kelayakan mereka memandu bagi tempoh tidak kurang daripada satu tahun. Bererti bahawa lesen mereka boleh digantung sehingga satu tahun atau penjara tidak kurang daripada satu tahun, bahkan untuk pengelahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa Orang yang mabuk yang berada dalam keretanya tidak bergerak pun boleh diambil tindakan mengikut Seksyen 45 iaitu yang sabit kesalahannya boleh didenda sehingga \$500 atupun sebulan penjara bagi. kesalahan yang pertama dan sehingga \$1,000 atau 3 bulan penjara bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Ini bererti bahawa Kerajaan sendiri. mengambil berat sangat-sangat atas ketidak-bertanggungjawabnya seseorang yang menggunakan kenderaan.

Bagi- Seksyen 88 (2) yang dikatakan begitu bagus sekali. membolehkan tindakan diambil untuk mengawal keadaan yang sangat kotor diperhentian-perhentian bas iaitu peruntukan di bawah Seksyen 88 (2) sekarang hanya meliputi kebersihan di jalan-jalan Persekutuan sahaja.

Saya bersetuju bahawa keadaan kebersihan di perhentian-perhentian bas itu hendaklah juga dikawal dan Kementerian Pengangkutan akan berunding dengan Pihakberkuasa Tempatan terlebih dahulu sebelum memasukkan perkara ini bagi melarang orang-orang menjejaskan perhentian bas dan teksi dalam Akta ini kelak dan

dan kemungkinan kuasa-kuasa tambahan yang ada peruntukan yang boleh diberikan kepada Pihakberkuasa Tempatan ini juga boleh di laksanakan.

Beberapa perkara lain yang telah disentuhkan oleh Ahli. Yang Berhormat itu, saya mengucapkan berbanyak terima kasih. Saya ingin juga memberikan sedikit ulasan iaitu mengenai pemandu-pemandu muda yang ego, yang rakus dan sebagainya, Memanglah dalam Akta sekarang ini sesiapa juga yang berumur 18 tahun boleh mendapat lesen memandu tetapi untuk mengelakkan keadaan bahaya di jalanraya, untuk mengurangkan kemalangan di jalanraya maka itulah sebabnya Jabatan Pengangkutan Jalan mengadakan kurikulum memandu yang baru bagi sekolah memandu iaitu untuk membolehkan latihan pemandu itu dijalankan dengan cermat, menghasilkan pemandu-pemandu yang bertimbangrasa, berhomat dan boleh mengelakkan kemalangan untuk kepentingan mereka dan juga untuk kepentingan awam kerana, dengan izin, defensive driving, dapat dijadikan sebagai satu keperluan.

Di samping itu, mengenai, lesen untuk memandu kenderaan perdagangan tidak dibenarkan sesiapa yang di bawah umur 21 tahun boleh mendapat lesen tersebut kerana kita merasakan bahawa kalau di, bawah 21 tahun mungkin pemandu itu tidak bertanggungjawab dan tidak, begitu cermat dan sebagainya. Oleh kerana itu sesiapa juga untuk mendapatkan lesen kenderaan perdagangan, lesen teksi misalnya mestilah sudah berumur 21 tahun dan inipun telah mendapat teguran dari pihak Pembangkang semasa dibahaskan di dalam Dewan Rakyat kerana pihak Pembangkang menghendaki supaya umur 18 tahun itu dibolehkan membawa kenderaan perdagangan.

Saya sukalah menyatakan di Dewan ini bahawa ada negara jiran kita yang tidak membenarkan sesiapa juga mendapat lesenkenderaan perdagangan seperti. pemandu teksi sekiranya ia berumur kurang daripada 30 tahun.

Jadi ini menunjukkan bahawa perbuatan kita ini adalah munasabah, iaitu menghadkan kepada umur 21 tahun. Mungkin agaknya pada masa depan besok, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri akan mencadangkan ditingkatkan lagi umur itu, kita tunggulah masanya.

Mengenai kecurigaan iaitu pengarah-pengarah atau Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai tidak menjalankan atau melaksanakan tugasnya dengan baik dan menyalahgunakan kuasa, saya sukalah memberikan jaminan bahawa sekiranya rakyat dan kita semua memberikan kepercayaan kepada mereka sudah tentulah mereka akan merasakan bahawa mereka sangat sangat bertanggungjawab dalam kerja-kerja mereka itu. Memanglah kita hendak menghapuskan imej-imej yang ada pada hari iniyang menyatakan. ataupun masyarakat menganggap bahawa Pegawai-pegawai. Jabatan Pengangkutan Jalan itu adalah orang-orang yang paling rasuah. Saya berharap sangat-sangatlah bahawa tuduhan-tuduhan seperti itu akan, dengan izin, demoralise, Tuan Yang di-Pertua, dan kita berharap perkara seperti itu tidak akan dilakukan kerana dengan itu kita akan merosakkan perasaan pegawai-pegawai kita.

Mengenai pembaharuan lesen-lesen memandu, Sebenarnya dalam Akta baru ini sesiapa yang tidak membaharui lesen memandunya sehingga 3 tahun, selepas 3 tahun itu dia terpaksa diuji semula. Yang Berhormat meminta supaya 5 tahun itu dikekalkan. Tetapi mengikut pandangan-pandangan yang kami dapat dari pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan pengangkutan jalan ini adalah munasabah, dan oleh kerana itulah kita turunkan itu kepada 3 tahun. Apabila seseorang itu tidak membaharui lesennya kita menganggap bahawa dia tidak memandu selama 3 tahun itu. Jadi kalau sudah 3 tahun tidak memandu, apalah lagi kalau tinggal di bandar-bandar jauh daripada Wilayah Persekutuan, kalau datang ke Wilayah Persekutuan rasa saya sukar dia hendak memandu. Oleh kerana itulah dikehendaki atau diwajibkan seseorang itu diuji semula. Ini adalah juga untuk kepentingan keselamatan jalanraya kerana pada hari ini, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri melihat, kod jalanraya sudah begitu banyak berubah, sudah bermacam-macam tanda-tanda baru yang kita apabila mengambil lesen 30-40 tahun dulu tidak pernah tengok, tetapi tanda-tanda ini sekarang sudah ada. Jadi ini adalah satu perkara yang memerlukan kalau seseorang itu yang sudah lama tidak memandu, mengambil satu refresher course dan untuk menentukan keselamatan di jalanraya kita mengadakan ujian semula.

Mengenai menggantung lesen memandu bagi penagih—penagih dadah, ternyata nampaknya semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli. Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat menyokong penuh akan peruntukan ini kerana kita benar-benar merasakan keperluannya sebagai suatu usaha mencegah atau menghalang penagihan dadah ini kerana kita berharap usaha-usaha ini dapat membaiki lagi keadaan.

Mengenai pemandu yang mabuk tadi, ingin juga saya menyebut bahawa sesiapa juga yang didapati salah mabuk waktu membawa atau memandu kenderaan, sebenarnya dalam sistem KEJARA dia terus-terus diberi 20 markah. Bererti itu menyebabkan lesennya boleh digantung. Jadi bukanlah bererti bahawa kita hendak membiarkan tetapi memang ada peruntukan-peruntukan yang betulketat yang kita letakkan di dalam Akta ini supaya dapat memperkemaskan lagi keadaan dan menjalankan tugas-tugas kita dengan lebih baik, dengan sempurna.

Yang Berhormat Tuan Hassan Alban telah menyentuh mengenai perkara cukai jalan, mengenai denda yang tinggi yang dikenakan kepada lori-lori dan juga kuasa menjalankan siasatan kepada pegawai-pegawai JPJ. Tiga perkara itu serta juga mengenai pemeriksaan kenderaan bagi menentukan keadaan kenderaan-kenderaan adalah sentiasa baik. Ini kata beliau akan menimbulkan rasuah.

Saya kurang pasti dengan dakwaan Yang Berhormat itu kerana pada kebiasaannya kesalahan membawa lebih muatan adalah dihadapkan dan diputuskan dalam mahkamah. Maka terpulaaglah kepada budibicara mahkamah menentukan bagaimana ataupun banyak mana jumlah denda yang hendak dikenakan. Walau bagaimanapun, saya sudah mengambil catitan dan saya akan menyiasat mengenai perkara ini.

Bagikuasa menjalankan siasatan kepada pegawai-pegawai JPJ, pegawai-pegawai JPJ memerlukan kuasa itu supaya mereka dapat mengesan kesalahan-kesalahan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sendiri itu.

Mengenai kekurangan kenderaan pengangkutan awam di Sabah, Kementerian Pengangkutan akan berhubung dengan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Sabah untuk mengatasi perkara ini.

Yang Berhormat tadi menyebut juga mengenai kadar cukai jalan yaag dikenakan oleh JPJ Sabah adalah terlalu tinggi terutamanya bagi kenderaan "Land cruiser" yang dikenakan bayaran di antara \$5,000 hingga \$7,000 setahun. Kadar yang tinggi tersebut minta dikurangkan. Sejak bulan April 1984 iaitu tarikh Road Traffic Ordinance 1958 diluaskan ke negeri Sabah dan Sarawak, walaupun cukai jalan di Semenanjung Malaysia telah dinaikkan tetapi kadar tersebut tidak diperluaskan ke Sabah. Bererti Sabah dan Sarawak tidak terlibat dengan kenaikan kadar yang baru yang ada di Semenanjung kerana Kerajaan sedar bahawa keadaan jalan-jalan di Sabah dan Sarawak tidak setanding dengan jalan-jalan yang ada di Semenanjung dan permintaan Yang Berhormat supaya kadar cukai jalan bagi Land cruiser untuk kegunaan persendirian dikurangkan itu kita akan pertimbangkan.

Mengenai pemeriksaan kenderaan bagi menentukan keadaan kenderaan adalah "sentiasa" baik yang dikatakan akan menimbulkan masalah, saya inginlah mengesahkan di sini bahawa tugas-tugas menjalankan pemeriksaan kenderaan akan dijalankan dengan adil dan saksama. Jika ada pegawai-pegawai JPJ terlibat dalam perbuatan rasuah, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka apabila telah dapat aduan dan akan siasat sama ada perkara itu benar.

Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay mencadangkan supaya Kementerian Pengangkutan mengecualikan bayaran \$20 apabila pemandu datang ke JPJ untuk menggantikan lesen memandu berlapis atau dengan izin, "laminated" oleh kerana lesen tersebut bengkok, pecah akibat daripada panas dan sebagainya disebabkan katanya mutunya tidak baik.

Untuk makluman Ahli, Yang Berhormat, JPJ tidak mengenakan apa-apa bayaran ke atas pemandu yang datang untuk menggantikan lesen memandu berlapis itu jika lesen tersebut memang mutunya kurang baik dan lesen tersebut diganti dengan percuma. Saya tidak tahulah kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Mungkin agaknya sambil dia membaharui lesennya tidak tahulah, kalau dia membaharuinya dia memanglah kena bayar \$20 untuk satu tahun. Jadi kalau ada kes yang sebenarnya, saya minta Yang Berhormat menulis kepada saya memberitahu kes tersebut supaya dapat kita siasat dan supaya perkara ini tidak melarat dan tidak pula ramai orang mengambil kesempatan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, izin saya memberi penjelasan.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Yang Berhormat, saya tidak dengar. Apa tadi?

**Tuan Ng Peng Hay:** Saya ingin membuat penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Lt. Kol (B) Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Silakan.

**Tuan Ng Peng Hay:** Sebenarnya kes ini berlaku di Melaka. Ada pemegang lesen itu bila tempohnya sudah mati, dia pun kena denda dan lesenpun pecah. Apabila dia memohon untuk mendapatkan "laminated

licence itu, dengan izin, maka pihak JPJ suruhnya membayar \$20 untuk mendapatkan salinan dan \$20 untuk membaharui lesen.

Jadi apabila saya menemui Tuan Pengarah JPJ dia kata ini adalah peraturan daripada Kementerian di mana tiap-tiap satu salinan "laminated licence" itu mesti dikenakan \$20. Oleh itu saya suka kemukakan kepada Kementerian untuk memberi pertimbangan percuma kepada pemohon tersebut.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Apa yang ada peraturan di Kementerian seperti yang saya cakap tadi itulah. Walau bagaimanapun, saya akan menyiasat perkara yang berlaku itu.

Satu lagi ialah masalah korek-mengorek jalan yang perlu diadakan penyelarasan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan, kesusahan dan kesukaran kepada pengguna-pengguna jalanraya. Sebenarnya perkara ini sudah begitu lama disuarakan, bahkan pada tahun 1980 dulu semasa semua Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa. Tetap JKR dan Kemudahan-kemudahan Awam di negeri-negeri mengadakan mesyuarat, perkara ini telah ditimbulkan dengan Kementerian Kerjaya pada masa itu kerana semua pihak merasakan kesukarannya. Begitu juga bukan sahaja di peringkat Pusat bahkan di peringkat negeri dan di peringkat daerah. Tetapi untuk melaksanakan ini dengan cara kita bercakap dalam mesyuarat, buat keputusan mesyuarat dan minta Jabatan masing-masing dan bertanya antara satu sama lain, agak susah dan sukar.

Jadi, oleh kerana itu kita buat satu undang-undang, adakan peruntukan supaya ada satu badan atau satu Jabatan, JKRLah dalam hal ini, diberi tanggungjawab untuk menyelaras, jadi tak ada siapa yang boleh mengelak. Kalau dahulu itu masing-masing hendak cepat kerja "dia, masing-masing ada peruntukan dia sendiri dan sebagainya, jadi tidak ada penyelarasan. Sebenarnya pada masa itupun sebelum undang-undang **ini** kita adakan memang kerajaan atau tiap-tiap Jabatan mengadakan syarat; kepada kontraktor-kontraktor, iaitu apabila dia sudah korek satu-satu jalan atau satu-satu tempat, dia hendaklah menimbus dan memperbaiki jalan itu seperti sediakala, tetapi seperti yang kita tahu penguatkuasaannya itu dari Jabatan-jabatan yang berkenaan, yang berkaitan adalah agak lemah. Jadi, oleh kerana itu elok benarlah kita sudah mengadakan peruntukan ini di mana Jabatan Kerjaraya diberikan kuasa untuk menyelaras. Jadi kita harap ianya akan dapat berjalan dengan baik dan undang-undang ini terlaksana kerana seperti kata Yang Berhormat Tuan Haji. Shaharom tadi, besok kita semua kena tanya, saya pun sama-samalah kena tanya sebab saya yang membentangkan Rang Undang-undang ini dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara, kita sama-sama bertanggungjawab. Jadi, oleh kerana itu sama-samalah kita mengawasi pelaksanaan undang-undang **ini**.

Mengenai pembayaran lesen kereta motor dan juga membaharui lesen memandu di Pejabat **Pos**, ini memanglah disambut baik oleh banyak orang kerana kita tidak mahu menyusahkan rakyat. Tindakan menyelaraskan ini akan diambil oleh Kementerian Pengangkutan dengan Kementerian yang berkenaan, iaitu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Pelaksanaannya akan dijalankan apabila Akta ini diluluskan dan diwartakan kelak.

Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay juga telah membawa perkara mengenai bantuan TPT Negeri Melaka. Saya mengucapkan terima kasih atas perhatian Yang Berhormat mengenai Pejabat JPJ Negeri Melaka. Sebenarnya keadaan di, Melaka kalau dibandingkan dengan beberapa Pejabat JPJ Negeri adalah lebih baik - ini dibandingkan antara yang tak baik, semuanya kata tak baik, tak cukup besar dan sebagainya - tetapi antara yang itu dialah paling elok, paling lapang dan luas kalau dibandingkan dengan yang lain. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi membina pejabat-pejabat baru ini tetapi kerana keadaan Kerajaan disebabkan kemelesetan ekonomi ini, peruntukan yang kita pohon itu banyak dipotong, dipotong, dipotong sana-sini, tinggal sedikit-sedikit sahaja, jadi sukarlah kita hendak melaksanakannya. Walau bagaimanapun, memang program ini masih dalam program yang diusahakan oleh Kerajaan, insya Allah kita akan dapat melaksanakannya apabila keadaan sudah pulih nanti.

Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah telah membawa beberapa perkara. Pertamanya, beliau mengatakan Kementerian Pengangkutan tidak patut membenarkan kenderaan-kenderaan yang lama digunakan sebagai bas-bas sekolah. Saya sangat-sangat bersetuju atas perkara ini kerana saya sendiri apabila di mana-mana dalam perjalanan, terutama di Kuala Lumpur, ini bila ada traffic jam, baru-baru ini, saya juga dalam traffic jam, satu bas sekolah sudah senget sebelah, ramainya budak-budak dalamnya memanglah seperti yang kita semua sedia maklum, bukan sahaja yang duduk, yang berdiri sampai penuh sesak, yang bergantung-gantung di pintu bas pun ramai juga dan bila bas ini berhenti lama sedikit menunggukan 'jam' ini tadi,

budak-budak ini turun berjalan-jalan, bersiar-siar, lepas itu mereka naik balik. Jadi memang saya sendiri mengambil perhatian yang sangat berat atas perkara ini kerana saya nampak keadaan menjaga keselamatan budak-budak ini dengan bas sekolah ini begitu longgar sekali. Kalau bas-bas yang ada konduktornya itu tak apa juga, sebab konduktor itu duduk di tepi pintu bas itu dan menjaga budak-budak ini tak boleh turun, tetapi kalau hanya seorang pemandunya sahaja yang ada dan tak ada konduktor, memanglah itu keadaannya. Keadaan kebanyakan bas-bas sekolah ini memang begitu buruklah nampaknya. Jadi saya pun memang sebelum inipun sudah merasa begitu runsing, begitu risau melihatkan keadaan ini, dan saya memang sudahpun membuat catatan.

Sebenarnya dalam perkara ini kalau bersabit dengan bas-bas berhenti-henti ataupun bas ekspres, bas pesiaran, oleh kerana dia ini berjalan jarak jauh memang dalam peraturan kita, kita tak benarkan bas-bas yang berumur lebih 12 tahun berjalan - untuk bas berhenti-henti, untuk bas ekspres, bas pesiaran tetapi bas sekolah ini nampaknya agaknya kita ini terlalai sedikit, tak apalah, ini saya ambil ingatan dan kita akan mengambil tindakan dalam perkara ini. Sebenarnya semua kenderaan-kenderaan ini, iaitu kenderaan perdagangan kenderaan kegunaan awam, bas ekspres, bas pesiaran dan sebagainya serta juga lori-lori memang diwajibkan 6 bulan sekali diperiksa. Jadi dalam perkara ini kita berharap kerja-kerja ini akan dapat kita laksanakan dengan beres.

Mengenai kegiatan teksi sapu, Yang Berhormat Hajjah Salbiah juga yang menyentuh mengenai teksi sapu atau teksi haram **ini**. Sebenarnya, Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa mengambil tindakan dari semasa ke semasa ke atas kegiatan **ini**, tetapi agaknya mungkin nasib mereka ini baik, masa dia lalu itu tak ada pula

mana-mana penguatkuasa Jabatan yang ada di situ yang hendak menangkap mereka, sama ada pihak Polis ataupun JPJ, lagipun mengikut Ordinan Lalulintas 1958 itu bukan senang hendak tangkap mereka itu. Kalau hendak dituduh mereka itu menjadi teksi haram pun, satu minggu pihak Polis atau sesiapa juga hendak kena duduk di satu tempat, tengok kegiatannya dan catit untuk satu minggu itu butir-butir mengenai pukul berapa dia ambil, berapa ramai passengers, pukul berapa dia pergi ke mana, ke sana, ke sini begitu punya susah hendak mengambil tindakan kepada satu-satu teksi haram itu, iaitu hendak menentukan bahawa ianya betul menjalankan kegiatan teksi haram. Jadi dengan adanya peruntukan ini bila telah diluluskan di mana denda lebih berat akan dikenakan, kita yakin kegiatan teksi haram ini akan berkurangan di masa depan dan keselamatan orang juga terjamin, sebab Yang Berhormat kata tadi teksi itu lantainya sudah berlubang-lubang dan sebagainya, mungkin agaknya pintu pun kena ikat dan sebagainya.

Mengenai cadangan cara-cara membuat aduan kesalahan lalulintas **ini**, saya mengambil ingatanlah atas syor Yang Berhormat supaya diadakan peti surat khas bagi membuat aduan dan Kementerian sendiri akan mempertingkatkan dan melaksanakannya sekiranya ia dapat mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan. Sebenarnya mengenai perkara mengadukan kesalahan lalulintas **ini**, sistem Pegawai Kumpulan A Kerajaan yang boleh melaporkan kesalahan itupun satu cara di mana pegawai-pegawai yang sepanjang-masa menggunakan jalanraya-jalanraya, apabila melihat satu kesalahan lalulintas dilakukan, mereka boleh membuat laporan dan laporan itu akan diambil tindakan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Kalau semua orang melaksanakan tugas itu, kita akan dapat satu keadaan seperti kata Yang Berhormat Tuan

Haji Shaharom di Singapura tahu-tahu terima sahaja saman kalanya, kalau semualah melaksanakan. Tetapi dalam tempoh setahun yang lalu cuma 1,109 orang sahaja pegawai Kerajaan Kumpulan A yang telah membuat aduan mengenai kesalahan lalulintas. Ini sebenarnya pegawai itu tak perlu menangkap orang itu di situ. Apabila berlaku kesalahan seperti kesalahan lalulintas macam memotong "double line" seperti kata Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom tadi itu pegawai berkenaan boleh mengisi borang yang di-khaskan untuk mereka dan borang itu dihantarkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan, tindakan menyamankan ataupun apa kita akan ambil selepas ini. Jadi orang yang buat salah itu akan terima saman kemudian, tahu-tahu terima saman sungguhpun Polis tak tahan dia atau JPJ tak tahan dia di tengah jalan semasa dia membuat kesalahan itu. Cuma ini kita minta kerjasama dari pihak pegawai Kumpulan A dalam perkara ini.

Yang Berhormat tadi ada menyebut juga fasal orang perempuan membawa kereta, orang suka potong. Dia kata orang perempuan ini takut, kalau ada orang potong, dia takut, nervous. Mereka seronok melihat orang panik di tengah-tengah jalan. Tetapi sebenarnya, kalau saya memandu, sekarang sudah tua tidaklah lagi, kalau masa muda dahulu, kalau saya memandu, saya macam Hajjah Azizah jugalah rasanya, bila ada orang hendak potong kita, kira pun hendak tunjuk yang kita pun boleh juga. Tetapi ini tidak patut dilaksanakan, kerana ianya bukan dapat menyelesaikan masalah. Ini bererti bahawa, two wrongs cannot make one right, dengan izin. Kita berharap bahawa sesiapa juga kalau dalam keadaan seperti ini, kita sabar, kita terus memandu dengan cermat dan jika semua orang berfikir begitu, insya Allah, kita akan menjadikan jalanraya itu tempat yang selamat bagi kita.

Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah telah menyentuh mengenai saiz nombor plet kereta yang besar dan tidak sesuai. Sebenarnya, JPJ sedang mengkaji perkara ini untuk mengurangkan saiznya dan butir-butir saiz plet dan ukuran abjad serta angka nombor pendaftaran kenderaan motor adalah termaktub dalam kaedah-kaedah di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Apabila kajian ini selesai, pindaannya akan dibuat kepada kaedah-kaedah berkenaan dan terus boleh dikuatkuasakan,

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom, kalau tidak silap saya ada juga menyebut mengenai perkara ini tadi, maka dengan itu terjawablah soalan Yang Berhormat itu dalam perkara nombor plet pendaftaran kereta.

Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah juga telah menyentuh mengenai

peruntukan undang-undang hendaklah dipinda untuk membenarkan bayaran cukai dibuat melalui wang kiriman pos. Sebenarnya, bagi kemudahan orang ramai, bayaran cukai jalan boleh dibuat dengan wang tunai., dengan cheque dan wang kiriman pos. Pembayaran tersebut boleh dibuat di mana-mana Pejabat JPJ bagi semua jenis kenderaan persendirian. Bagi kenderaan-kenderaan perdagangan sahaja ianya dikenakan sekatan iaitu kenderaan perdagangan diperlukan membayar cukainya di Pejabat JPJ Negeri. Ini adalah kerana sebelum cukai itu dibayar, kenderaan tersebut mesti diperiksa dahulu. Jadi. masalah bendak membayar dengan kiriman pos itu tidak terlibat.

Mengenai. menggantung lesen memandu penagih dadah, Yang Berhormat Puan Norani tadi telah meayentuh perkara ini mengingatkan supaya kita tidak tersalahguna kuasa; Sebenarnya hanya penagih dadah yang telah disahkan sebagai penagih dadah mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Penagih Dadah Rawatan dan Pemulihan 1983, apabila telah disahkan mengikut kedua-dua Akta **i t u**, barulah penggantungan lesen itu boleh dibuat secara rasminya. Kita tidak boleh menggantung lesen sesiapa pun secara syak-syak sahaja, kerana itu bersalahan dan ianya akan melanggar hak-hak seseorang.

Yang Berbormat Senator Norani juga telah menyebut mengenai tanaman pokok-pokok di kawasan-kawasan jalanraya, memanglah Jabatan Kerjaraya ditugaskan dalam penyelenggaraannya menanam pokok-pokok bahkan Jabatan Kerjaraya ada pegawai yang khas yang telah diperuntukkan bagi perkara ini dan kita akan melihatkan perkara ini. dilaksanakan dan dapat memberikan teduhan dan juga mengindahkan kawasan.

Yang Berhormat Tuan Dahlan telah meminta supaya JPJ mengeluarkan peringatan sebelum lesen memandu tamat untuk membantu

orang ramai yang mungkin lupa lesen mereka telah tamat tempoh. Sebenarnya, kalau mengikut kalau sudah 3 tahun tidak dibaharui, jika hendak membaharuinya dikenakan ujian semula. Dalam tempoh 3 tahun itu, sehari sebelum sampai tempoh 3 tahun itupun dia boleh membaharuinya, tidak ada masalah. Itu memberi peluang kepada orang yang pelupa ini. Kita beri 3 tahun, cukup lama masanya. Tetapi masalahnya ialah kesukaran kepada orang yang memandu, yang mempunyai lesen yang sudah mati kerana kalau terlibat dalam kemalangan jalanraya.

Walau bagaimanapun, JPT sedang melaksanakan program komputerisanya yang telahpun dimulakan di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Satu daripadanya sebabnya ialah supaya sistem komputerise JPJ ini dapat menghantar peringatan untuk membaharui lesen memandu dan juga cukai jalan kepada semua yang terlibat iaitu apabila sampai tempoh sah lakunya tamat. Cadangan Yang Berhormat itu akan dilaksanakan pada masa hadapan apabila telah dapat kita komputerise semuanya di Jabatan pengangkutan Jalan.

Yang Berhormat itu juga telah menyebut mengenai lori-lori hantu yang digunakan di kawasan-kawasan tapak binaan ataupun di kuari dan dalam perusahaan kayu balak. Sebenarnya, lori-lori hantu ini hendaklah didaftarkan tetapi ianya tidak perlu dilesenkan oleh kerana lori itu tidak digunakan di jalanraya. Tetapi kalau lori itu hendak digunakan di jalanraya, ia mesti dilesenkan. Kalau dia tidak mempunyai lesen, dia mesti kena saman, kena denda dan sebagainya. Kalau dalam kawasan itu sahaja, tidak perlu sebab dia tidak keluar menggunakan jalanraya dan membahayakan sesiapa. Walau bagaimanapun, saya sudah mengambil catitan mengenai perkara ini dan kita akan mengkaji pro dan kontranya supaya dapat diperbaiki lagi dan tidak

hilang hasil kepada Kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King minta tindakan diambil ke atas pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan lalulintas. Pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan Lalulintas ini memang dikenakan saman dan denda dan sekiranya melakukan kesalahan itu bertalu-talu, pesalah itu akan dimasukkan ke bawah Sistem KEJARA dan dihukum supaya lesen memandu mereka digantung sehingga tiga bulan.

Yang Borhormat Senator Rokiah telah mencadangkan supaya JPJ mengawasi aktiviti-aktiviti syarikat insurans yang memperbaiki semula kenderaan yang telah terlibat dalam kemalangan yang teruk dan menjual pula kepada orang ramai. Sebenarnya, Kementerian Pengangkutan telah mengambil kira cadangan Ahli Yang Berhormat tersebut dengan memasukkan peruntukan baru iaitu Seksyen 66(1)(nn) dalam Akta yang kita bincangkan ini untuk membolehkan Menteri Pengangkutan membuat kaedah-kaedah bagi mengawalselia pemeriksaan pendaftaran kenderaan motor yang tidak sesuai dibaiki oleh kerana kemalangan dahsyat, oleh kerana usia tua ataupun sebab-sebab lain

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom telah menimbulkan begitu banyak perkara iaitu kata beliau, sungguhpun beliau menyokong tindakan penguatkuasaan tetapi seperti yang telah disebutkan, tindakan penguatkuasaan ini, mestilah diambil dan dilaksanakan, kalau tidak nanati kita kena soal di akhirat. Sebenarnya, sukacita saya menyalaskan kepada Ahli Yang Berhormat dan juga kepada Dewan ini bahawa Seksyen 53 bukan sahaja melarang penjaga-penjaga kereta itu beroperasi tetapi juga melarang mereka itu mendesak pemandu-pemandu ataupun tuan-tuan punya kereta dengan penjagaan atau pencucian kenderaan motor dan sebagainya. Sekiranya perkara ini dilakukan dan ianya boleh dianggap perbuatan salah dan pihak polis boleh mengambil

tindakan. Ertinya, kalau sesiapa yang kena ganggu mengadu kepada polis, polis bolehlah menangkap yang menjaga kereta itu,

Banyak lagi perkara-perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat ini, saya terpaksa susun betul-betul jawapannya. Mengenai saiz nombor plet, tadi saya sudah jawab. Tetapi perkara-perkara lain yang Yang Berhormat sentuh banyak ini iaitu mengenai warna bas, ada bas pasang iklan, kereta sudah **tua**, cara membuat sekatan jalan, pakai tayar saiz besar, pasang-spot light, fog liglit dan sebagainya.

Bagi menjawabnya, saya sukalah menyatakan bahawa mengikut kaedah-kaedah pendaftaran yang ada sekarang, saiz plate itu ditetapkan supaya mudah dikenal dan boleh dibaca dengan jelasnyanya. Kalau kita ternampak lain pula, kita pergi report pula lain nombor dan orang lain pula yang kena. Yang menjadi kesalahan ialah apabila plate nombor itu terlalu kecil ataupun macam kata tadi, serong sama, bengkok sini, 'fancy' sampai tidak boleh dibaca. Tindakan hanya boleh diambil kepada mereka yang apabila didapati perkara itu berlaku.

Mengenai mengecat iklan pada bas, tidak menjadi kesalahan. JPJ akan mengawal cara-cara mempamerkan iklan-iklan pada badan bas itu, kerana yang perlu yang ditulis pada badan bas tulisan mengenai nama syarikat dan tulisan teknikal pada benda yang perlu hendak diiklan-kan.

Mengenai kereta tua, itu tidak bermakna bahawa kesemua kereta ini dalam keadaan tidak baik. Tetapi yang perlu ialah kita hendak check tengok dari segi mechanicalnya kalau pun umurnya, macam kata Yang Berhormat itu sudah 25 tahun tidak pernah pergi ke workshop boleh berjalan baik, mungkinlah mechanically elok, baik yang dikehendaki diperiksa ialah untuk menentukan bahawa kereta itu selamat digunakan di jalanraya. Tua umur tidak menjadi sebab seperti Yang Berhormat Senator Rokiah kata tadi. Yang baru sudah banyak accident begitu teruk mungkin tidak boleh dipakai.

Cara membuat sekatan jalan, cara-cara yang ada sekarang akan diseragamkan di seluruh negara. Perkara ini memang sudah dalam tindakan dan perhatian semua pihak yang terlibat dalam sekatan jalan.

Mengenai memasang tayar kereta yang saiz besar, tidak menjadi kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan. Memasang sport light juga tidak menjadi kesalahan. Bahkan kalau sport Light ini dipasang, ia memang berguna dalam cuaca yang tidak baik, dalam kabus, dalam hujan lebat dan sebagainya. Itulah keadaannya.

Yang Berhormat juga ada membawakan perkara cermin gelap dan sebagainya tadi dan membuat aduan pemandu membuat kesalahan lalu-lintas. Mengenai cermin gelap, tindakan sedang diambil untuk melaksanakannya dengan tegas iaitu sebaik sahaja pindaan yang dibuat dalam kaedah yang ada sekarang diwartakan tidak lama lagi. Pindaan itu ialah untuk memudahkan lagi tindakan diambil dengan menggunakan alat pengesan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah JPJ.

Mengenai kesalahan lalulintas, sebenarnya sesiapa sahaja boleh membuat aduan kepada JPJ atau Polis dan tindakan akan diambil sebagaimana program aduan kesalahan lalulintas oleh pegawai Kerajaan Kumpulan A. Bererti Yang Berhormat sendiri pun bolehlah melaporkan kepada pihak Polis ataupun kepada JPJ sekiranya semasa Yang Berhormat memandu di jalanraya, ada pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan lalulintas. Bersabit dengan kesalahan itu juga, Yang Berhormat ada menyebut mengenai siapa hendak tangkap pemandu yang tidak berhemat dan juga mengenai sistem KEJARA dan borang laporan kesalahan lalulintas, saya sudah jawab. Sistem KEJARA sebenarnya berjalan dengan baik di mana sebanyak 292,517 kes telah dimasukkan dalam senarai KEJARA. Ini bererti bahawa sistem Ini berjalan dengan baik dan sebanyak 15,360 telah dikeluarkan notis amaran kerana telah mendapat markah 10 hingga 19 iaitu mata kesalahannya. Sebanyak 434 kes telah dikeluarkan notis penggantungan lesen kerana mata

kesalahan melebihi 20 mata. Mengenai borang laporan kesalahan lalu-lintas pegawai A tadi saya ada sebut, sudah saya ulaskannya tadi, saya berharap perkara ini Yang Berhormat juga tolong sebarkanlah supaya pegawai-pegawai ini dapat melaksanakan tugas ini bersama-sama untuk kepentingan ramai.

Mengenai LPPJ dengan JPJ yang menjadi kekeliruan kepada ramai orang, kuasa LPPJ ialah mengeluarkan lesen permit kenderaan perdagangan seperti teksi, kereta sewa, bas, lori dan lemosin. Dia mengeluarkan lesen. Kuasa JPJ mendaftar kereta motor termasuklah motosikal, kereta perdagangan serta meigutip cukai jalan. Jadi, adalah berbeza. Ada juga orang keliru datang jumpa saya minta permit teksi. Saya kata saya tidak bagi permit teksi, saya tangkap orang sahaja - secara bergurau. Tetapi itulah sebenarnya beza tugas kedua-dua LPPJ dan JPJ jadi, banyak P dan J. Mengenai beza teksi-teksi dan kereta sewa mengenakan kadar satu tambang bagi sebuah kereta bagi satu-satu perjalanan iaitu tanda-tanda fizikalnya ialah tulisan teksi yang ada di luar. Kereta sewa mengenakan kadar tambang berasingan kepada setiap penumpang bagi sesuatu perjalanan dan juga denda fizikalnya ialah tulisan kereta sewa. Itulah ~~beza~~nya.

Saya minta maaf kepada Yang Berhormat kerana semasa menggulung perbahasan mengenai Jabatan Penerbangan Awam, saya terlupa menjawab soalan Yang Berhormat yang satu itu ataupun cadangan. Saya rasa cadangan Yang Berhormat itu adalah satu cadangan yang baik bahkan Jabatan Penerbangan Awam pun memang dalam ingatannya, dalam usahausahanya ada mengambil perhatian. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan itu kerana membawanya dalam Dewan ini iaitu Kementerian Kerjaraya dan Kementerian Pertahanan sebenarnya telahpun mencapai persetujuan menggunakan jalanraya sebagai tempat

mendarat semasa darurat. Tetapi di mana tempatnya itu tidak boleh diberitahu kerana itu seperti kata Yang Berhormat tadi Rahsia Rasmi, Kalau kita beritahu di mana tempatnya nanti orang tahu, dia bom pula tempat itu, susah kita, Sebenarnya dalam jalan-jalan Kuala Lumpur memang tidak boleh mendarat. Macam mana hendak mendarat sebab tiang-tiang lampu tidak ada switchnya yang hendak ditekan turun ke bawah. Dan begitu juga lalulintas, saya tengok sampai pukul 4 pagi pun masih ada kereta-kereta lalulintas di jalanraya. Jadi, sukarlah bagi kita hendak menggunkan jalan-jalan di Kuala Lumpur tetapi mungkin di lebuh-lebuhraya bolehlah. Saya pun sendiri tidak tahu di mana sebenarnya kerana itu rahsia kepada Kementerian Pertahanan, kepada Kementerian-kementerian yang berkaitan.

Jadi, rasa saya itulah beberapa perkara yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan rasa tanggungjawabnya membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya minta maaf sekiranya kalau ada di mana-mana lagi butir-butir yang tidak sempat saya menjawab dan saya sekali. lagi bagi pihak Kerajaan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi meluluskan Rang Undang-undang ini dan saya berharap kita dapat melaksanakan tugas ini dengan baik dan sempurna demi kepentingan negara kita. Terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat:, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dl bacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 129 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Mesyuarat ditempohkan selama 30 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 7.20 malam.

**Persidangan disambung semula pada pukul 8.00 malam.**

**[Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim mempengerusikan Mesyuarat]**

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**8.00 mlm.**

**Timbalan Menteri Perusahaana Awam [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 yang berdasarkan Bahagian V, Ordinan Lalulintas Jalan 1958 dibaca kali. kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalan kenderaan perdagangan. Buat masa ini undang-undang yang mengawal pelesenan dan pengawalan kenderaan perdagangan adalah terkandung dalam Bahagian V, Ordinan Lalulintas Jalan 1958 yang telah diluaskan ke Sabah dan Sarawak melalui Perintah Pengubahsuaian Undang-undang Ordinan Lalulintas Jalan (Perluasan dan Pengubahsuaian) 1984.

Kementerian berpendapat bahawa oleh kerana pelesenan dan pengawalan kenderaan perdagangan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaana Awam, maka adalah sesuai ianya dikawal oleh satu Akta yang berasingan. Ini juga bermakna apa-apa pindaan terkemudian yang akan dibuat akan diuruskan oleh Kementerian yang bertanggungjawab mengenainya tanpa melibatkan Kementerian Pengangkutan dan pihak-pihak lain yang berkaitan seperti yang

berlaku di masa yang lalu.

Rang Undang-undang ini dengan ini bertujuan memansuhkan Bahagian V, Ordinan Lalulintas Jalan 1958 Pada amnya peruntukan—peruntukan Undang-undang yang sedia ada dikekalkan, tetapi beberapa peruntukan telah dipinda untuk memenuhi keperluan-keperluan industri kenderaan perdagangan yang bertambah.

Di bawah Bahagian I, Fasal 1 memperuntukkan bahawa Rang Undang-undang ini terpakai ke seluruh Malaysia, manakala Fasal 2 pula mentakrifkan berbagai ungkapan yang digunakan dalam Rang Undang-undang ini. Kebanyakan takrif ini adalah diambil daripada undang-undang yang sedia ada, Walau bagaimanapun, perwujudan kelas-kelas baru kenderaan perkhidmatan awam memerlukan diadakan takrif-takrif baru yang tertentu. Contohnya, 'kenderaan pekerja' adalah konsep baru dan telah ditakrif sebagai satu kenderaan yang dipunyai oleh mana-mana syarikat dan digunakan secara eksklusif bagi membawa pekerja-pekerjanya dan dari tempat kerja mereka tanpa tambang. Begitu juga bas kilang dan ini bererti satu bas yang digunakan secara eksklusif bagi membawa pekerja-pekerja kilang ke dan dari tempat kerja mereka, 'Kereta sewa dan pandu' bererti sesuatu kenderaan motor yang disewakan bagi maksud dipandu oleh penyewa atau penamanya dan 'teksi mewah' ertinya satu kenderaan motor yang mempunyai muatan duduk tidak melebihi 6 orang termasuk pemandu yang digunakan untuk mengangkut penumpang sebagai balasan kepada satu bayaran dan yang dikendalikan dari satu pengkalan tetap dan tidak berulang-alik untuk di-sewa atas mana-mana jalan.

Saya suka juga mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Shaharom mengenai perbezaan di antara 'kereta sewa' dan 'teksi'. Takrif 'kereta sewa' ialah kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi 6 orang atau dalam kawasan yang dibenarkan oleh Lembaga 12 orang dalam semua keadaan termasuk pemandunya yang digunakan untuk membawa penumpang pada satu perjalanan sebagai balasan kepada pembayaran berasingan yang dibuat oleh mereka. Takrif 'teksi' pula ertinya kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi 6 orang, termasuk pemandu yang digunakan untuk membawa orang pada mana perjalanan sebagai balasan kepada satu-satu tiambang dan biasanya teksi ini ianya menggunakan meter.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk menggunakan perkataan-perkataan 'kenderaan perdagangan' dan bukan pengangkutan perdagangan untuk merujuk kepada kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barang-barang.

Di samping itu juga, Rang undang-undang ini, mencadangkan supaya nama "Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan", ringkasnya LPPJ yang ada sekarang ini ditukarkan kepada "Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan' ataupun LPKP. Nama baru adalah lebih sesuai dan tepat memandangkan tugas-tugas LPPJ sekarang, iaitu mengeluarkan lesen-lesen bagi kenderaan perdagangan, ini juga akan mengelakkan kekeliruan dengan tugas-tugas Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan yang bertanggungjawab kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pengangkutan jalan keseluruhannya.

Bahagian. II Rang Undang-undang ini juga membuat peruntukan mengenai permbuhan Lembaga-lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan bagi Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak. Oleh kerana sebab-sebab geograti dan untuk menyenangkan pentadbiran, Lembaga Sabah adalah mempunyai bidang kuasa ke atas Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini memberi kuasa tertentu kepada Menteri, antaranya ialah di bawah Fasal 7 yang mana memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik mana-mana anggota Lembaga atau mana-mana -orang lain yang patut untuk menjalankan fungsi Pengerusi. jika oleh kerana apa-apa sebab dia tidak boleh menjalankannya atau selama tempoh kekosongan dalam jawatan Pengerusi.

Adalah menjadi perkara biasa sesuatu permohonan untuk mendapat lesen terpaksa ditolak atau permohonan-permohonan tidak dapat dipertimbangkan oleh Lembaga dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, pihak yang tidak berpuas hati adalah dibenci peluang untuk merayu. Ini telah diperuntukkan di bawah Bahagian V Rang Undang-undang ini.

Fasal 27 membolehkan seseorang yang memohon untuk mendapatkan atau membarui lesen atau pemegang losen untuk merayu kepada Menteri terhadap keputusan Lembaga. Di Malaysia Barat tempoh dalam mana rayuan itu boleh dibuat adalah 30 hari dan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan 90 hari. Menteri boleh juga melantik suatu Jawatankuasa yang menimbang apa-apa rayuan seperti di bawah Fasal 28.

Fasal 32 pula melarang mana-mana orang yang rayuannya masih belum diputuskan dari membuat permohonan terkemudian berkenaan dengan kelas dan jenis kenderaan yang sama. Jika disebabkan rayuan atau permohonan terkemudian itu lesen telah diberi lesen itu adalah batal.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan industri pengangkutan yang berkembang dengan pesat bagi menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha pengangkutan perdagangan yang benar-benar menjalankan perusahaan atau perniagaan mereka dan bagi kepentingan orang awam yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan, adalah perlu hukuman-hukuman dan penalti yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan.

Di bawah peruntukan sekarang kesalahan yang dikenakan denda sebanyak \$1,000 atau 3 bulan penjara atau kedua-duanya sekali telah ditambah kepada \$2,000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali, seperti yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini. Manakala bagi kesalahan-kesalahan tertentu yang dikenakan denda sebanyak \$2,000 atau 6 bulan perijara atau kedua-duanya sekali ditambah kepada \$5,000 atau satu tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan kuasa-kuasa tertentu kepada pihak-pihak tertentu bagi mendakwa mereka yang dikatakan melakukan kesalahan-kesalahan. Peraturan atau prosiding bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta hendaklah dimulakan atau dilakukan oleh atau bagi pihak Pendakwa Raya oleh seorang pegawai Polis atau oleh seorang pegawai- Pengangkutan jalan, seperti di bawah Fasal 45.

Supaya tidak menimbulkan masalah dan kekeliruan, dengan wujudnya Akta baru ini yang mana akan memansuhkan Bahagian V Ordinan Lalulintas, Fasal 57 telah memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pemansuhan dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan Rang Undang-undang baru ini adalah bertujuan untuk memperkemaskan lagi peruntukan Rang Undang-undang bagi membolehkan Kementerian, khasnya Lembaga-lembaga Pelesenan Pengangkutan berfungsi. dengan lebih berkesan di dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed] :**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai. pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan dan mengenai perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat, Tuan Ng.

**8.11 mlm.**

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memohon izin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dan terus menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Walaupun waktu sudah malam, tetapi saya rasa ada dua, tiga perkara yang penting yang perlu saya kemukakan dalam perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan Undang-undang ini, saya rasa ini adalah satu pindaan yang tepat di mana Kementerian Perusahaan Awam akan mengambil alih dengan kuasa mengeluarkan lesen kenderaan perdagangan selepas undang-undang ini diluluskan. Mengikut ucapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan pindaan ini, bahawa denda (penalty) itu ditingkatkan dua kali ganda. Di sini saya suka membawa satu perkara berkenaan dengan pengeluaran lesen kepada kenderaan perdagangan iaitu berkenaan dengan bas sekolah.

Bas-bas sekolah ini telah dikeluarkan dengan lesen bagi mengangkut kanak-kanak ke sekolah. Di sini saya suka mengingatkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberi nasihat kepada tuan-tuan punya bas sekolah yang mana ada setengah tuan-tuan punya bas sekolah atau pemandu bas sekolah yang kurang bertanggungjawab kerana hendak mencari keuntungan yang banyak sehingga mengangkut bilangan kanak-kanak sekolah dengan tidak mengikut peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian. Juga ada setengah-setengah pemandu atau tuan-tuan punya bas sekolah yang mana kerana hendak mencari lebih keuntungan, berani berjanji mengambil kanak-kanak sekolah pada tiap-tiap hari dengan bilangan yang begitu besar sehingga mereka terpaksa membuat dua tiga 'trip' yang mana kanak-kanak yang hendak

pergi ke sekolah ini ada setengah-setengahnya terpaksa menunggu pukul empat setengah pagi atau pukul lima pagi, bas-bas sekolah mengangkut mereka ke sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu pengalaman di mana lebih kurang sebulan yang lalu, di satu pagi, apabila saya menghantar anak saya ke sekolah, saya terjumpa dengan seorang kanak-kanak sekolah bangsa Melayu belajar dalam darjah dua sedang menangis di depan sekolah di mana anak saya belajar. Saya pun menghentikan kereta dan bertanya kepada budak itu kenapa dia menangis. Dia kata dia sedang menunggu bas sekolah. Oleh kerana dia dihantar dari rumahnya oleh sebuah bas sekolah dan dia disuruh menunggu di depan berhampiran dengan sekolahnya sebuah bas lagi untuk mengambilnya. Saya tidak tahu sama ada ini kekurangan tanggungjawab pemandu bas sekolah berkenaan.

Saya selalu mendapat aduan daripada ibubapa di mana tuan-tuan punya bas sekolah cuma hendak mencari keuntungan sehingga mengabaikan keselamatan anak-anak kita. Sepatutnya Kementerian memberi nasihat kepada tuan-tuan punya bas sekolah, bukan sahaja semata-mata mencari keuntungan tetapi keselamatan anak-anak murid adalah lebih penting. Oleh itu saya suka meminta Kementerian berkenaan mengambil perhatian. Kalau sekiranya ada pemandu-pemandu atau tuan-tuan punya bas sekolah yang bersikap tidak bertanggungjawab menjamin keselamatan anak-anak kita, sepatutnya mereka dikenakan denda ataupun menarik balik permit mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka juga saya mengemukakan masalah permit bas berhenti-henti. Kami semua bersetuju dan menyokong Dasar Ekonomi Baru iaitu penyusunan semula masyarakat kita. Saya menimbulkan perkara ini ialah berkenaan dengan satu

permit baru yang dikeluarkan kepada sebuah syarikat bas berhenti-henti di negeri Melaka baru-baru ini di mana jalan daripada Bandar Melaka ke Malim, ke Alor Gajah telah dikeluarkan permit untuk bas berhenti-henti kepada sebuah syarikat yang bernama Tai Lai. Syarikat ini telah menjalankan perkhidmatan bas berhenti-henti daripada bandar Melaka ke Alor Gajah selama lebih kurang 20 - 30 tahun. Tetapi baru-baru ini sebuah syarikat yang baru yang dipunyai oleh bumiputera telah mendapat permit jalan yang baru bagi mengambil penumpang-penumpang di jalan yang sama dengan syarikat yang saya sebutkan tadi. Adakah ini satu kesilapan yang dibuat oleh pihak Lembaga yang mengeluarkan permit ataupun kerana pihak Lembaga hendak membantu syarikat bumiputera dengan mengeluarkan satu lesen permit yang bercanggah dengan permit yang dikeluarkan 20 - 30 tahun yang lalu.

Saya bukan hendak menentang pihak syarikat bumiputera yang menjalankan perniagaan. Sebenarnya saya pun selalu menggalak dan membantu bumiputera yang menjalankan perniagaan dan permohonan lesen sehingga kadang kala memberi mereka surat sokongan. Saya berharap sekiranya pihak Lembaga hendak mengeluarkan permit ataupun lesen kepada mana-mana pihak, patutlah membuat kajian dengan lebih teliti. Apabila saya mengemukakan masalah yang saya mendapat aduan daripada syarikat yang telah menjalankan perkhidmatan bas selama 20 - 30 tahun ini kepada pihak yang tertentu, pihak yang tertentu itu memberi jawapan kepada saya iaitu terpulang kepada kuasa Lembaga yang mengeluarkan lesen. Oleh itu dalam Dewan yang mulia ini, saya suka meminta Kementerian berkenaan supaya pada masa-masa akan datang sebelum sesuatu lesen atau permit dikeluarkan, mesti membuat kajian dengan lebih teliti.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka mengemukakan satu masalah berkenaan dengan permit teksi. Kami telah banyak mendapat aduan daripada pemandu-pemandu teksi. Contohnya pemandu-pemandu teksi di dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan juga setengah-setengah pemandu teksi di bandar-bandar lain, di mana pemandu-pemandu teksi yang telah memandu teksi lebih daripada 10 - 15 tahun mereka pun telah berkali-kali memohon lesen atau permit untuk teksi tetapi tidak diberi pertimbangan. Yang mendapat permit atau lesen teksi adalah segelintir taukeh-taukeh yang dengan permit teksi-teksi ini mereka sewakan. Saya meadapat makluman bahawa di Bandaraya Kuala Lumpur kebanyakan pemandu-pemandu teksi bandar itu, mereka terpaksa menyewa \$35 sehari untuk mendapat permit teksi itu untuk mencari sara hidup mereka. Saya pernah menjadi Wakil Rakyat, boleh dikatakan ramai pemandu-pemandu teksi dataag berjumpa dengan saya meminta Surat Sokongan, tetapi Surat Sokongan ini selalunya tidak mendapat pertimbangan daripada pihak Lembaga. Sehingga pada masa sekarang, kalau ada sesiapa hendak mendapatkan Surat Sokongan, saya khuatir sangat hendak mengeluarkan. Saya tidak tahu apakah kriteria-kriteria ataupun syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pihak Lemaga Pelesenan untuk mempertimbangkan pemandu-pemandu yang benar-benar berkehendakkan lesen untuk menyara hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka meminta pihak Kementerian yang berkenaan dan juga merayu kepada pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan supaya memberi petrtimbangan kepada pemohon-pemohon yang bukan bumiputera dalam lesen-lesen kenderaan perdagangan kerana sudah banyak aduan daripada pemohon-pemohon yang bukan bumiputera bahawa permohonan-permohonan mereka sangat susah meadapat pertimbangan. Saya suka merayu kepada pihak Kementerian

dan juga Lembaga Pelesenan supaya memberi pertimbangan mengikut pecahan kaum dan lesen dikeluarkan mestilah membayangkan berbilang kaum di negara kita **ini**. Kepada pemohon-pemohon yang bukan bumi-putera memberikan mereka peluang untuk mendapatkan lesen untuk mata pencarian hidup mereka.

Di sini juga saya suka mengemukakan berkenaan dengan di bawah Fasal 39 iaitu pemindahmilik lesen dilarang, di mana pihak Kementerian tidak membenarkan sesuatu lesen kenderaan perdagangan dibenarkan. Sebenarnya, saya ada bawa dua, tiga kes yang mana seorang bapa itu yang pemegang lesen kenderaan perdagangan tetapi apabila bapa itu meninggal, anaknya memohon kepada Kementerian untuk mendapatkan kebenaran untuk memindahmilik, tetapi permohonan tidak dapat ditimbang oleh pihak Lembaga. Saya suka merayu kepada Kementerian berkenaan ataupun pihak Lembaga Lesen memberi pertimbangan kepada pemohon seperti yang saya sebut tadi iaitu sekiranya seorang pemegang lesen itu meninggal, sepatutnya Lembaga dapat menyiasat dan sekiranya benar patut memberi pertimbangan supaya lesen ini dapat dipindahmilik kepada isteri atau anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 4 di mana Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan selain daripada seorang Pengerusi terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa di mana Menteri mempunyai kuasa untuk melantik tiga orang duduk dalam lembaga sebagai Ahli Jawatankuasa, saya berharap Kementerian apabila hendak membuat perlantikan akan memberi pertimbangan kepada ketiga-tiga orang Ahli Jawatankuasa ini dengan melantik wakil daripada kaum-kaum yang lain selain daripada kaum bumiputera kerana kita hendak adakan satu Jawatankuasa yang dapat membayangkan berbilang kaum di dalam negara kita, Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya sokong Rang Undang-undang ini dan berharap Kementerian yang berketiaan dapat mengambil perhatian, pandangan-pandangan yang saya buat tadi. Sekian terima kasih.

**8.24 mlm.**

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama turut berbahas dan bercakap masalah satu Rang Undang-undang Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong di atas Rang Undang-undang ini dan sepatutnya Rang Undang-undang ini dahulu lagi diubahsuai kerana saya bercakap begitu ketika itu masih ada kaitan di antara Lembaga Perlesenan ini dengan Jabatan Pengangkutan Jalan sehingga membuat orang ramai keliru. Dengan adanya satu, Rang Undang-undang yang dibentangkan pada petang ini yang hendak diluluskan, maka saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah dapat menyediakan satu cetakan yang begitu tersusun dengan baik, dengan begitu terkawal jika sekiranya undang-undang ini dapat diluluskan dan insya Allah akan diluluskan pada petang ini. Cuma apa yang saya ingin memberi pandangan ataupun nasihat apabila undang-undang ini dapat diluluskan nanti dengan harapan supaya pegawai di bawah Kementerian Perusahaan Awam akan dapat menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas, bersih, cekap dan araanah semacam mana yang dikehendakki oleh Kerajaan kita. Jika sekiranya semua pegawai-pegawai mahupun di Kementerian yang berkenaan atau juga Kementerian-kementerian yang lain dapat menjalankan tugas segala Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negara setelah dibahas oleh Dewan Rakyat, maka saya percaya seluruh rakyat akan dapat menikmati kebahagiaan dan akan mematuhi semua Rang Undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan yang tidak pernah menindas ataupun menyekat mana-mana pihak.

Dalam Rang Undang-undang ini tercatat; kuasa-kuasa Menteri untuk melantik Ahli-ahli Lembaga duduk di dalam Lembaga Pelesenan.

Diharapkan supaya Menteri yang berkenaan dapat melantik orang yang benar-benar bertanggungjawab, orang yang benar-benar dapat sama-sama membantu Kerajaan di dalam menguruskan sesuatu permohonan yang dimajukan di Kementerian yang berkenaan. Maka dengan itu, saya rasa setelah saya semak Rang Undang-undang ini maka saya amat berpuas hati dan patutlah kita luluskan sama-sama agar Rang Undang-undang ini dijadikan satu Rang Undang-undang untuk kepentingan negara, kepentingan rakyat kira bersama.

Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang dapat menyediakan satu Rang Undang-undang yang baik dan saya menyokong penuh.

**Lt. Kol Abdul Ramid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom.

**8.25 mlm.**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Haasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 yang baru sebentar dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Ini kerana menggubal satu Rang Undang-undang yang baru untuk menggantikan Rang Undang-undang yang lama yang telah digunakau sekian lama dalam negara kita sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu membentangkan tadi.

Tujuan Rang Undang-undang ini dikemukakan untuk diluluskan ialah untuk mengemaskinikan lagi Undang-undang Lembaga Pendaftaran Kenderaan Perdagangan yang dahulunya LPPJ yang menyebabkan banyak orang keliru antara LPPJ dengan JPJ. Dan ini pun nanti apabila timbul huruf potong LPKP, Kementerian "Lekap", Apa-apa borang yang

dihantar, lekap dalam fail tidak ada jawab [**Ketawa**] Melekap sahaja di, situ. Tetapi namun demikian, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang di dalam masa-masa kebelakangan ini sudi membetulkan borang-borang permohonan yang salah itu, bawa balik dahulu, encik betulkan, kemudian hantar balik. Terima kasih betul. Inilah diplomasi yang paling baik.

Dahulu dijawab permohonan Tuan diterima dari dalam pertimbangan. Sepuluh tahun dalam pertimbangan, tidak ada jawab, tidak panggil temuduga. Tetapi akhir-akhir ini dengan cara yang semacam itu memang kesannya cukup baik kerana kami sungguhpun Senator bukan Wakil Rakyat, sebagai. Senator orang datang minta surat sokongan, saya kata bolehkah saya menyokong? Bolehlah Yang Berhormat, tenyeh sahajalah. Tidak laku sokongan saya ini. Orang nanti kata sokongan Senator ini menyampah sahaja. Ini pun perlu difikirkan. Sebab kadang-kadang manusia pun tidak sama. Dia tengok sains Senator ketepikan. Kalau Wakil Rakyat punya sains kelas satu, Senator kelas dua. Kalau ada rekomen Timbalan Menteri lagi first: class A1.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf saya bercakap selain daripada JPJ, masyarakat luar bercakap mengatakan LPPJ inilah satu-satu jabatan yang paling kuat.....kata orang di luar. Ini kita hendak betulkan. Kita minta Yang Berhormat Timbalan Menteri nafikan ini tidak akan berlaku selepas Akta ini kita luluskan. Inilah kita hendak bersihkan. Kami bercakap dalam ini hendak menolong membersihkan Kerajaan, membetulkan Kerajaan supaya jangan tohmah-tohmah yang seperti itu berterusan.

Saya puji LPPJ, sekarang ini LPKP yang telah membuat usaha menolong isi borang yang salah. Kalau-kalau salah itu banyak sangat suruh bawa balik - bagi borang kuning atau borang coklat, suruh isi balik di rumah. Ini satu dtplomasi yang baik. Kalau ini diteruskan dengan muka yang manis 'memang LPKP akan dapat kepujian, walaupun dia mohon permit teksi 10 tahun tidak dapat, dia kata Jabatan ini boleh tolak ansur, tidak dapat tidak apa asal muka mahu manis, hati mahu baik. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, permohonan-permohonan yang telah memakan masa lama dan orang itu yang telah berulang kali memohon dan ada sokongan-sokongan yang tertentu, yang munasabah di dalam kawasan-kawasan yang tertentu kerana sekarang ini banyak kawasan-kawasan, taman-taman perumahan, kampung tersusun, Rancangan FELDA - orang memerlukan perkhidmatan kenderaan awam seperti **ini**. Ini sepatutnya boleh disegerakan permohonan-permohonan yang seperti ini untuk menyelesaikan masalah orang ramai, masalah pengguna-pengguna dan masalah rakyat kita.

Tadi saya terdengar sepintas lalu Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan salah satu daripada kenderaan-kenderaan awam yang disebutkan dalam kategori kenderaan perdagangan ini ialah kenderaan yang boleh mengisi 12 orang untuk dilesenkan. Ertinya sekarang ini memang bersepah dalam negara kita ini van-van. Saya bukan hendak kempen - ini kereta kompeni macam Datsun 20, Liteace dan semuanya itu banyak mengangkut orang tanpa insurans. Jadi kalau ini cepat dilesekan sebagai kereta sewa atau teksi, cepat-cepat: keluarkan supaya penumpang-peaumpang dilindungi oleh insurans. Sekarang berapa baayak orang yang menyewa van seperti **itu**, apabila berlaku kemalangan susah untuk buat tuntutan kepada insurans. Jadi ini kalau dapat dipertimbangkan dengan seberapa cepat. Ini bukan

saya hendak minta lesen, tidak perlu bagi saya, tetapi orang awam kalau ini diberi, barangkali mereka yang memliki van itu, kereta-kereta itu dia dapat diatur supaya kenderaan dapat disusun mengikat peraturan yang LPKP akan buat peraturannya dari segi warnanya, catnya, tidak ada langsir, tidak ada tabir, tidak ada aerial yang bercawang-cawang macam pokok buluh mati. Ini semua kita kena fikirkan untuk kebaikan kita bersama,

Tuaa Yang di-Pertua, beberapa perkara mengena dengan kereta sewa dan teksi ini ini pun saya minta maaf, sama ada ini tanggungjawab JPJkah, tanggungjawab LPKPkah atau tanggungjawab siapa, tidak tahu. Tetapi kerana kita sekarang membahaskan yang ada hubung kaitnya dengan teksi dan kerana sewa, saya minta supaya Jabatan ini mengatur benar-benar. Kalau satu tempat itu pihak Majlis Tempatan, Majlis Bandaran atau Majlis Daerah telah mengadakan pondok atau pengkalan teksi hendaklah diarahkan semua teksi-teksi/kereta sewa masuk ke situ dan menunggu penumpang di situ dengan menggunakan trip, menggunakan nombor giliran. Ini tidak, yang menunggu di situ tidak dapat penumpang, tetapi yang berkeliaran di tengah-tengah pekan, masuk telah lorong sini, sana, dia pasang kaki pula lagi, dia yang dapat penumpang. Jadi, ini juga menimbulkan krisis dalam masyarakat pemandu-pemandu teksi dan kereta sewa. Ini kalau kita teliti benar-benar, kita akan dapati bahawa - kerana peraturan yang ada selama ini barangkali tidak diikuti - siapa yang masuk ke pengkalan atau ke pondok itu boleh masuk, yang tidak masuk pun tidak apa,

Kita tengok sahaja kalau kita jalan daripada Seremban - Kuala Lumpur. Teksi yang hendak mengambil orang ke Ipoh, dia tunggu di Senawang - Simpang Senawang di Jejambat Taman Tuanku Jaafar. Sedangkan teksi daripada Melaka atau Johor belum sampai lagi masuk

ke kawasan Majlis Bandaran Seremban, tetapi sudah ada teksi yang tunggu di bawah pokok. Begitu juga dengan orang yang pergi ke Kuala Lumpur - Ipoh. Teksi sudah tunggu di Pudu - sebelum Pudu Raya. Ini juga kita kena betulkan supaya keadaan ini tidak menimbulkan krisis sesama masyarakat pemandu-pemandu kereta sewa dan pemandu-pemandu teksi. Kerana bilangan mereka ini tidak sedikit dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh - tadi di dalam perbahasan mengenai dengan Rang Undang-undang **JPJ**, kita minta kecualikan kereta-kereta tua yang sudah dipakai 20 tahun sebagai hak persendirian untuk kegunaan sendiri. Pagi-pagi pergi cari sayur, beli surat-khabar, tengahari hari Jumaat pergi masjid, ziarah orang mati. Tetapi ini kereta tua yang ada hubungannya dengan orang awam, iaitu kenderaan awam yang dilesenkan di dalam Akta **ini**, iaitu teksi-teksi tua yang ada di luar-luar bandar dan di ladang-ladang. Ini kalau boleh supaya diperbaiki supaya kita tidak mahu teksi-teksi tua di luar-luar bandar, di kampung-kampung, di ladang-ladang yang sudah barangkali tidak sesuai. Saya sebut satu kereta Isuzu yang keluar pada tahun 1958, sampai sekarang-pun masih digunakan. Isuzu ini bukan Isuzu yang baru, Isuzu yang 4 segi. Masa baru-baru hendak menyambut kemerdekaan dulu kereta itu keluar, sekarang masih jadi teksi, jadi kereta sewa lagi. Jadi, berlaku macam-macam **hal**.

Kemudian masalah yang lain ialah kerana di sini dimasukkan dalam istilahnya kenderaan pekerja, yakni kenderaan yang mengangkut khas untuk membawa pekerja. Tuan Yang di-Pertua harus faham bahasa di setengah-setengah ladang menggunakan kenderaan untuk mengangkut pekerjanya tanpa bayaran. Bukan dia lalu dalam ladang dia sahaja.

Kalau dia lalu dalam ladang dia, itu jalan dia, dia punya pasal, tetapi tidak keluar juga ke jalanraya, sama ada jalan Persekutuan atau jalan negeri. Dulu kita sudah bahaskan satu pindaan mengenai dengan jalan-jalan dalam kuasa Kementerian Kerjaraya. Mereka membawa pekerja-pekerja di dalam kenderaan yang dikatakan mengangkut pekerja itu tanpa apa-apa tulisan, sebab tidak ada tulisan, jadi trailer. Yang isi dalam trailer tadi sampai 30 - 40 orang - berlaku kemalangan dan telah meragut nyawa. Ini juga perlu kita ambil perhatian sama-sama supaya kemalangan-kemalangan yang disebabkan oleh tuan-tuan punya ladang yang tidak mengambil berat masalah kepentingan pekerja-pekerjanya dari segi pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, kemudiannya mengenai dengan tuan-tuan punya teksi haram. Tadi dalam Akta JPJ hendak menghapuskan teksi-teksi haram. Di dalam hal ini saya meminta supaya orang-orang yang hidupnya memang semata-mata bergantung kepada membawa kereta/teksi haram atau prebet sapu ini kalau didalam kajian, di dalam siasatan LPKP didapati orang itu memang menyara hidup anak-bininya, menyekolahkan anak-anaknya, sumber pendapatan mereka semata-mata daripada membawa prebet sapu, kerana dia barangkali mata-mata bersara yang tidak punya harta atau askar yang bersara yang tidak punya harta, sepatutnya mereka ini diutamakan dan dicepatkan di dalam permohonan-nya jika sekiranya meminta permit kereta sewa atau teksi. Juga dengan pemandu-pemandu yang hidupnya selama berbelas-belas tahun memahdu kereta teksi/kereta sewa orang lain ini patut diutamakan. Siasatan dibuat dan didapati memang benar orang-orang itu menyewa selama 7/8/10 tahun.

Kemudian perkara yang sepatutnya diambil tindakan ialah tuan-tuan punya permit teksi yang menyewakan permitnya selama-lamanya,

makna selama-lamanya, daripada mula-mula dapat tldak pernah dia memegangnya, atau memang adakah di dalam Akta ini permit teksi ini diholehkan untuk menyewa, itu saya tidak tahu. Kalau ada pula yang mengatakan sesiapa dapat permit oleh disewakan, itu saya angkat tangan, saya tidak mahu sebut, Tetapi kalau di dalam kelulusan permit itu ada mengatakan tidak boleh disewakan, ini hendaklah LPKP mengambil tindakan. Kerana ini menimbulkan rungutan kepada orang ramai yang memohon permit teksi/kereta sewa yang tidak pernah dapat, tetapi dia tahu ada orang-orang yang punya permit teksi ini disewakan - dia goyang kaki, tiap-tiap minggu dia terima sewanya.

Juga ada compony-company atau syarikat-syarikat bas yang diberi permit teksi - dia sudah ada syarikat bas, tetapi dia diberi permit teksi lagi. Ini patut diberhentikan. Diberikan permit-teksi ini kepada orang perseorangan. Kalau hendak digalakkan berkongsi berdua, berdualah. Tetapi sekarang, barangkali orang sudah boleh mendapat pinjaman daripada bank atau MARA. Dia mampu kalau dapat permit, dia boleh beli kereta persendirian. Syarikat bas yang diberi permit teksi ini sepatutnya dikaji, kalau perlu diberhentikan dan ditiadakan. Itu yang sudah ada, itu barangkali kalau kita hendak mengambil balik itu adalah susah sedikit. Jadi, jangan ditambah lagi supaya permit teksi/kereta sewa ini dapat kita berikan kepada orang perseorangan yang memerlukan dan hidup menyara keluaranya daripada khidmat perdagangan memandu kereta sewa/teksi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kerana ini undang-undang baru yang disesuaikan dengan undang-undang lama dan kita akan lihat nanti. apabila telah dikuatkuasakan dalam masa 6 bulan, setahun yang akan datang, barulah kita dapat membuat komen-komen yang lain untuk kebajikan kita bersama, untuk faedah kita. Namun di dalam hal ini. juga saya terbaca pula, kereta-kereta perdagangan yang diberi lesen 'A' dan 'B' ini jenis-jenis kontenanya, tankernya, yang roda 12, yang roda 18, yang roda 20 ini tidak nampak pula Yang ada bas - bas," bas sekolah, kereta sewa, teksi mewah, teksi, kemudian kenderaan barangan.

Jadi saya ingin tahu bagaimana cara pelesenan perdagangan diberikan kepada kenderaan-kenderaan berat. Kenderaan-kenderaan berat ini, masalah saya begini, kenderaan-kenderaan berat ini sepatutnya ada pengkalannya yang tertentu kerana Kerajaan membuat rancangan pembangunan luar bandar, buat jalan ke kampung-kampung yang jalan itu tidak boleh dilalui oleh muatan yang lebih daripada 5-6-7-8 tan, tetapi kerana ada kenderaan-kenderaan besar ini, tanker, pemandu kontena itu tadi duduk di kampung, dia bawa balik kontenanya, dia bawa balik tankernya, dia bawa balik trailernya, merosakkan jalan yang baru dibuat yang hendak dinikmati oleh orang kampung tadi. kerana muatan yang berat. Kita tidak menyalahkan pemandu bawa balik kerana itulah kenderaannya, sebab itu sumber hidupnya, tetapi ini patut kita kaji supaya kontena atau trailer atau tanker yang besar-besar ini. dikhaskan pengkalannya iaitu pusat tempat dia berdaftar. Kalau alamatnya di bandar atau di pekan ini., dia mesti disimpan di situ, tidak boleh dibawa balik ke kampung, di celah-celah pokok getah, di celah-celah pokok rambutan dia letak.

Kalau berlaku kebakaran, kalau budak-budak marah nanti jalan rosak kerana tanker, kalau tanker itu dibakar, meletup, apa sudah jadi, susahlah dan jadi. masalah macam-maca,. Jadi ini sepatutnya diambil perhatian kerana kalau di kawasan perumahan misalnya, di satu kawasan perumahan, tanker tersergam dekat tepi jalan, trailer ada di tepi jalan, lori. sayur yang tayar 12, esok pagi-pagi pukul 3.00 dia hendak bertolak pergi ke Singapura, sebelum itu dia tidur dahulu. Ini semua jadi masalah, menyempikan lalu-lalang, orang marahlah, orang marah jawabnya. Jadi. macam mana hendak mengatasi masalah itu supaya tuanpunya tanker, trailer, lori yang besar tidak rugi, pemandunya tidak dibenci orang, orang ramai tidak marah. Ini cara yang saya minta, Jadi kalau perlu disimpan di Balai Polis, simpan di balai, kalau tepi balai, tepi balailah atau Majlis Tempatan mengadakan padang letak kereta khas untuk kenderaan berat supaya jalan yang baru dibuat itu-tidak rosak, supaya tidak sempit. Selepas itu malam-malam bas kilang pula masuk lalu ambil budak-budak hendak kerja kilang, macam-macam cerita. Apabila yang hendak kerja tadi terlewat sedikit, dia punya horn setengah batu boleh dengar, sedangkan rumah yang 20 kaki daripada jalan raya, anak bayi terkejut, boleh jadi demam esok, kalau orang yang hamil belum keluar, dia terkeluar, terperanjat. **[Ketawa]** Ini. berlaku, lainlah tuan-tuan yang duduk di rumah-rumah yang istimewa. Saya duduk di perumahan rumah teres; pintu saya dengan jalan hanya 12 kaki.. Bas kilang lalu, bunyi horn trailer -lalu, macam-macam. Takkan dia balik di situ, dia sama-sama masyarakat saya di situ. Itu sudah tentu di tempat saya, di tempat-tempat lain pun macam itu. Banyak yang berlaku keadaan yang macam **ini**, timbul masalah sosial, masalah masyarakat. Jadi. macam mana LPKP atau 'LEKAP' yang saya istilahkan

ini hendak selesaikan berkenaan dengan jalan, Ini saya minta jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri, pegawai-pegawai, sama-sama kita selesaikan dengan sebaik-baiknya supaya tidak ada yang marah, semua senyum sahaja.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Akta ini untuk diluluskan dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, macam mana tadi dalam Akta JPJ kita sama-sama bertanggungjawab, sama-sama akan di.tanya di akhirat besok, sudah lulus apa pasal tidak buat, ini semua besok kita akan kena kira masing-masing Sekian, saya menyokong Akta ini. untuk diluluskan.

**Lt. Kol. Abdul Hamid bin Ibrahim:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak ada kuorum.

**[Ahli-ahli dikira: 10 Ahli hadir]**

**Lt. Kol. Abdul Hamid bin Ibrahim:** Kuorum cukup. Ada lagi Yang Berhormat yang ingin hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan ini? Kalau tidak ada, saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. untuk menjawab.

**8.45 mlm.**

**Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu izinkan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay, Yang Berhormat Senator Azman Atar dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom Maasom. kerana telah bersama-sama membincang dan membahaskan Rang Undang-undang yang kita bentangkan pada masa ini .

Sebenarnya memang menjadi hasrat Kementerian Perusahaan Awam untuk sentiasa mempertingkatkan kemampuannya untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada masyarakat khususnya dalam keadaan negara kita yang membangun ini, kita perlukan kepada peningkatan mutu perkhidmatan supaya produktiviti kita bertambah dan supaya peningkatan ekonomi kita dapat dilaksanakan dengan secepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi tanggungjawab Kementerian juga untuk menentukan perkhidmatan Kementerian Perusahaan Awam sentiasa bersih, cekap dan amanah. Walau bagaimanapun, di dalam mana-mana masyarakat pua pastilah ada perkara-perkara yang sumbang berlaku. Walau bagaimanapun, ini bukanlah menjadi satu perkara yang lumrah ataupun yang berleluasa dan sekiranya ada perkara-perkara yang berlawanan daripada perkara-perkara yang diutamakan ataupun dilaksanakan oleh Kementerian, pihak Kementerian bersedia untuk menerima aduan-aduan, laporan-laporan daripada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat serta orang ramai dan sesiapa juga supaya dapatlah pihak Kementerian mengambil tindakan, menyiasat dan sebagainya dan kalau perlu mengambil tindakan supaya Kementerian ini sentiasa mendapat kepercayaan daripada orang ramai..

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang pertama Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay. Sebenarnya setiap kenderaan yang diluluskan khususnya bas sekolah, ianya ditentukan supaya mematuhi-jumlah murid yang dibenarkan dibawa oleh setiap bas sekolah **itu**. Jika sekiranya pemandu itu membawa lebih daripada murid yang ditentukan, ianya -telah melanggar undang-undang dan telah tidak

mematuhi arahan lembaga Pelesenan ataupun Kementerian dalam permit tersebut. Maka sekiranya ada aduan yang diterima dan sabit kesalahannya setelah di siasat, maka kita sentiasa tidak akan takut-takut untuk mengambil tindakan, merampas ataupun menggantung permit yang di berikan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, pihak Kementerian sentiasa menambahkan jumlah bas-bas sekolah sekiranya ianya diperlukan kerana kita tidak mahu melihat di mana anak-anak kita atau murid-murid sekolah terpaksa menunggu berjam-jam ataupun mengambil masa yang lama untuk mendapatkan bas sekolah ataupun dalam perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sampai menggunakan dua bas sekolah.

Sekiranya ada permohonan daripada pengusaha-pengusaha dalam hal ini, pihak Kementerian boleh mempertimbangkan untuk memberikan ataupun menambahkan lesen permit yang baru sebagai tambahan.

Walau bagaimanapun, kita sentiasa di dalam usaha meningkatkan fahaman pemandu-pemandu supaya lebih, dengan izin, civic-minded, ataupun lebih memahami kehendak-kehendak masyarakat dan keselamatan pada masa interview ataupun temuduga, kita menekankan supaya driver-driver ataupun pemegang-pemegang permit ini mempertingkatkan keselamatan dan mutu perkhidmatan mereka dan menentukan bas-bas ataupun kenderan-kenderaan mereka itu sentiasa ada dalam keadaan yang sempurna dan sesuai untuk memberikan khidmat yang cemerlang kepada orang ramai. Bagi pihak Kementerian kita sentiasa akan mengambil tindakan yang sewajarnya dan yang diperlukan, sekiranya kita ada menerima apa-apa aduan dari pihak orang ramai atau mana-mana pihak sekalipun dalam perkara ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan iaitu bas berhenti-henti, sebenarnya permohonan bas berhenti-henti sekarang ini sangat-sangat dikaji sebelum diluluskan kerana kita dapati memang terlalu banyak bas-bas berhenti-henti. Bahkan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, permit bas ekspres, bas mini

telahpun dibekukan. Bahkan juga permit teksi untuk beberapa tempat di negara kita ini telahpun di bekukan. Misalnya di Kuala Lumpur, di Melaka, di Johor Baharu dan di Perlis telahpun dibekukan permohonan permit teksi itu.

Maka oleh yang demikian, sekiranya Ahli Yang Berhormat, sama ada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun Ahli-ahli Senate membuat sokongan, walau macam mana kuat pun sokongan Ahli. Yang Berhormat **itu**, walau macam mana bagus pun sokongan itu, tetapi kalau kawasan itu telah dibekukan, kita tidak akan memberikan permit; baru untuk pemohon di kawasan tersebut.

Jadi ini bukanlah bermakna sokongan daripada Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom tidak dipedulikan ataupun tidak dihormati bahkan sebenarnya kalau mengikut di Amerika, Senator ini lebih tinggi lagi tanairnya dripada Ahli Dewan Rakyat .

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Wah, wah, wah.

**Tuan Haji Daud bin Datuk Haji Taha:** Sebab itu kalau kita pergi ke seminar di luar negeri, Senator mendapat tempat yang utama, lebih tinggi daripada Ahli Dewan Rakyat. Saya pernah mengalami keadaan ini dan Ahli Yang Berhormat juga telahpun maklum iaitu Senator dapat tempat yang lebih baik daripada Ahli Dewan Rakyat, sungguhpun tidak dipilih oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada **itu**, saya juga suka menyatakan iaitu permit ,yang diberikan kepada syarikat bumiputera di Melaka ini sebenarnya adalah mengikut permintaan penduduk yang telah bertambah. Untuk makluman Ahli. Yang Berhormat, sebagai Ahli Yang Berhormat menyatakan permit bas yang telah lama wujud itu sejak 20-30 tahun yang lalu, telah tidak mempunyai persaingan dan

kemungkinan oleh sebab tidak ada persaingan, mutu perkhidmatan telah menurun dan disebabkan .permintaan bertambah dari penduduk dan setelah dikaji dengan teliti melalui proses interview kita dapati ianya boleh dan perlu ditambah. Dan oleh sebab yang demikian kita telah meluluskan permit itu dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada pilih kasih, sama ada ia syarikat bumiputera atau sebaliknya, bahkan di dalam memberikan kelulusan permit-permit ini, adalah dimaklumkan bahawa permit-permit bukan bumiputera melebihi daripada permit-permit bumiputera.

Bahkan mengikut Dasar Ekonomi Baru, peruntukan bumiputera setakat 30% itu menunjukkan jumlah yang lebih besar diberikan kepada bukan bumiputera dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemungkinan kerana permohonan-permohonan yang begitu banyak daripada bukan bumiputera, maka tentulah kita tidak dapat meluluskan semua permohonan daripada bukan bumiputera. Misalnya kalau 10,000 permohonan dari bukan bumiputera dan hanya 2,000 daripada bumiputera, tentulah kemungkinan 8,000 akan ditolak daripada bukan bumiputera dan mungkin hanya 200 ditolak daripada bumiputera. Jadi sebab itulah, Ahli Yang Berhormat mungkin telah mendengar banyak permohonan bukan bumiputera telah ditolak, tetapi sebenarnya banyak juga permohonan mereka yang telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara pindah milik, walaupun Fasal 39 diwujudkan, tetapi melalui Fasal 39(A) kita telahpun membenarkan ataupun akan menimbangkan untuk menukar hak milik kepada mereka di atas dasar-dasar, dengan-izin, compassionate grounds. Misalnya kalau disebabkan oleh kematian suami ataupun kerana kecederaan ataupun ketidakupayaan, dan disebabkan kalau kita mengambil balik permit itu, maka tidak akan memberikan keadilan kepada pemegang permit itu, maka pihak Lembaga akan menimbangkan untuk

menukarkan hakmilik itu kepada orang-orang yang lain daripada pemegang permit **itu**, misalnya anak, isteri dan sebagainya. Ini diperuntukkan dalam Fasal 39(4) Rang Undang-undang ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat - saya suka menyentuh keseluruhan dari segi pandangan Yang Berhormat: Senator Ng Peng Hay dan juga Tuan Haji Shaharom - bukanlah semestinya orang-orang yang memandu sahaja diberikan lesen tetapi kadangkala di atas, dengan izin, compassionate grounds, kita nampak lesen itu di atas nama wanita, tetapi pemandunya seorang lelaki. Ini adalah disebabkan sebagaimana saya katakan tadi, kemungkinan isteri itu kematian suami dan disebabkan oleh kerana kemiskinan ataupun disebabkan oleh kerana tidak ada mata pencarian yang lain untuk wanita-janda **itu**, maka pihak Kemeterian, khususnya Lembaga Perlesenan bersedia menimbangkan untuk diberikan sambungan kepada permit berkenaan kepada balu ataupun janda itu.

Dengan sebab itu adalah tidak benar bahawa kita tidak memberikan keutamaan kepada pemandu-pemandu ataupun pemegang-pemegang lesen yang telah berpuluh-puluh tahun memandu teksi tetapi tidak mendapat permit.

Sebenarnya, barangkali Ahli Yang Berhormat itu mungkin ternaik teksi yang kebetulan pemandu itu menyewa permit tetapi kalau di Melaka ataupun di Kuala Lumpur, sebagaimana yang saya katakan tadi, lesen-lesen telah dibekukan beberapa tahun yang lalu dan oleh sebab yang demikian permohonan-permohonan permit baru tidak dapat kita pertimbangkan. . Walau bagaimanapun menjadi dasar Kementerian sekarang ini iaitu setiap pemohon permit teksi mestilah ianya memandu sendiri dan ianya mestilah mempunyai Public Service Vehicle Licence (PSVL) dengan masayang panjang dan oleh sebab yang demikian, kaulah mereka **ini**- telah memandu 20 atau 15 tahun ke atas, sudah

tentu mereka diberikan keutamaan. Tetapi kenalah mereka ini memohon di tempat-tempat yang tidak dibekukan. Kalau mereka memohon di Kuala Lumpur atau di Petaling Jaya ataupun untiuk Subang Airport ataupun di Melaka, di Perlis atau di Johor Baharu, maka permohonan permit mereka tidak akan dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua mengenai perlantikan ahli Lembaga Pengarah, perkara ini telahpun mendapat perhatian daripada Kementerian dan pihak Kementerian telahpun melantik beberapa orang bukan bumiputera untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Temuduga dan sebagainya ahli dalam Lembaga Pelesenan. Jadi tidaklah benar kalau dikatakan kita tidak melantik bukan bumiputera menjadi ahli Lembaga.

Mengenai dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Azman Atar, saya terlebih dahulu sukalah menyatakan iaitu sekiranya pihak Yang Berhormat ada mengetahui perkara-perkara yang hendak diadukan kepada Kementerian untuk diambil tindakan seperti pegawai-pegawai yang tidak bersih atau ,tidak cekap ataupun ada yang mengamalkan rasuah dan sebagainya,bolehlah diberi tahu kepada pihak Lembaga ataupun kepada Menteri ataupun kepada saya sendiri dan, insya Allah, saya akan mengambil tindakan.

Sebenarnya, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya sukalah menyatakan kadangkala kita tidak dapat mengelakkan daripada tohmahan. Misalnya saya suka menyatakan satu cerita di satu tempat. Disebabkan kerana mereka telah menggunakan permit melebihi daripada jumlah permit yang diluluskan, misalnya kita luluskannya 30 permit, tetapi dia menggunakan sampai 60 - 70 permit tetapi disebabkan kerana kurang tindakan yang diambil - untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini juga - tindakan pengawasan ini dibuat bukan oleh Lembaga tetapi oleh Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun pihak Polis.

Maka disabitkan kurang pengawasan dan kurang tindakan di.ambil kepada pemegang permit yang telah malebihi permit yang diluluskan **ini**, mereka telah memikirkan mereka tidak akan diambil tindakan. Pihak Lembaga di.sebabkan tidak ada aduan, dan tidak ada kuasa untuk membuat pengawasan maka pihak Lembaga tidak mengambil tindakan apa-apa. Oleh sebab demikian, mereka mungkin boleh mengatakan yang mereka mendapat sokongan daripada pihak Menteri ataupun Timbalan Menteri ataupun pihak Pengerusi LPPJ. Ini juga perkara yang boleh di.bangkitkan seolah-olah kita merestui apa yang mereka buat. Sebenarnya kadangkala kita tidak tahu langsung. Pihak Menteri, Timbalan Menteri dan Pengerusi LPPJ langsung tidak tahu-menahu tentang perkara ini. Walau bagaimanapun sekiranya ada aduan dan sekiranya pihak-pihak yang tertentu membuat aduan kepada kita, kita akan menyiasat dan mengambil tindakan walaupun telah ada tindakan daripada pihak JPJ ataupun pihak Polis.

Ahli Lembaga terdiri, untuk makluman Ahli.-ahli Yang.Berhormat, daripada wakil-wakil Kementerian dan juga pihak-pihak profesional yang difikirkan layak untuk menjadi atau menasihati Lembaga di dalam menentukan mereka yang layak meluluskan permit dan sebagainya dan tidak ada pilih kasih kerana kita mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu untuk meluluskan sesuatu permit. Misalnya dalam meluluskan permit-permit teksi ianya mesti. mempunyai "Public Service Vehicle Licence", dengan izin yang telah lama dipegang oleh mereka ataupun ditentukan yang kawasan-kawasan itu mestilah berkehendakkan teksi,

Saya bagi. pihak Kementerian telahpun meminta kepada Pegawai. Daerah untuk menubuhkan satu Jawatankuasa di. peringkat Daerah untuk

mencadangkan jumlah-jumlah teksi yang perlu di.tambah ataupun di.peruntukkan di kawasan-kawasan yang tertentu, Dan saya juga telah mencadangkan supaya Wakil-wakil Rakyat ataupun Ahli-ahli. Senate dilantik ke dalam Jawatankuasa itu untuk mencadangkan ataupun memberikan pandangan-pandangan mengenai. jumlah-jumlah permit teksi. yang patut ditambah ataupun dihari. ataupun yang diperlukan di kawasan-kawasan yaag di tentukan. Dengan ini dapatlah pihak Lembaga dan pihak Kementerian memberikan jumlah-jumlah permit teksi yang sesuai. dan sepatutnya supaya perkhidmatan teksi ini dapat diselaraskan dengan baik serta dapat dipertingkatkan mutunya dengan baik.

Mengenai teksi-teksi yang buruk, yang telah lama, sepatutnya tidak timbul, kerana kita hanya memperbaharui. permit-permit teksi. sekiranya teksi-teksi itu telah mendapat kelulusan daripada pihak JPJ. Sekiranya pihak JPJ meluluskan motokar-motokar, teksi-teksi. yang melebihi. umur 5 tahun itu maka pihak LPPJ terpaksa memberikan pembaharuan permit itu, Tetapi sekiranya mereka tidak berjaya mendapat kelulusan daripada pihak JPJ maka pihak Lembaga akan mengambil balik permit yang di.berikan **itu**.

Saya juga suka menyentuh mengenai. kereta sewa yang boleh memuatkan 12 orang termasuk pemandu. Perkara ini bukanlah menjadi. dasar Lembaga untuk memberikan permit dengan -sewenang-wenangnya. Kerana ianya memungkinkan menjadi satu competition, dengan izin, kepada bas-bas mini, kepada teksi-teksi dan juga kepada bas-bas berhenti-henti dan bas ekspres. Kita memikirkan keputusan untuk memberikan lesen atau permit kepada kereta sewa ini hanyalah untuk tempat-tempat yang tertentu seperti. misalnya di Sabah ataupun di Sarawak yang mana keadaannya sangat berbeza dengan keadaan di Semenanjung Malaysia Barat ini. Misalnya jalan-jalan di Sarawak dan

di Sabah kemungkinan tidak boleh sesuai untuk teksi-teksi biasa ataupun bas dan oleh sebab demikian kemungkinan dia lebih sesuai jika kereta-kereta yang boleh memuat 12 orang ini masuk ke kawasan-kawasan pendalaman, rumah panjang dan sebagainya. Perkara ini sebelum kita meluluskan permit-permit ini, diberikan perhatian yang sangat mendalam kerana kita tidak mahu menjadi.kannya masalah kepada mereka yang memegang permit-permit bas, bas mini dan sebagainya.

Selain daripada itu saya juga menyentuh satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom mengenai kenderaan yang membawa pekerja-pekerja. Sebenarnya bukan menjadi hasrat kita untuk memberikan kelulusan dengan sewenang-wenangnya kepada pihak majikan ataupun pihak estet dan sebagainya untuk membawa -pekerja-pekerja dengan kenderaan-kenderaan yang tidak tentu hala. Bahkan.dalam Rang Undang-undang ini kita menentukan supaya ianya dilesenkan dan apabila dilesenkan ianya memerlukan kehendak-kehendak yang tertentu yang boleh memberikan selesa kepada pekerja-pekerja yang dibawa itu.

Oleh sebab yang demikian, adalah tidak benar bagi pihak Kementerian membenarkan pekerja-pekerja dibawa ke dalam trailer. Ini akan menjadi satu kesalahan dan kalau dia adukan sebenarnya pihak JPJ dan pihak Polis boleh mengambil tindakan dalam perkara ini. Sekiranya perkara ini di berikan aduan kepada pihak LPPJ, sekiranya pihak yang berkenaan mempunyai lesen perdagangan, pihak LPPJ boleh menariknya balik. Tetapi kalau ianya "Lesen Perkhidmatan Awam" maka tentulah ianya di bawah Kementerian yang lain.

Mengenai teksi-teksi haram ini, Tuan Yang di-Pertua saya percaya ianya satu perkara yang sangat-sangat berleluasa diperbincangkan, tetapi adalah menjadi satu tanggungjawab pihak JPJ

dan pihak Polis untuk mengambil tindakan ke atas teksi-teksi haram ini. Bagi pihak kami, saya hanya boleh menasihati supaya orang ramai janganlah menaiki teksi haram ini dan kalau perlu orang ramai boleh membuat permohonan supaya di tambah teksi di tempat mereka kerana menaiki teksi haram ini. sangat merbahaya. Selain daripada tidak mendapat perlindungan daripada pihak insuran serta menjadi. kesalahan di bawah undang-undang, ianya juga menyebabkan mereka tidak selesa kerana teksi-teksi haram **ini** sebagaimana kata seorang Yang Berhormat Senator dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan tadi menyatakan kebanyakan teksi. yang mereka naiki ini sangatlah -buruk dan kadangkala lantai-lantainya telah bubus dan kemungkinan ianya boleh melibatkan nyawa-nyawa mereka terancam.

Adalah tidak sesuai juga bagi pihak LPPJ untuk menimbangkan supaya di berikan permit kepada teksi-teksi haram ini kerana kalau kita luluskan pun, mereka tidak hendak mendapatkan permit kerana teksi haram **ini** lebih senang, dia tidak bayar sewa dengan tinggi dan juga teksi-teksi haram yang digunakan ini pun bukanlah standard yang boleh diluluskan oleh pihak LPPJ untuk mendapat permit. Oleh sebab yang demikian, saya percaya untuk mengatasinya ialah supaya orang ramai jangan menggunakan teksi-teksi haram **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat dan sekiranya ada perkara-perkara yang telah di bangkitkan tidak saya sentuh dalam ulasan saya ini, saya mohon maaf. Tetapi saya akan mengambil perhatian untuk mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya ianya boleh dilaksanakan. Dengan ini, saya mengucapkan banyak terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamtd bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah di kemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang di bacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Lt. Kol. (B) Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Fasal 1 hingga 58** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

**Penangguhan Mesyuarat**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 15 [3], Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

**Pekerja Masalah Ladang Lembah Kelang****9.11 mlm.**

**Tuan K. Sivalingam:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang anak pekerja ladang, saya percaya bahawa saya berlayak untuk bercakap dan memberi pandangan-pandangan terhadap masalah-masalah yang dihadapi pekerja-pekerja ladang di Lembah Kelang, Selangor. Oleh yang demikian, saya suka merakamkan sumbangan-sumbangan dan korbanan-korbanan yang telah diberi oleh kaum pekerja-pekerja ladang untuk membangunkan Lembah Kelang dan ekonomi negara kita dalam 80 tahun yang lalu.

Pada masa sekarang Lembah Kelang adalah seperti tulang belakang untuk negara kita. Kawasan Lembah Kelang mengandungi Bandar Shah Alam, Subang Jaya, HICOM, Lapanganterbang Antarabangsa Subang dan lain-lain kawasan yang telah maju. Dalam seluruh negara, kawasan ini adalah kawasan penting dan maju dengan pesat dan kawasan ini terletak di satu tempat yang paling strategik. Tetapi, 80 tahun dahulu Lembah Kelang adalah kawasan hutan seperti Hutan Bukit

Ceraka, berhampiran dengan Lembah Kelang. Pada tahun 1906, Kerajaan Selangor telah mengeluarkan satu kawasan hutan kepada Highlands Lowlands Para Rubber Company untuk menanam pokok getah secara besar-besaran dan Midlands Estate ialah ladang yang pertama, yang mula menanam pokok getah secara besar-besaran dalam negara ini.

Highlands Lowlands Para Rubber Company yang di ketuai oleh Sir Frank Swettenham selepas beliau bersara, membawa pekerja-pekerja dari negara India dan Jawa untuk bekerja di ladang-ladang di Lembah Kelang oleh kerana pekerja-pekerja Melayu langsung tidak ada dalam kawasan Lembah Kelang pada masa itu. Orang Asli sahaja yang berada di dalam Hutan dan mereka masih tinggal di Kampung Air Kuning yang berhampiran dengan Ladang Midlands. Pekerja-pekerja dari Jawa menubuhkan satu kampung yang bernama Kampung Padang Jawa dan Kampung ini, berhampiran dengan Bandar Shah Alam adalah pada masa sekarang paling besar dalam Lembah Kelang.

Pada tahun 1906, tidak ada jambatan menyeberang Sungai Kelang dan keadaan kesihatan sangat mendahsyatkan dan menakutkan. 23% dari semua pekerja-pekerja telah meninggal dunia pada tahun 1910, 11% pada tahun 1911 dan 10% pada tahun 1912. Oleh demikian, lebih kurang 50% dari pekerja-pekerja yang telah bekerja di Midlands Estate pada masa itu telah meninggal dunia dalam masa 3 tahun sahaja. Tiap-tiap pekerja mesti makan 10 biji "quinine" tiap-tiap hari. Tidak ada seorang bayi pun yang hidup lebih dari 7 tahun. Gaji untuk tiap-tiap pekerja ialah 27 sen sahaja dan ladang Bukit Jelutong berhampiran dengan Ladang Midlands tidak ada pekerja-pekerja yang mahu bekerja di Ladang tersebut.

Pengangkutan hebat pada masa itu ialah kereta lembu yang jalan dua batu sejam. Oleh kerana langsung tidak ada jalan-jalan pada

masa **itu**, pekerja-pekerja di minta membina jalan-jalan yang perlu dan mereka menggunakan kereta **lembu** untuk membawa batu-batu dan lain-lain barang. Tetapi, ada juga banyak tempat yang penuh dengan lumpur dan lembu-lembu tidak dapat menarik kereta itu dan manusia terpaksa menarik kereta **itu**. Saya mempunyai gambar-gambar yang menunjukkan keadaan ini.

Ini menunjukkan bahawa pekerja-pekerja ladang, khususnya pekerja-pekerja India telah memberi sumbangan-sumbangan yang tidak boleh dinilai untuk membangunkan Lembah Kelang. Mereka telah membersihkan Lembah Kelang dan telah membina jalan-jalan dan membuka kawasan Lembah Kelang untuk ladang-ladang. Kebanyakan mereka telah meninggal dunia dalam ladang-ladang dan hanya sedikit orang sahaja balik ke negara India,

Tetapi keadaan ini. telah di ubah dan pada masa sekarang semua pekerja-pekerja ladang-ladang dalam Lembah Kelang telah menjadi mangsa kerana pembangunan jenis yang lain telah datang ke Lembah Kelang. Semua ladang-ladang dalam Lembah Kelang telahpun diambil oleh Kerajaan untuk membangunkan Bandar Shah Alam, HICOM, Lapanganterbang Antarabangsa Subang, Projek TUDM dan lain-lain projek. Saya mengaku bahawa klta tidak boleh menahankan pembangunan yang membawa faedah kepada orang ramai. Tetapi pada hemat saya, pekerja-pekerja yang terlibat oleh kerana pengambilan ladang-ladang untuk pembangunan mesti diberi pertimbangan yang sewajar dan munasabah. Sebelum Kerajaan atau pihak swasta membangunkan satu kawasan pekerja-pekerja yang terlibat kerana pengambilan ladang-ladang mesti ditempatkan di satu kawasan yang sesuai dan semua kemudahan-kemudahan mereka menikmati sebelum pengambil ladang mesti digantikan. Dalam masa ini saya rasa dukacita bahawa Kerajaan

dan pihak-pihak pemaju tidak memenuhi syarat-syarat yang dikenakan pada masa pengambilan dan belum memenuhi janji-janji yang di-buat kepada pekerja-pekerja ladang.

Saya suka menarik perhatian pihak Kementerian Buruh bahawa keadaan di ladang-ladang diambilalih oleh Kerajaan adalah sangat teruk dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di ladang-ladang tersebut tidak memuaskan. Oleh hal yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Buruh untuk melawat ladang-ladang itu dan lihat keadaan yang ada dengan sendirinya.

Oleh kerana masa tidak mencukupi, saya mengakhiri, ucapan saya. Sekian, terima kasih.

#### **9.18mlm.**

**Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada ucapan Yang Berhormat telah ucapkan sebentar tadi adalah merupakan sejarah pembangunan bagi kawasan Lembah Kelang. Walau bagaimanapun, beberapa bahagian itu menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Buruh, maka saya cuba menjawab seberapa yang dapat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar dan menghargai sumbangan-sumbangan kaum pekerja ladang dalam pembangunan Lembah Kelang yang pada asalnya diliputi oleh ladang-ladang getah, tetapi kini telah wujud sebagai salah satu kawasan perindustrian dan perumahan yang pesat dan maju. Dalam proses pembangunan ini,, sebelum sesuatu ladang di ambilalih oleh Kerajaan atau pemaju, soal kepentingan pekerja-pekerja ladang yang terlibat lazimnya diselesaikan dahulu oleh Kerajaan atau Pemaju dengan pihak pekerja-pekerja melalui kesatuan sekerja mereka dan Kementerian Buruh akan memastikan segala bayaran yang sepatutnya di bayar kepada

pekerja-pekerja berkenaan di bawah undang-undang di selesaikan oleh pihak majikan.

Kementerian Buruh tidak sedar bahawa masih ada majikan-majikan yang gagal mematuhi undang-undang berkaitan dengan pemberhentian pekerja-pekerja akibat ladang-ladang diambilalih, sama ada oleh Kerajaan mahupun majikan bagi tujuan pembangunan di Lembah Kelang. Walau bagaimanapun, jika ada apa-apa syarat yang telah dipersetujui tetap masih belum dipenuhi, tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap pihak majikan yang berkenaan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan mengenai kedudukan kemudahan asas di ladang-ladang ini, sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak Jabatan Buruh sentiasa mengadakan lawatan ke ladang-ladang yang berkenaan. Walaupun Yang Berhormat tidak menamakan ladang yang dimaksudkan itu, secara umumnya kita mengambil tahu oleh kerana ada undang-undang yang menjaga dalam urusan ini. Kita melihat dari segi kemudahan asas standard perumahan sama ada mengikut piawaian yang ditetapkan berkenaan dengan bekalan elektrik, air, penjagaan kanak-kanak dan sebagainya. Oleh yang demikian, jika Yang Berhormat mempunyai yang khusus berkenaan dengan perkara ini untuk dibangkitkan, silalah memberitahu kepada Kementerian, ladang-ladang yang masih mempunyai keadaan yang tidak memuaskan supaya dapat kita mengambil tindakan yang sesuai. Seperti Yang Berhormat maklum, ada undang-undang yang berkaitan dengan perkara ini dan kita boleh mengambil tindakan kepada ladang-ladang yang berkenaan, Saya bersedia untuk melawat bersama-sama dengan Yang Berhormat ke ladang-ladang yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang

Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Wabillahi. Taufik Walhidayah Assalammu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 9.22 malam.**